MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
2019

HARI RABU : 31 JULAI 2019

NO SOALAN: 1

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Dato' Haji Husain Bin Awang minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh mana kajian dilakukan dalam kebenaran penggunaan cermin gelap sepenuhnya khususnya dari aspek keselamatan, kesihatan dan ancaman penjenayah.

NO SOALAN: 1

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kementerian menerusi Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah mengadakan beberapa siri perbincangan bersama dengan Polis Di-Raja Malaysia (PDRM), malah MOU antara JPJ & PDRM telah pun bermula pada 2012 lagi dan satu Jawatankuasa Teknikal antara JPJ & PDRM sentiasa bermesyuarat sebanyak tiga (3) kali setahun untuk menyelesaikan isu-isu penguatkuasaan dan isu-isu berbangkit yang lain.

2. Berhubung isu berkaitan kebenaran penggunaan cermin gelap sepenuhnya khususnya dari aspek keselamatan, kesihatan dan ancaman jenayah, menerusi perbincangan oleh pihak JPJ dan PDRM pada 16 Mei 2019, kedua-dua agensi ini bersetuju untuk bekerjasama di dalam menyediakan laporan terhadap permohonan baru penggunaan cermin gelap oleh orang awam (kenderaan persendirian), dan juga mesyuarat bersetuju untuk pihak PDRM menyediakan laporan rekod jenayah sebelum sesuatu kelulusan kepada orang awam diberikan. Bagi permohonan atas faktor kesihatan pula, pengesahan daripada doktor pakar dan untuk jenis-jenis penyakit tertentu yang disahkan oleh pihak Kementerian Kesihatan dijadikan sebagai panduan bagi meluluskan permohonan.

4. Pemakaian peraturan Standard Antarabangsa UNECE R43 merupakan faktor aplikasi penggunaan cermin gelap dan pihak Kementerian menerusi Jabatan Pengangkutan Jalan telah melaksanakan

pindaan terhadap Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Penggunaan Kaca atau Bahan Lutsinar Lain) pindaan (2019) bagi memastikan kenderaan yang berada di Malaysia mengikut standard piawaian yang diaplikasikan di peringkat Antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 2

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN ZAIEDI SUHAILI**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Tuan Zaiedi Suhaili minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah peratusan capaian terkini Bajet 2019 ke atas sasarannya dan berapakah jumlah yang telah dibelanjakan dan berapakah jumlah hasil kutipan cukai yang telah diperoleh setakat 30 Jun 2019.

NO SOALAN: 2

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebanyak RM314,550 juta telah diluluskan dalam Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2019 merangkumi RM259,850 juta bagi Perbelanjaan Mengurus dan RM54,700 juta bagi Perbelanjaan Pembangunan.

Sehingga 30 Jun 2019, sejumlah RM124,769 juta atau 48.01% telah dibelanjakan di bawah Perbelanjaan Mengurus manakala sebanyak RM23,763 juta atau 43.34% telah dibelanjakan di bawah Perbelanjaan Pembangunan. Peratus perbelanjaan ini adalah selari dengan unjuran prestasi pertengahan tahun.

Setakat 30 Jun 2019, jumlah Hasil Cukai Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM85, 100 juta.

NO SOALAN: 3

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB PUAN BATHMAVATHI KRISHNAN**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Puan Bathmavathi Krishnan minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilakah Perjanjian Marrakesh akan ditandatangani untuk membolehkan golongan OKU penglihatan mengakses bahan-bahan penerbitan tanpa had.

NO SOALAN: 3

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Perjanjian Marrakesh di kawal selia oleh Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). Inti pati utama Perjanjian Marrakesh ini adalah pelaksanaan pengecualian karya hak cipta terhadap keperluan Orang Kurang Upaya penglihatan untuk mendapatkan akses kepada karya-karya dalam format boleh akses melalui 'Authorised Entity'. Melalui Pengecualian bersyarat yang diberikan kepada 'Authorised Entity' ini, sebarang karya boleh dilakukan tanpa memerlukan keizinan daripada pemegang hak karya hak cipta tersebut.

Penyertaan Malaysia ke dalam Perjanjian Marrakesh dapat memberi faedah kepada golongan kurang upaya penglihatan bagi mendapatkan akses kepada bahan-bahan hak cipta seperti penerbitan buku format braille dan sebagainya. Sehingga hari ini, triti ini telah disertai 41 buah negara.

Kementerian ini akan memberi sokongan penuh sekiranya Perjanjian Marakesh ini ditandatangani oleh Kerajaan untuk membolehkan golongan OKU penglihatan mengakses bahan-bahan penerbitan tanpa had.

NO SOALAN: 4

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK IR. YONG WUI CHUNG**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Datuk Ir. Yong Wui Chung minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dengan pelbagai fitnah yang dilemparkan kepada Kerajaan dan menteri kabinet ketika ini, adakah Kerajaan akan mempertimbangkan semula untuk mewujudkan akta anti tidak benar yang bersifat lebih adil dan lengkap.

NO SOALAN: 4

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Terima kasih Tan Sri Yang di Pertua. Terima kasih kepada YB Datuk Ir Yong Wui Chung.

2. Untuk makluman Dewan ini, ada sedikit pembetulan bagi soalan ini, tidak wujud Akta Anti Tidak Benar yang ada Akta Anti Berita Tidak Benar, itu dari segi *technical error.*

3. Untuk makluman Yang Berhormat, Akta Anti Berita Tidak Benar ini masih wujud lagi sebab baru-baru ini Dewan ini telah pun menolak jadi kena tunggu setahun jika hendak membuat pemansuhan itu. Buat masa ini Akta ini masih wujud tetapi tidak ada apa-apa pendakwaan dibuat di bawah Akta ini.

4. Tentang soalan Yang Berhormat sama ada, adakah Kerajaan akan mempertimbangkan semula untuk mewujudkan Akta Anti Berita Tidak Benar yang bersifat lebih adil dan lengkap. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat hari ini belum ada apa-apa keputusan dibuat oleh pihak Kerajaan untuk sama ada mewujudkan semula akta yang bersifat adil dan lengkap kerana buat masa ini kita mempunyai undang-undang yang mencukupi untuk dengan izin *deal with the fake news*.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 5

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK HAJI ABIDULLAH BIN SALLEH**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Datuk Haji Abidullah Bin Salleh minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian akan menggabungkan dua agensi di bawah Kementerian iaitu Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Apakah pelan jangka panjang dan bagaimana ITBM tetap boleh beroperasi sebagai Institusi yang mengendalikan penterjemahan terunggul di negara kita.

NO SOALAN: 5

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan bahawa sehingga kini masih belum terdapat cadangan untuk menggabungkan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Walau bagaimanapun, penggabungan atau pembubaran agensi akan terus dikaji dari semasa ke semasa dalam usaha memantapkan pengurusan organisasi di Kementerian ini.

Kewujudan ITBM adalah kekal dan masih relevan bagi memainkan peranannya sebagai badan penterjemahan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Dengan itu, kedudukan ITBM akan diperkasakan bersama-sama agensi lain yang berada di bawah penyeliaan Kementerian ini.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 6

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATIN RAHIMAH BINTI HAJI MAHAMAD**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Datin Rahimah Binti Haji Mahamad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kuota haji 2019 dan berapakah kuota haji tambahan yang dipohon dan diluluskan pada tahun 2019.

NO SOALAN: 6

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) pada tahun 1978 di Amman, Jordan, telah memutuskan bahawa Kerajaan Arab Saudi menetapkan kuota haji setiap negara pada kadar 0.1 peratus daripada penduduk sesebuah negara berasaskan perangkaan Prospek Populasi Dunia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations World Population Prospect*).

Justeru itu, kuota rasmi jemaah haji Malaysia bagi Musim Haji 1440H/2019M adalah seramai 30,200 orang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, Kerajaan telah memohon kuota tambahan bagi jemaah haji negara ini daripada Kerajaan Arab Saudi seperti biasa berlaku pada setiap tahun. Namun, kelulusan jumlah kuota tambahan adalah tertakluk atas pertimbangan dan kuasa mutlak Raja Arab Saudi.

Sebagai syarat kelulusan kuota tambahan, Kerajaan Arab Saudi meminta supaya jumlah kuota tambahan yang diperoleh TIDAK dihebahkan melalui apa jua medium, dan TIDAK dipolitikkan oleh mana-mana pihak.

Sekian. Terima kasih.

NO SOALAN: 7

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB PUAN NURIDAH BINTI MOHD SALLEH**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Puan Nuridah binti Mohd Salleh minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah jumlah peserta KWSP i-Suri di setiap negeri dan apakah tindakan yang telah dilakukan untuk menambah peserta dari luar bandar yang kurang literasi teknologi terkini.

NO SOALAN: 7

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Program Caruman Sukarela Insentif Suri (i-Suri) Fasa 1 telah mula dilancarkan pada 15 Ogos 2018. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah meletakkan sasaran pendaftaran seramai 100,000 orang suri rumah dan wanita bagi tahun 2019. Sehingga 30 Jun 2019, jumlah suri rumah dan wanita yang telah berdaftar di bawah program i-Suri Fasa 1 ini adalah seramai 109,022. Jumlah ini telah melebihi sasaran Kementerian.

Negeri	Bil. Peserta eKasih	Bilangan Pendaftaran i-Suri
Sarawak	65,622	18,364
Kelantan	55,828	20,213
Sabah	43,471	15,100
Terengganu	28,830	17,731
Selangor	21,386	4,075
Perak	20,627	5,957
Kedah	16,470	6,581
Pulau Pinang	14,242	4,813
Johor	11,481	3,422
Pahang	11,131	4,164
Melaka	9,335	2,265
Negeri Sembilan	8,567	1,877

Perlis	7,943	3,035
WP Kuala Lumpur	6,380	1,425
Jumlah keseluruhan		**109,022**

Bagi menggalakkan pendaftaran i-Suri dalam kalangan wanita dan suri rumah yang memenuhi kriteria kelayakan, Kementerian melalui Agensi Pelaksana iaitu Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bersama Rakan Strategik seperti Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) masih menggiatkan aktiviti promosi i-Suri melalui inisiatif mobile team dan siaran media. Inisiatif mempromosikan i-Suri melalui Program *Outreach* oleh JKM dan AIM dilihat amat membantu dalam memberikan pendedahan mengenai i-Suri kepada kumpulan sasar.

Usaha menggiatkan pendaftaran ini perlulah dilaksanakan secara bersama dan berterusan oleh pelbagai pihak termasuklah penglibatan komuniti setempat dan juga Ahli Parlimen terutama peserta yang berdaftar dengan eKasih dan diperolehi melalui proses verifikasi di lapangan.

NO SOALAN: 8

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK HAJI ISMAIL BIN IBRAHIM**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Datuk Haji Ismail Bin Ibrahim minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan bilangan kes-kes memperdayakan dan penipuan pakej pelancongan dan umrah yang direkodkan sehingga Jun 2019 dan sejauh manakah tindakan yang diambil ke atas syarikat agensi pelancongan haram

NO SOALAN: 8

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, berdasarkan statistik pihak Kementerian, dari tahun 2017 hingga Jun 2019, jumlah kompaun keseluruhan yang telah dikeluarkan adalah RM2,439,725.00 yang melibatkan lebih 5000 kes dan merangkumi pelbagai kesalahan. Manakala bagi kes berkaitan umrah dari tahun 2012 hingga Jun 2019 pula, jumlah kompaun yang telah dikeluarkan adalah sebanyak RM668,500.00 yang melibatkan 115 kes atas pelbagai kesalahan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482].

Selain daripada itu, secara keseluruhannya bagi tahun 2018 sehingga Jun 2019 sebanyak 13 syarikat telah dibatalkan lesen manakala 1 syarikat telah digantung lesen perniagaannya. Bagi kes umrah pula, dari tahun 2009 hingga Jun 2019, sebanyak 12 buah syarikat telah dibatalkan lesen pengendalian pelancongan dan satu (1) syarikat telah ditarik lesen dalam bidang *outbound*.

Kementerian ini memandang serius syarikat-syarikat pelancongan yang beroperasi secara haram. Oleh yang demikian, mana-mana syarikat yang didapati menjalankan perniagaan tanpa lesen telah melakukan kesalahan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482] di mana apabila disabitkan dengan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM500,000.00 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh (10) tahun atau kedua-duanya. Selain daripada itu, adalah menjadi kesalahan

bagi mana-mana agensi pelancongan yang berlesen dengan Kementerian untuk berurusan atau menjalin perhubungan perniagaan dengan mana-mana orang yang menjalankan perniagaan pelancongan yang tidak dilesenkan oleh Kementerian ini. Jika disabitkan dengan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM 50,000.00 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi lima (5) tahun atau kedua-duanya.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 9

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN ADRIAN BANIE LASIMBANG**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Tuan Adrian Banie Lasimbang minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk membahagi kuota khas Bumiputera sebanyak 50% kepada Bumiputera Sabah dan Sarawak bagi berlaku adil untuk merapatkan jurang di kalangan graduan Bumiputera di IPTA.

NO SOALAN: 9

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengamalkan prinsip meritokrasi dalam pemprosesan pemilihan kemasukan pelajar ke institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) dan institusi latihan kemahiran awam (ILKA). Semua calon yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira kaum, agama, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal diberi peluang untuk mengikuti pengajian. Calon-calon yang layak dan memenuhi Syarat Am, Syarat Khas program pengajian serta kriteria pemilihan yang telah ditetapkan akan dipertimbangkan berdasarkan kepada pilihan program pengajian yang dipohon. Kementerian tidak berhasrat untuk memberi kuota khas kepada Bumiputera Sabah dan Sarawak kerana proses pemilihan adalah berasaskan prinsip meritokrasi.

Walau bagaimanapun, KPM telah memperluaskan peluang pendidikan kepada rakyat Malaysia dengan mewujudkan laluan khas kepada golongan B40, Orang Kelainan Upaya, Orang Asli dan Atlet. Golongan ini akan bersaing di kalangan kelompok mereka sendiri dan hanya perlu melepasi syarat khas program seperti yang ditetapkan oleh Univeristi yang dipilih. Ini selaras dengan konsep mengutamakan tiga nilai yang ingin dibina iaitu cinta dan kasih sayang(love), kegembiraan atau kebahagiaan(happiness) dan saling menghormati (mutual respect).

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 10

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK CHEE**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kawasan-kawasan tanah yang telah diperuntukkan di setiap negeri bagi pembinaan rumah mampu milik berdasarkan kepada Dasar Perumahan Negara yang baharu.

NO SOALAN: 10

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) telah menerima 124 tapak cadangan untuk pembangunan Rumah Mampu Milik (RMM) di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) daripada semua Negeri.

2. Tapak-tapak cadangan ini masih dalam proses penilaian oleh KPKT untuk penentuan kesesuaian bagi pembangunan RMM di bawah PPR pada masa hadapan. Seterusnya, cadangan pembangunan PPR ini juga akan dikemukakan kepada Agensi Pusat seperti Kementerian Kewangan dan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi secara berperingkat berdasarkan keutamaan Kerajaan Negeri untuk pertimbangan peruntukan pembangunan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan kepada KPKT.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 11

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK PAUL IGAI**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Datuk Paul Igai minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah jumlah kes melibatkan salah guna dadah di kawasan pedalaman dan kes pengedar dadah meningkat. Adakah program untuk membasmi masalah dadah yang sedia ada memuaskan dan apakah bentuk strategi baru (mungkin ada) untuk memenangi masalah dadah yang telah dan akan di ambil.

NO SOALAN: 11

JAWAPAN

Yang Di-pertua,

Kementerian Dalam Negeri melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa memberi fokus terhadap masalah pengedaran dan penyalahgunaan dadah dalam kalangan masyarakat di seluruh negara tanpa mengira kawasan.

Mengikut statistik PDRM, kes penyalahgunaan dadah secara keseluruhan adalah sebanyak 83,733 kes dengan jumlah tangkapan sebanyak 84,006 orang. Pecahan mengikut tahun adalah seperti yang berikut:

1) Bagi tahun 2018, jumlah kes dan tangkapan adalah masing-masing 75,946 kes dan 76,850 orang; dan

2) Bagi tahun 2019 (sehingga Jun) jumlah kes dan tangkapan masing-masing adalah sebanyak 43,673 kes dan 43,692 orang.

Antara pendekatan holistik yang diambil oleh PDRM dalam usaha membendung masalah pengedaran dan penyalahgunaan dadah di kawasan luar bandar melalui langkah-langkah seperti yang berikut:

1) Bekerjasama dengan masyarakat melalui pengkongsian maklumat dengan melaksanakan Program Kepolisan Masyarakat (Community Policing). Melalui program ini, platform “One Stop Committee” (OSC) digunakan untuk merekodkan maklumat dadah bagi diambil tindakan segera;

2) Meningkatkan kerjasama dengan pelbagai agensi Kerajaan/Swasta, Pejabat Daerah, NGO, Persatuan Penduduk, JKKK dan masyarakat dalam pengkongsian maklumat serta operasi bersama;

3) Menjalankan Operasi Sarang selepas mengenalpasti sarang-sarang penagih dan juga pengedar-pengedar dadah di kawasan luar bandar bagi membanteras kegiatan penagihan dan pengedaran dadah;

4) Mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan bagi mengesan dan menangkap serta mengambil tindakan undang-undang ke atas individu atau sindiket pengedaran dadah melalui tindakan undang-undang dibawah Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985; dan

5) Mengadakan ceramah dan pameran berkaitan dadah kepada masyarakat terutamanya di luar bandar bagi memberi pengetahuan dan kesedaran berkaitan bahayanya dadah.

NO SOALAN: 12

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB PUAN LIM HUI YING**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Puan Lim Hui Ying minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan status terkini mengenai pembangunan teknologi solar dan apakah potensi untuk mengarusperdanakan penggunaan solar dalam negara

NO SOALAN: 12

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Sehingga Mac 2019, kapasiti terpasang Tenaga Boleh Baharu (TBB) secara kumulatif adalah sebanyak 2,068MW berbanding 61.2MW pada tahun 2010, dimana sebanyak 824.5MW adalah disumbangkan oleh sumber tenaga solar.

2. Kedudukan geografi negara yang mempunyai pancaran matahari yang konsisten memberikan potensi yang tinggi untuk memanfaatkan tenaga solar sebagai salah satu sumber TBB utama negara. Bagi mengarusperdanakan penggunaan sumber solar dalam pembekalan elektrik negara, Kerajaan telah memperkenalkan pelaksanaan pelbagi inisiatif seperti berikut:

   (i) penambahbaikan pelaksanaan Program Net Energy Metering (NEM) dengan menawarkan kadar yang lebih tinggi kepada pengguna yang menjual lebihan tenaga yang dijana kepada TNB. Ini dilaksanakan supaya pelaburan dalam projek NEM mendapat pulangan yang lebih singkat dan lebih ramai pengguna akan memasang sistem solar PV di premis masing-masing;

(ii) pelaksanaan mekanisme Supply Agreement with Renewable Energy (SARE) bagi menggalakkan pengguna elektrik memasang sistem solar di premis masing-masing secara pajakan tanpa perlu mengeluarkan modal. Ini dapat mengoptimumkan penggunaan bumbung bangunan untuk penjanaan TBB;dan

(iii) menawarkan kuota 500MW bagi pelaksanaan projek *Large Scale Solar* secara bidaan terbuka. Ini dapat memastikan supaya kapasiti penjanaan TBB melalui sumber solar dapat ditingkatkan dengan kos pembelian penjanaan tenaga yang paling kompetitif.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 13

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN KAMARUDIN BIN ABDUN**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Tuan Kamarudin bin Abdun minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan seterusnya yang diambil oleh Kementerian terhadap sekolah -sekolah sukan yang terbengkalai khususnya di negeri Perlis sejak tahun 2012 sehingga kini.

NO SOALAN: 13

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan bahawa sehingga kini hanya terdapat satu sahaja projek pembinaan sekolah sukan yang terbengkalai iaitu Sekolah Sukan Malaysia Perlis. Berdasarkan kepada kontrak asal, pelaksanaan projek Sekolah Sukan Malaysia Perlis yang telah bermula bermula pada 1 Februari 2013. Tarikh siap asal projek adalah pada 1 Ogos 2014. Walau bagaimanapun, kontraktor asal projek ini telah ditamatkan pada 14 November 2014.

Susulan daripada itu, kontraktor penyiap telah dilantik dan tarikh mula projek di bawah kontraktor penyiap bermula pada 2 Februari 2018 dengan tarikh siap baharu projek adalah pada 2 Februari 2020. Walau bagaimanapun, kontraktor penyiap bagi projek ini telah ditamatkan pada 17 April 2019 kerana prestasi yang lemah. KPM sedang dalam proses mengenal pasti kerja-kerja pembaikan yang diperlukan dan pemurnian skop asal sebelum projek ditender semula.

Untuk makluman, bagi tahun 2019 di bawah *Rolling Plan* Keempat (RP4) Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), terdapat dua (2) projek sekolah sukan baharu yang telah diluluskan iaitu projek menaik taraf kemudahan asrama dan akademik Sekolah Sukan Bukit Jalil, Kuala Lumpur dan pembinaan bangunan baru Sekolah Sukan Malaysia Perlis.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 14

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN KHAIRUL AZWAN HARUN**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Tuan Khairul Azwan Harun minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah justifikasi Kerajaan untuk mengambil lebih banyak tenaga buruh dari luar negara dan berapa jumlah tenaga buruh asing mengikut negara, kaum dan jantina yang telah didaftarkan setakat Jun 2019.

NO SOALAN: 14

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, pengambilan pekerja asing adalah antaranya disebabkan oleh faktor-faktor seperti berikut:

(i) pengambilan pekerja asing adakah untuk mengisi kekosongan dalam kategori pekerjaan bersifat *unskilled* atau pekerjaan am mengikut sub sektor;

(ii) kekurangan minat pencari kerja tempatan untuk menceburi sektor pekerjaan yang tidak mempunyai nilai komersial mengambil kira *nature* pekerjaan yang bersifat 3D (*Dirty, Dangerous and Difficult*).

2. Walau bagaimanapun, dakwaan berkenaan pengambilan pekerja asing yang ramai adalah tidak benar kerana Kerajaan telah menetapkan nisbah penggajian pekerja asing mengikut kuota berdasarkan sektor. Selain itu, dalam usaha mengurangkan kebergantungan pekerja asing juga, Kerajaan juga akan melaksanakan *multi-tier levy* yang berkonsepkan semakin tinggi pekerja asing yang digajikan, semakin tinggi kadar levi yang dikenakan.

Tuan Yang di-Pertua,

NO SOALAN: 14

3. Berdasarkan statistik Jabatan Imigresen Malaysia sehingga 30 Jun 2019, sejumlah 2,002,427 pekerja asing kurang mahir direkodkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia melalui pengeluaran Pas Lawatan (Kerja Sementara) – PLKS yang masih sah dan aktif. Butiran pecahan pekerja asing kurang mahir mengikut lima (5) warganegara tertinggi dan jantina adalah seperti dalam **Jadual 1** di bawah.

Jadual 1: Jumlah Pekerja Asing Kurang Mahir Yang Telah Dikeluarkan PLKS Aktif Dan Sah Mengikut Lima (5) Warganegara Tertinggi dan Jantina Hingga 30 Jun 2019

BIL.	WARGANEGARA	JANTINA		JUMLAH (ORANG)
		LELAKI	PEREMPUAN	
1.	Indonesia	426,648	277,527	704,175
2.	Bangladesh	567,684	1,245	568,929
3.	Nepal	306,455	9,647	316,102
4.	Myanmar	103,721	22,074	125,795
5.	India	115,057	2,676	117,733
6.	Lain-Lain	106,600	63,093	
JUMLAH KESELURUHAN (ORANG)		**1,626,165**	**376,262**	**2,002,427**

Sumber: Jabatan Imigresen Malaysia

Tarikh Kemas Kini: 1 Julai 2019

NO SOALAN: 15

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK JOHN AMBROSE**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Datuk John Ambrose minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan mengapa kapal-kapal Tentera Laut Diraja Malaysia melakukan pembaikan dan kerja-kerja "fitting" di Lumut sedangkan Wilayah Persekutuan Labuan mempunyai limbungan pelabuhan dan tenaga kerja mahir untuk melaksanakan kerja-kerja tersebut.

NO SOALAN: 15

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertahanan melakukan pembaikan dan kerja-kerja “refit” atau “fitting” berdasarkan pendekatan “Tender Terbuka” dimana pemilihan limbungan bagi pembaikan dan kerja-kerja “refit” atau “fitting” adalah tertakluk kepada tawaran harga terendah, tempoh pembaikan, bidang kerja yang menyeluruh mematuhi spesifikasi serta lokasi limbungan. Bagi penganugerahan terkini, pembaikan dan kerja-kerja “refit” atau “fitting” KD SELANGOR yang berpangkalan di Kota Kinabalu, Sabah telah dianugerahkan kepada Labuan Shipyard and Engineering Sdn Bhd pada 14 Jun 2019.

Pendekatan “Tender Terbuka” diambil kerana bagi pembaikan dan kerja-kerja “refit” atau “fitting” kapal perang bersaiz besar, di Malaysia hanya terdapat 4 limbungan yang berkemampuan melaksanakan selenggaraan ini iaitu Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd (Lumut), Malaysia Marine and Heavy Engineering Berhad (Pasir Gudang), Labuan Shipyard & Engineering Sdn Bhd (Labuan) dan Shin Yang Shipyard Sdn Bhd (Miri).

Bagi pembaikan dan kerja-kerja “refit” atau “fitting” kapal perang bersaiz kecil, tawaran pembaikan kapal yang berpangkalan di Sabah hanya ditawarkan kepada limbungan di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan sahaja, tidak kepada limbungan di Semenanjung. Ini disebabkan faktor lokaliti, selain kapal perang kecil tidak perlu merentas Laut China Selatan.

NO SOALAN: 16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN NGA HOCK CHEH**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Tuan Nga Hock Cheh minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan mempertimbangkan kewajaran untuk mengeluarkan Klausa Penolakan (Ouster Clause) bidang kuasa Mahkamah dalam 'statute' yang berkenaan supaya menegakkan/meningkatkan Peraturan Perundangan (Rule of Law).

NO SOALAN: 16

JAWAPAN

Merujuk Janji 27 Manifesto Pakatan Harapan, Kerajaan sedang mengambil tindakan ke arah menghapuskan kesan klausa penyingkiran dalam perundangan. Kerajaan mempunyai keyakinan penuh terhadap mahkamah dan penghapusan kesan klausa penyingkiran akan membolehkan mahkamah mengkaji semula semua perkara yang dibawa ke hadapannya bagi memastikan semak dan imbang yang lebih berkesan. Bagi maksud ini Rang Undang-Undang akan dikemukakan kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN ALAN LING SIE KIONG**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Tuan Alan Ling Sie Kiong minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perkembangan terkini dalam usaha mencari dan menangkap Low Taek Jho dan bapany Low Hock Peng bagi membantu siasatan berhubung skandal Syarikat 1 Malaysia Development Berhad.

NO SOALAN: 17

JAWAPAN

Yang Di-pertua,

Low Taek Jho atau dikenali sebagai Jho Low dan bapanya Low Hock Peng dikehendaki oleh pihak berkuasa negara ini bagi membantu siasatan berhubung syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB). Kedua-dua individu ini dipercayai berada di luar dan usaha mengesan dan membawa balik mereka ke Malaysia masih diteruskan.

Antara usaha yang telah diambil oleh pihak polis adalah dengan mengemukakan permohonan kepada Interpol untuk memasukkan nama Jho Low dan bapanya di dalam senarai orang yang dikehendaki (*Interpol Red Notice*).

Selain tindakan melalui Interpol, usaha mengesan mereka turut giat dilaksanakan dengan kerjasama negara-negara lain itu. Satu mesyuarat *task-force* yang melibatkan Malaysia, Amerika Syarikat, Switzerland dan Singapura telah diadakan di Jabatan Peguam Negara, Putrajaya pada 18 dan 19 September 2018 berhubung siasatan dan keterangan melibatkan kes 1MDB. Mesyuarat juga membincangkan usaha untuk mengesan Jho Low dan usaha menyita aset-aset berkaitan 1MDB yang berada di luar negara.

Di samping itu, pihak Polis Diraja Malaysia sedang berunding dengan negara-negara tertentu untuk membawa balik Jho Low dan bapanya ke Malaysia dan proses rundingan ini masih diteruskan.

NO SOALAN: 18

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' ZAHARI BIN SARIP**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Dato' Zahari bin Sarip minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah punca sebenar pencemaran di Pasir Gudang, Johor yang berlaku sekali lagi selepas insiden pertama beberapa bulan lalu.

NO SOALAN: 18

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Siasatan sehingga kini mendapati tiada punca spesifik telah dikenalpasti menyebabkan masalah gangguan kesihatan di Pasir Gudang. Siasatan awal Jabatan Alam Sekitar (JAS) juga mengesahkan bahawa tiada sebarang kejadian pembuangan atau pelupusan haram buangan terjadual dikesan. Walau bagaimanapun, usaha-usaha bagi menyiasat punca-punca kejadian ini terus giat dilaksanakan dan skop serta bilangan pemeriksaan premis telah dipertingkatkan.

2. Sejak insiden berlaku pada 20 Jun 2019 sehingga 12 Julai 2019, sebanyak **255 premis industri telah diperiksa dimana 136 kompaun telah dikeluarkan dan 11 premis telah diberi penahanan operasi. Manakala sebanyak 3 syor tindakan mahkamah telah dikeluarkan.**

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK LIM PAY HEN**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-

(a) bagaimana Kementerian akan berkongsi pangkalan data sistem iaitu Daftar Kanak-kanak Malaysia dengan negara ASEAN lain bagi pemantauan yang lebih efektif ke atas penjenayah seksual kanak-kanak; dan

(b) adakah perkongsian butiran dan maklumat secara terperinci mengenai pesalah dalam pangkalan data sistem tersebut akan melibatkan kerjasama Kementerian lain.

NO SOALAN: 19

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini, Kementerian ini belum bercadang untuk data di dalam Daftar Kanak-Kanak dikongsi bersama dengan negara ASEAN yang lain.

Tujuan Daftar Kanak-Kanak adalah bagi melindungi dan memberikan intervensi yang sewajarnya kepada mangsa kanak-kanak, manakala menyiasat dan memantau penjenayah adalah di bawah bidang kuasa Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Walau bagaimanapun, PDRM telah mengadakan kerjasama dengan Pihak Penguat kuasa Luar Negara di peringkat antarabangsa seperti FBI dan Interpol dalam memantau penjenayah seksual terhadap kanak-kanak melalui perkongsian maklumat. Pada masa yang sama juga, Jabatan Imigresen Malaysia turut membantu memantau pergerakan masuk dan keluar individu daripada hasil perkongsian maklumat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Seksyen 120 Akta Kanak-Kanak 2001 memperuntukkan bahawa maklumat dalam Daftar boleh diberikan kepada orang-orang yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah JKM atas alasan bahawa akses mereka kepada Daftar akan mempertingkatkan pelindungan kanak-kanak.

NO SOALAN: 19

Sekiranya perkongsian butiran dan maklumat secara terperinci mengenai pesalah dalam Daftar Kanak-Kanak dilaksanakan di peringkat ASEAN maka ia akan melibatkan kerjasama antara Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Dalam Negeri dan Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan.

NO SOALAN: 20

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DR. NUING JELUING**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Dr. Nuing Jeluing minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan baru-baru ini berlaku satu kes kematian akibat rabies disebabkan oleh kegagalan anggota kesihatan untuk mematuhi prosedur operasi standard. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan perkara ini tidak berulang lagi pada masa hadapan dan apakah langkah-langkah yang diambil secara keseluruhan untuk membanteras penularan wabak Rabies di Sarawak.

NO SOALAN: 20

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Berikutan kes rabies terkini yang dilaporkan pada 13 Jun 2019, Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Sarawak telah mengeluarkan sepucuk surat peringatan kepada semua klinik dan hospital Kerajaan dan juga swasta bagi mengingatkan prosedur pengendalian kes gigitan anjing. Garis Panduan Pengendalian Kes Rabies di Sarawak juga telah dilampirkan bersama surat yang telah diedarkan pada 21 Jun 2019 itu.

Selain itu, semua Pejabat Kesihatan Bahagian (PKB) di Sarawak telah diberi arahan untuk membuat audit pengurusan kes gigitan anjing di fasiliti kesihatan di bawah seliaan PKB masing-masing. Kes-kes gigitan bagi tempoh tiga (3) bulan ke belakang dari tarikh 13 Jun 2019 dan yang meragukan dirujuk ke Klinik Gigitan Haiwan bagi pemeriksaan lanjut.

JKN Sarawak juga sedang dalam usaha mengadakan latihan dan kursus ulang kaji (*refresher course*) bagi semua kakitangan barisan hadapan (*frontliners*) di klinik kesihatan. Kursus di Bahagian Kuching telah diadakan pada 30 Jun 2019. Bagi daerah-daerah lain, kursus dijangka akan diadakan pada bulan Ogos mengikut zon. JKN Sarawak dan semua pejabat kesihatan daerah akan terus memantau pengendalian kes gigitan haiwan di fasiliti kesihatan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 21

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB PUAN HAJAH SABANI BINTI MAT**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Puan Hajah Sabani binti Mat minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah pengurangan import khasnya makanan kerana setakat ini, import makanan negara kita kian hari kian bertambah.

NO SOALAN: 21

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Tidak keterlaluan untuk menyatakan bahawa sektor agromakanan negara telah berjaya membekalkan sebahagian besar keperluan makanan penduduk. Tahap Sara Diri *(Self Sufficiency Level – SSL)* bagi komoditi daging ayam / itik dan telur ayam / itik telah melebihi 100%. Walau bagaimanapun, prestasi SSL terkini beberapa komoditi agromakanan yang lain adalah tidak mencapai 100% seperti berikut:

Komoditi agromakanan	Kadar SSL (%)
Tanaman	
Beras (IPB)	69.5
Sayur-sayuran	46.6
Buah-buahan	77.5
Ternakan	
Daging Lembu/Kerbau	22.2
Susu Segar (Liter)	58.3
Ikan Makanan	92.8

Pada tahun 2018, negara mengimport sejumlah RM50.1 bilion makanan berbanding export sebanyak RM31.5 bilion menjadikan defisit Imbangan Dagangan bernilai RM18.6 bilion. Perangkaan ini sebenarnya menunjukkan peningkatan sebanyak RM0.9 bilion berbanding tahun 2017, sebahagiannya disumbangkan oleh usaha-usaha Kerajaan bagi meningkatkan SSL.

NO SOALAN: 21

Antara rancangan dan inisiatif Pertanian bagi menjadikan negara ini berkeupayaan untuk mengeluarkan dan membekalkan makanan kepada rakyatnya sendiri adalah seperti berikut:

i. Melaksanakan pembangunan empat Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) iaitu Pekan dan Rompin di Pahang, Batang Lupar di Sarawak dan Kota Belud di Sabah sebagai jelapang padi negara yang baharu. Dengan pembukaan empat kawasan baharu ini beserta inisiatif-inisiatif lain seperti penggunaan variety padi sah baharu yang berhasil tinggi dan rintang penyakit, hasil pengeluaran padi negara dijangka akan meningkat sehingga ke Tahap Sara Diri (SSL) sebanyak 75 peratus pada tahun 2020 dan seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada import beras;

ii. Meningkatkan pengeluaran dalam sektor perikanan menerusi pengukuhan pengurusan perikanan tangkapan, mentransformasi infrastruktur dan prasarana pendaratan ikan, menguatkuasakan Pemantauan, Kawalan dan Pengawasan (MCS) dan memperkaas industri akuakultur;

iii. Meningkatkan pengeluaran sayur-sayuran menerusi pelbagai inisiatif penanaman seperti peluasan tanaman dalam Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), penggunaan teknologi Pertanian moden dan sebagainya;

iv. Meningkatkan populasi ternakan ruminan melalui pelaksanaan Projek Ladang Satelit dan Taman Kekal Pengeluaran Ruminan. Kerajaan juga sedang melaksanakan sebanyak lima Lembah Tenusu dengan mensasarkan tambahan susu segar sebanyak 20 juta liter dalam tempoh lima tahun; dan

v. Melaksanakan pelbagai projek agromakanan yang mempunyai potensi pertumbuhan tinggi seperti akuakultur, rumpai laut dan sarang burung walit, mempergiatkan Program Agropreneur Muda dan membangunkan industri jagung bijian bagi menangani kebergantungan import bahan makanan untuk ternakan.

Sebahagian daripada bahan makanan masih tetap perlu diimport bagi memenuhi permintaan sebagai bahan mentah untuk industri pembuatan yang mempunyai kualiti dan spesifikasi yang berbeza. Sebahagian lagi adalah bahan makanan yang tidak ekonomik dan sesuai untuk dihasilkan dalam negara seperti buah-buahan dan sayur-sayuran *temperate* dan tropika, gandum, gula dan sediaan gula.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 22

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DR. YAAKOB BIN SAPARI**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Dr. Yaakob bin Sapari minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan ekoran lambakan graduan jurusan perubatan, farmasi dan pergigian, apakah usaha Kerajaan untuk membantu penempatan graduan ini di hospital-hospital Kerajaan. Adakah nisbah pesakit dengan doktor di negara ini telah mencukupi.

NO SOALAN: 22

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Bagi menangani isu masa menunggu penempatan untuk menjalani latihan siswazah dan khidmat wajib, Kerajaan telah melaksanakan lantikan kontrak dan meningkatkan jumlah slot latihan kepada graduan perubatan, pergigian dan farmasi mulai Disember 2016. Pelaksanaan pelantikan kontrak ini adalah berikutan peningkatan keluaran graduan dari dalam dan luar Negara serta kekangan jawatan tetap. Antara langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia bagi penempatan graduan-graduan tersebut adalah seperti berikut:

1. Graduan Perubatan

Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, graduan perubatan yang ingin mengamal di Malaysia adalah tertakluk kepada Akta Perubatan 1971 yang mana mereka perlu menjalani latihan siswazah. Bagi mempercepatkan penempatan graduan perubatan untuk menjalani latihan siswazah, Kementerian telah melaksanakan beberapa inisiatif seperti berikut:

i. Melantik dan menempatkan Pegawai Perubatan Siswazah ke Hospital latihan Siswazah (HLS) setiap dua (2) bulan iaitu dalam enam (6) kali setahun;

ii. Pemilihan penempatan untuk latihan siswazah dibuat sendiri oleh graduan perubatan secara atas talian melalui sistem *e-houseman*;

iii. Melanjutkan pelaksanaan moratorium bagi Penawaran Kursus Baru Bidang Perubatan di Institut Pengajian Tinggi (IPT) dalam negara selama 5 tahun sehingga 2021; dan

iv. Meningkatkan bilangan hospital baru yang memenuhi syarat akreditasi untuk dijadikan sebagai Hospital Latihan Siswazah. Buat masa ini terdapat sebanyak 46 buah Hospital Latihan Siswazah dengan jumlah slot latihan sebanyak 12,033. Sebanyak lapan (8) buah hospital sedia ada sedang diteliti untuk dikitiraf sebagai Hospital Latihan Siswazah dalam tempoh 2 tahun (2020-2021).

2. <u>Graduan Pergigian</u>

Kerajaan telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi penempatan graduan pergigian seperti berikut:

i. Pengurangan tempoh khidmat wajib daripada dua (2) tahun kepada 1 tahun mulai tahun 2015;

ii. Meluluskan sebanyak 391 perjawatan Pegawai Pergigian kepada Kementerian Kesihatan Malaysia bagi maksud

menampung penempatan khidmat wajib graduan pergigian pada tahun 2016;

iii. Meningkatkan penempatan khidmat wajib ke 699 fasiliti KKM pada tahun 2019 berbanding 326 fasiliti pada tahun 2018. Penempatan khidmat wajib di fasiliti kesihatan Kerajaan bagi graduan pergigian adalah bergantung kepada keupayaan sesebuah fasiliti tersebut menyediakan peralatan dan kerusi pergigian (*dental chair)*; dan

iv. Meningkatkan jumlah pengambilan Pegawai Pergigian Gred UG41 selepas pelaksanaan kaedah lantikan secara kontrak iaitu dengan menawarkan pelantikan kepada semua calon yang melepasi tapisan SPA dengan jumlah bilangan lantikan seramai 1,125 orang pada tahun 2018 berbanding 504 orang sahaja pada tahun 2015.

3. <u>Graduan Farmasi</u>

Bagi graduan farmasi pula, langkah yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan adalah seperti berikut:

i. Memperluaskan premis latihan siswazah di KKM. Sehingga Julai 2019, terdapat 130 hospital dan 155 klinik kesihatan (jumlah: 285) telah dijadikan sebagai premis latihan; dan

ii. Melaksanakan pendekatan liberalisasi yang mana graduan farmasi tidak lagi terikat untuk berkhidmat dengan Kerajaan bagi menjalani latihan siswazah atau khidmat wajib. Berdasarkan pendekatan tersebut, graduan farmasi dibenarkan untuk memohon pekerjaan dengan sektor swasta (premis-premis yang diiktiraf oleh Lembaga Farmasi Malaysia) bagi maksud memenuhi keperluan Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951. Sehingga Julai 2019, sebanyak 693 premis latihan siswazah secara liberalisasi telah didaftarkan merangkumi Komuniti Farmasi (600), hospital swasta (37), industri mengilang (25), industri tidak mengilang (22) serta pusat kajian dan pembangunan di universiti (9).

Nisbah doktor kepada penduduk adalah merupakan indikator yang diguna pakai di peringkat antarabangsa, bukannya nisbah doktor kepada pesakit. Sasaran Malaysia adalah untuk mempunyai nisbah 1 doktor kepada 450 penduduk pada tahun 2020. Dengan nisbah ini, Malaysia memerlukan seramai 84,456 doktor (di sektor awam dan swasta) pada tahun 2020. Pada tahun sehingga tahun 2017 (data terkini), nisbah doktor kepada penduduk di Malaysia masih lagi tidak mencukupi iaitu nisbah 1 doktor perubatan kepada 554 penduduk sahaja.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 23

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK THEODORE DOUGLAS LIND**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Datuk Theodore Douglas Lind minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah Kementerian akan mengadakan dasar dan strategi baru untuk mengatasi jenayah dan anasir yang mengancam keselamatan yang masih berada di dalam kawasan ESCOM.

NO SOALAN: 23

JAWAPAN

Yang Di-pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa pihak Kementerian Dalam Negeri melalui East Sabah Security Command (ESSCOM) sentiasa prihatin dan komited dalam menjaga kedaulatan dan keselamatan negara terutamanya di kawasan ESSZONE Sabah dari sebarang ancaman dan mara bahaya. ESSCOM sentiasa berusaha dan mengambil inisiatif dalam menangani pelbagai masalah yang berlaku. Diantara langkah-langkah strategik yang telah dan akan diambil adalah:-

a) Langkah-langkah Penguatkuasaan.

ESSZONE masih terdedah kepada 'Penjenayah Rentas Sempadan' dari negara jiran. Keadaan keselamatan dan ketenteraman di 10 buah daerah dalam ESSZONE adalah terkawal namun dalam keadaan senantiasa berjaga-jaga dan bersiap siaga. Seperti meningkatkan risikan, pengwujudan sekatan jalan raya (RCP) baharu, pemeriksaan di feri, pemeriksaan di pintu masuk Negara, pemeriksaan kapal-kapal dagang, dan tindakan pencegahan oleh Ketua Polis Daerah.

b) Pengoperasian.

1. Operasi Bersepadu. Operasi ini melibatkan pelbagai agensi penguatkuasa dimana ianya akan dilakukan di ESSZONE pada setiap hari. Operasi ini dilaksanakan adalah bertujuan mengesan

Penjenayah, PTI dan Penyeludup;

2. Operasi Gasak (DARAT dan LAUT). Operasi ini juga mensasarkan Penjenayah dan Penyeludup; dan

3. Sekatan Jalan Raya (RCP) Operasi Sekatan Jalan Raya diujudkan di kawasan kawasan tertentu seperti di KALABAKAN, SAPI NAGOH dan MANGARIS bagi pencegahan jenayah mengesan serta membantras aktiviti penyeludupan dan mengsan PTI serta gerakan Militan seperti DAESH, IS dan ISIS

Disamping itu, pihak ESSCOM sentiasa mempertingkatkan pembasmian kegiatan penyeludupan dalam usaha menangkap dan mendakwa pelaku, selain mengenalpasti serta membasmi jeti-jeti haram di Esszone.

4. Penubuhan Pos Keselamatan baru:-

ESSCOM telah menubuhkan berberapa pos keselamatan baru diantaranya ialah Pulau Ligitan di Semporna, Kuala Sungai Manalanun di Kinabatangan, Kuala Maruap di Kinabatangan dan Sungai Menggaris di Kalabakan

5. Pemantauan dan Pemusnahan ‘STAGING POINT’ penjenayah;

6. Menentukan pengharaman ‘PUMP BOAT’ berkuatkuasa. Menentukan pengharaman ‘pump boat’ dalam kalangan PTI dikuatkuasa. Pump boat milik rakyat tempatan akan didaftar dan dilesenkan oleh pihak JPDS. Selain itu pihak kami mencadangkan sistem warna (coloring) mengikut daerah di

Esszone;

7. Mengekalkan ‘Perintah Berkurung’ di ESSZONE yang mana ianya mencakupi keluasan 224,592 km/persegi dan dikuatkuasakan sejak 17 JUL 2014;

8. Mewajibkan pemasangan AIS (Automated Identification System) pada Kapal- kapal nelayan (cadangan subsidi oleh pihak Kerajaan);

9. Mempertingkatkan kerjasama dengan negara jiran TRILATERAL COOPERATION AGREEMENT (TCA – INDOMALPHI); dan

10. Mempergiatkan Program Gerak Saraf (GSPS) dengan masyarakat tempatan – SEMARAK BERSAMA ESSCOM.

a. PROGRAM SEMARAK RAKYAT BERSAMA ESSCOM – SABAH TANAH AIRKU

Program ini bertujuan untuk meningkatkan kerjasama strategik di antara ESSCOM dan agensi Kerajaan selain mendekatkan pasukan keselamatan ESSCOM dengan masyarakat setempat melalui perkhidmatan in-situ; dan

b. PROGRAM ENGAGEMENT ESSCOM BERSAMA MASYARAKAT

Program ini diadakan bertujuan untuk masyarakat mendapatkan pencerahan dan maklumat mengenai isu-isu keselamatan semasa dengan agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasaan melalui sesi dialog.

NO SOALAN: 24

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' CHAI KIM SEN**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Dato' Chai Kim Sen minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan :-

(a) apakah produk atau penyelidikan yang berpotensi dikenal pasti oleh Kementerian mampu menarik peluang pelaburan asing; dan

(b) berapakah jumlah dana dan geran yang disediakan oleh Kementerian sebagai "start-up fund" sama ada tempatan atau asing.

NO SOALAN: 24

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

(a) MESTECC sedang mengemaskini bidang yang berpotensi menjadi bidang keutamaan R&D negara. Bidang yang diberi tumpuan ialah teknologi digital (termasuk pembuatan termaju), bioteknologi, teknologi perubatan dan teknologi hijau.

Bidang-bidang ini didapati berpotensi untuk berkembang maju dan mampu menarik pelaburan asing dan selari dengan misi dan visi Rancangan Malaysia Ke Sebelas (RMKe-11).

Antara produk hasil penyelidikan dan pembangunan yang berpotensi ialah *Intelligent Circulation While Drilling (iCWD)* yang dibangunkan oleh MIT Innovation Sdn. Bhd. dengan kerjasama Petroliam Nasional Berhad (Petronas) dalam membangunkan sistem penggerudian pintar pertama bagi operasi carigali Petronas. Produk ini diiktirafkan sebagai penerima Anugerah Pemenang Terbaik Keseluruhan untuk Anugerah MCY 2016.

Selain itu, produk 33kV *Switchgear* yang dibangunkan oleh syarikat tempatan, EPE *Switchgear* Sdn. Bhd. melalui pembiayaan *Malaysian Technology Development Corporation* (MTDC) telah berjaya menembusi pasaran China, India dan Jerman dengan nilai hasil

pengkomersialan sebanyak RM6,912,900.00 di antara tahun 2016-2017 manakala produk *Construction Sheet Pile* yang dibangunkan oleh *Advanced Geomechanic* Sdn. Bhd. melalui pembiayaan MTDC telah berjaya menembusi pasaran Korea, Jepun dan Bangladesh dengan nilai hasil pengkomersialan pada tahun 2018 sebanyak RM1,048,000.00.

(b) Sepanjang RMK 11, agensi pembiaya di bawah MESTECC telah diberikan peruntukan sebanyak RM653 juta bagi membiayai aktiviti pengkomersialan hasil penyelidikan, pembangunan dan inovasi. Dari jumlah ini, sebanyak RM543.8 juta telah disalurkan kepada 392 syarikat penerima dana, termasuk 327 syarikat *start-up*.

Agensi-agensi pembiaya di bawah MESTECC menawarkan pembiayaan kepada syarikat *start-up* melalui geran, ekuiti atau pinjaman. Bagi Cradle Fund Sdn Bhd, pembiayaan yang ditawarkan adalah geran sehingga RM300, 000 di bawah CIP300 dan ekuiti sehingga RM800,000 bagi skim DEQ800.

MTDC pula menyediakan pembiayaan dalam bentuk geran melalui skim *Commercialization of R&D Fund* (CRDF), *Technology Acquisition Fund* (TAF) dan *Halal Technology Development Fund* (HTDF). Selain itu, MTDC turut menawarkan skim pembiayaan berbentuk pinjaman iaitu *Business Startup Fund* (BSF) dan ekuiti melalui *Business Growth Fund* (BGF).

NO SOALAN: 24

Kumpulan Modal Perdana (KMP) menawarkan pembiayaan ekuiti kepada syarikat termasuk *start-up* yang terlibat dalam sektor Elektrik dan Elektronik (E&E). Malaysian Venture Capital Management Berhad (MAVCAP) turut menyediakan pembiayaan ekuiti kepada *startup* melalui tabung yang diuruskan oleh syarikat pengurus dana (*fund manager*). Malaysian Debt Venture (MDV) pula menawarkan pembiayaan dalam bentuk pinjaman kepada syarikat teroka termasuk startup.

Selain daripada geran yang ditawarkan oleh agensi pembiaya, MESTECC turut menawarkan skim geran padanan iaitu *MESTECC R&D Fund* kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) bagi pembiayaan hasil R&D yang telah mempunyai *Proof of Concept* dan berpotensi untuk dikomersialkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Selain dari bantuan kewangan, agensi pembiaya turut terlibat memberikan khidmat sokongan seperti peningkatan kemahiran perniagaan dan teknikal, pengkomersialan teknologi, akses pasaran, harta intelek, program peningkatan kapasiti graduan untuk menceburi bidang *technopreneur* serta menyediakan kemudahan fasiliti dan inkubator. Program-program ini bertujuan membangunkan usahawan antaranya dalam bidang tenaga, bioteknologi dan kejuruteraan serta membantu kesiapsiagaan graduan menceburi bidang pekerjaan dan keusahawanan ke arah Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0) negara.

NO SOALAN: 24

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 25

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB LAKSAMANA PERTAMA (B) HAJI MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah projek bangunan tambahan Hospital Seri Manjung boleh disiapkan pada tahun 2020.

NO SOALAN: 25

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Projek pembinaan Bangunan Tambahan Hospital Seri Manjung, Perak telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) *Rolling Plan* 3 (RP3). Projek ini akan menggunakan kaedah Reka Dan Bina yang mana Cawangan Kerja Kesihatan, Jabatan Kerja Raya (CKK, JKR) sebagai Agensi Pelaksana. Pada masa ini, projek ini sedang dalam peringkat perolehan dan Surat Setuju Terima (SST) dijangka akan dikeluarkan kepada kontraktor yang berjaya pada pada Disember 2019. Tempoh pembinaan adalah selama 36 bulan dan dijangka siap pada Januari 2023.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 26

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK IR. YONG WUI CHUNG**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Datuk Ir. Yong Wui Chung minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk memperkasakan tanaman sayuran dan buah-buahan negara dan mengurangkan kebergantungan import dari negara luar.

NO SOALAN: 26

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan statistik Jabatan Pertanian, peratusan pengimportan sayur-sayuran negara adalah 70%, iaitu 1.8 juta mtan berbanding dengan pengeluaran di dalam negara, iaitu sebanyak 813,000 mtan (30%). Daripada 70% pengimportan tersebut, 1.4 juta m/tan adalah sayuran *temperate* yang tidak sesuai di tanam di Malaysia. Manakala, peratusan pengimportan bagi buah-buahan adalah sebanyak 35%, iaitu sebanyak 692,555 m/tan berbanding dengan pengeluaran dalam negara, iaitu sebanyak 1.2 juta m/tan (65%). Daripada 35% pengimportan tersebut, 64% adalah buah-buahan *temperate* dan buah-buahan tropika.

2. Bagi memperkasakan tanaman sayuran dan buah-buahan negara dan mengurangkan kebergantungan import dari negara luar, beberapa tindakan telah diambil dan dilaksanakan iaitu :

    i. Membangunkan varieti/hibrid baharu sayur-sayuran tempatan berhasil tinggi sebagai contoh MAHA18 merupakan varieti baru tomato yang dijangka memberi hasil tuaian sehingga 30 metrik tan per hektar dan setiap pokok mampu menghasilkan tuaian sehingga tiga kilogram.

    ii. Membangunkan teknologi pengeluaran sayuran yang efisien bagi meningkatkan hasil dan sekuriti makanan sebagai contoh penanaman cili merah menggunakan teknologi fertigasi dapat

meningkatkan hasil cili merah sehingga 3 – 4 kali ganda berbanding kaedah konvensional;

iii. Membangunkan kaedah pengurusan serangga perosak dan penyakit secara mesra alam dan lestari melalui kaedah biologi dan amalan kejuruteraan ekologi. MARDI telah melancarkan agen kawalan biologi iaitu '*Diadegma semiclausum'* dan '*Cotesia vestalis'* untuk mengawal serangan perosak utama tanaman '*krusifer*' terutama sayuran kubis.

iv. Membangunkan teknologi pengendalian lepas tuai sayur-sayuran dan buah-buahan melalui Amalan Pertanian Baik (myGAP). Pengendalian lepas tuai dan myGAP adalah untuk meningkatkan hasil yang berkualiti dan optimum. Terdapat 1,057 ladang buahan-buahan dan 566 kebun sayur yang memiliki pensijilan myGAP;

v. Menjalankan kajian bagi menghasilkan varieti sayur-sayuran yang sesuai beradaptasi pada persekitaran tempatan Contohnya varieti kubis dan tomato untuk penanaman di kawasan tanah rendah merupakan inisiatif MARDI bagi membantu mengurangkan kemasukan import kobis yang tinggi serta mengurangkan tekanan kepada keterbatasan tanah di kawasan tanah tinggi; dan

vi. Melaksanakan projek-projek pembangunan seperti Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Pembangunan Kluster Tanaman dan Tanaman Semula Buah-buahan Terpilih serta Sayur-sayuran. Didapati pengimportan buah seperti pisang telah

menurun daripada 22,021 m/tan kepada 16,864 m/tan manakala manggis pula menurun daripada 7,698 m/tan kepada 3,282 m/tan pada tahun 2015 dan 2018, iaitu pengurangan sebanyak 30%-40%.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 27

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' SRI TI LIAN KER**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Dato' Sri Ti Lian Ker minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah perkembangan terkini usaha Kementerian dalam menggalakkan lebih banyak penggunaan minyak bio-diesel berdasarkan minyak sawit dan apakah tindakan Kementerian untuk menyangkal tanggapan dunia bahawa tanaman sawit adalah produk tak mampan terutamanya Kesatuan Eropah.

NO SOALAN: 27

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan sentiasa komited untuk meningkatkan penggunaan biodiesel di peringkat domestik mahupun antarabangsa. Program biodiesel negara telah mula diperkenalkan pada tahun 2011 dengan kadar adunan B5 (adunan 5% biodiesel sawit dengan 95% diesel petroleum). Pada ketika ini, kadar adunan yang terdapat di stesen minyak di seluruh negara adalah pada kadar B10 (adunan 10% biodiesel sawit dengan 90% diesel petroleum) di bawah Program B10 di sektor pengangkutan. Program B10 yang dilaksanakan secara mandatori pada 1 Februari 2019 ini akan menggunakan sebanyak 534,000 tan biodiesel setahun. Manakala, Program B7 di sektor industri telah dilaksanakan buat kali pertama pada 1 Julai 2019 yang lalu dijangkakan akan menggunakan sebanyak 227,000 tan biodiesel setahun.

Susulan kejayaan melaksanakan Program B10 di sektor pengangkutan, Kementerian berhasrat untuk meningkatkan kadar adunan ini kepada B20 pada tahun 2020 dan B30 seawal tahun 2021. Manakala, Program B7 di sektor industri akan ditingkatkan ke B10 menjelang 2025. Berdasarkan unjuran, Program B20 dijangka akan memerlukan tambahan 534,000 tan biodiesel setahun dan menjadikan jumlah keseluruhan biodiesel yang akan digunakan bagi Program B20 adalah sebanyak 1.06 juta biodiesel setahun.

Tuan Yang Di-Pertua,

NO SOALAN: 27

Pihak kementerian terus konsisten dalam usaha mendepani tanggapan-tanggapan negatif pihak Kesatuan Eropah berkaitan industri sawit negara melalui pelaksanaan berikut:

i. mengkritik sekeras-kerasnya langkah diskriminasi dan tidak adil terhadap industri sawit negara yang telah diambil oleh Kesatuan Eropah;

ii. mengadakan kerjasama melalui *Council of Palm Oil Producing Countries* (CPOPC) untuk merangka usaha-usaha dan aktiviti-aktiviti menangkis sebarang usaha yang menyekat eksport minyak sawit dan produk-produk sawit;

iii. mengadakan kerjasama dengan negara-negara anggota ASEAN dalam menyuarakan bantahan terhadap langkah diskriminasi ke atas ekonomi dan perdagangan serantau seperti mana yang telah dilaksanakan dalam Mesyuarat Dua Hala di antara ASEAN dan Kesatuan Eropah di Brussels, Belgium pada 21 hingga 23 Januari 2019;

iv. menyuarakan pendirian dan bantahan melalui misi-misi Kementerian dan mengemukakan surat bantahan daripada YAB Perdana Menteri kepada ketua-ketua negara anggota Kesatuan Eropah yang berpengaruh berhubung *Delegated Regulation* di bawah EU RED II; dan

v. mengedar risalah berkaitan kebaikan minyak sawit dalam Bahasa Inggeris, Bahasa Perancis dan Bahasa Jerman di pejabat-pejabat Kedutaan Malaysia dan Pejabat Tourism Malaysia yang terpilih di seluruh Eropah bagi tujuan mempromosikan kebaikan minyak sawit.

Sekian terima kasih.

NO SOALAN: 28

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK DONALD PETER MOJUNTIN**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Datuk Donald Peter Mojuntin minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat majmuk di Malaysia.

NO SOALAN: 28

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah bagi menangani kos sara hidup antaranya ialah:

(i) menguatkuasakan **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011** bagi mengawal pengambilan keuntungan secara tidak munasabah oleh peniaga;

(ii) melaksanakan **Skim Harga Maksimum Musim Perayaan** pada musim-musim perayaan utama;

(iii) menguatkuasakan **Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993** bagi mewajibkan peniaga meletak tanda harga atau senarai harga ke atas barangan yang dijual;

(iv) meningkatkan **keberadaan (*omnipresence*)** pegawai-pegawai penguatkuasa di tempat-tempat terpilih yang menjadi tumpuan orang ramai;

(v) mewujudkan **Skuad Tindakan Aduan dan Resolusi (STAR)** dan ***Special Action Squad* (SAS)** untuk menyelesaikan aduan rakyat dengan **cepat dan pantas**;

(vi) menjalankan **pemantauan harga barangan keperluan asas di seluruh negara** di bawah **Program Pemantauan Harga oleh Pegawai Pemantau Harga Kementerian**;

(vii) memperkenalkan program ***Friends of KPDNKK*** sebagai mata dan telinga Kementerian serta ejen penyebaran maklumat kepenggunaan, terutama mengenai isu harga barang; dan

menyediakan **pelbagai medium penyaluran aduan** bagi memudahkan rakyat mengemukakan aduan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB PROF EMERITUS TAN SRI DATO' SERI DR. IBRAHIM SHAH BIN ABU SHAH**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Prof Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah Bin Abu Shah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sehingga Disember 2018, berapa banyak projek-projek pembangunan seperti sekolah, hospital, masjid-masjid, dewan masyarakat dan jalan-jalan raya yang telah dibatalkan oleh Kerajaan dan berapakah nilainya.

NO SOALAN: 29

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sehingga Disember 2018, bilangan projek di bawah Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri yang dibatalkan kerana belum dikeluarkan Surat Setuju Terima Tawaran adalah seperti berikut:

BIL.	PERKARA	BIL PROJEK	KOS KESELURUHAN (RM)
1.	Dewan Masyarakat	276	77.58 juta
2.	Jalan Raya	975	107.67 juta
3.	Masjid	151	97.81 juta

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' SRI KHAIRUDIN SAMAD**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Dato' Sri Khairudin Samad minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah usaha yang telah dijalankan oleh Kementerian bagi membanteras aktiviti penyeludupan haiwan terancam dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap pesalah tersebut.

NO SOALAN: 30

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) menerusi Jabatan PERHILITAN Semenanjung Malaysia amat mengambil berat terhadap penyeludupan hidupan liar yang berlaku di Negara ini.

Antara usaha yang telah dijalankan oleh Kementerian menerusi Jabatan PERHILITAN bagi membanteras aktiviti penyeludupan haiwan terancam adalah seperti berikut:

(i) Memperkukuhkan perundangan dengan meminda Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716]. Antara cadangan pindaan adalah dengan peruntukan seksyen baharu iaitu *Wildlife Impact Assessment* (WIA) bagi aktiviti pembukaan kawasan yang melibatkan habitat hidupan liar.

(ii) Menjalankan operasi penguatkuasaan yang dirancang dari semasa ke semasa seperti Ops Taring, Ops Jerat, dan Ops Belang;

(iii) Menjalinkan kerjasama dengan agensi antarabangsa iaitu Interpol (2016-2019) di dalam Ops Dragon, Ops Chameleon, Ops Thunderstorm dan Ops Thunderball;

(iv) Memperkasakan Unit Jenayah Hidupan Liar atau *Wildlife Crime Unit (WCU)* Jabatan PERHILITAN yang beroperasi di seluruh negeri;

(v) Memantapkan penguatkuasaan 14 pos di pintu keluar/masuk Negara di Semenanjung Malaysia dengan penempatan pegawai penguatkuasa;

(vi) Memperkukuhkan penguatkuasaan menerusi perisikan iaitu "*intelligence led enforcement*";

(vii) Meningkatkan latihan dan kemahiran penguatkuasaan di kalangan pegawai;

(viii) Melaksanakan aktiviti kesedaran awam di setiap peringkat lapisan masyarakat;

(ix) Berkerjasama dengan pihak NGO untuk mendapatkan maklumat berkaitan jenayah hidupan liar;

(x) Mempergiatkan aktiviti pemantauan ke atas kegiatan penjualan hidupan liar melalui internet;

(xi) Memperkukuhkan jaringan kerjasama antara agensi penguatkuasaan – Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Unit Pencegahan Penyeludupan, Kastam dan Agensi Pengawalan Maritim Malaysia;

(xii) Meningkatkan kerjasama serantau di bawah ASEAN-*Wildlife Enforcement Network* (ASEAN-WEN); dan

(xiii) Mengeratkan kerjasama dua hala dengan kerajaan Thailand bagi mencegah penyeludupan di sempadan.

Antara tahun 2016 hingga 2018, sebanyak 370 kes penyeludupan hidupan liar telah berjaya direkodkan dengan 178 kes telah didakwa di bawah peruntukan Akta Hidupan Liar 2010. Antara tindakan yang telah diambil terhadap pesalah-pesalah tersebut bagi tahun 2016 hingga 2018 adalah denda sebanyak RM 3,000.00 hingga RM 56,600.00 dan penjara antara 3 bulan hingga 8 bulan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB PUAN SOPIAH BINTI SHARIF**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Puan Sopiah binti Sharif minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sejauh manakah keberkesanan Kementerian dalam mengawal harga simen di pasaran ekoran wujudnya tindakan yang tidak bertanggungjawab yang telah diambil oleh pengusaha dan syarikat simen dengan menaikkan harga simen sebanyak 50% di pasaran.

NO SOALAN: 31

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Pemantauan yang telah dilaksanakan oleh Bahagian Penguatkuasaan KPDNHEP sehingga setakat ini tidak menunjukkan sebarang kenaikan harga simen di pasaran seperti berita yang tersebar. Bahagian Penguatkuasaan KPDNHEP juga telah bertindak mengeluarkan notis di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 pada 18 dan 19 Jun 2019 kepada semua pengilang bagi mendapatkan penjelasan daripada syarikat-syarikat terlibat punca dan justifikasi untuk menaikkan harga simen. Hasil maklum balas yang diterima tidak menunjukkan sebarang kenaikan harga simen sehingga setakat ini dan tiada unsur pencatutan yang berlaku.

2. Kementerian juga telah mengadakan perjumpaan bersama semua pengilang simen tempatan pada 22 Jun 2019 bagi mendapatkan pengesahan mengenai kesahihan berita tersebut dan maklum balas yang diterima, tiada sebarang kenaikan harga simen yang telah dilaksanakan setakat ini, namun dua (2) pengilang mengesahkan mempunyai hasrat untuk berbuat demikian sebelum ini dan telah mengeluarkan notis kepada pelanggan memaklumkan hasrat berkenaan. Walau bagaimanapun, pengeluar terbabit bersetuju untuk menangguhkan hasrat berkenaan sehingga permohonan kenaikan harga simen tersebut selesai dirujuk dan dipertimbangkan oleh Kementerian. KPDNHEP setakat ini belum menerima sebarang

permohonan rasmi daripada syarikat pengeluar simen berkenaan isu ini.

3. KPDNHEP akan terus memantau pergerakan harga simen tempatan dan mengadakan perbincangan dengan sembilan belas pemegang lesen mengilang simen bagi memastikan kedua-dua pemain industri dan pengguna tidak terbeban dan terus berdaya maju dan menyumbang kepada pembangunan negara.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 32

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' ONG CHONG SWEN**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Dato' Ong Chong Swen minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah Kerajaan akan melaksanakan satu semakan semula terhadap semua buku dan bahan pengajaran di sekolah dan universiti untuk mengelakkan penularan isu sensitif atau maklumat tidak tepat.

NO SOALAN: 32

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan bahawa amalan penulisan buku teks untuk kegunaan sekolah KPM adalah mengikut keperluan tajuk/tema yang terdapat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Buku teks ditulis mengikut perkembangan dan selari dengan kurikulum semasa. Buku teks akan disemak semula sekiranya berlaku perubahan ke atas Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran.

Bagi menjamin isi kandungan buku teks yang bebas daripada unsur sensitif, subversif, negatif, dan menepati fakta, KPM telah mewujudkan prosedur operasi standard khusus bagi penerbitan buku teks yang merangkumi proses penilaian, penyemakan dan pemantapan yang teliti oleh panel khas yang telah dilantik oleh KPM. Panel ini terdiri daripada pelbagai latar belakang sama ada ahli akademik, universiti dan juga persatuan-persatuan yang berkaitan mengikut bidang/mata pelajaran.

Di peringkat pendidikan tinggi, KPM banyak memberikan penekanan kepada Universiti Awam (UA) supaya menyemak semula program akademik sedia ada secara berkala agar relevan dan bersesuaian dengan keperluan pasaran. Kurikulum program akademik disemak secara menyeluruh dengan teliti termasuklah bahan rujukan agar bersesuaian dengan kehendak industri dan falsafah pendidikan negara. Panel-panel pakar daripada industri, badan-badan profesional dan agensi-agensi berkaitan turut dilibatkan dalam semakan kurikulum bagi memastikan kandungan kurikulum sentiasa relevan

dengan kehendak semasa. Bahan-bahan rujukan turut disemak dan dikemas kini dan dipilih mengikut keperluan dan perubahan kurikulum.

Bagi mengekang penularan isu sensitif atau perkara yang tidak tepat dikalangan mahasiswa, KPM telah melaksanakan program-program yang bersifat holistik dan memberi penekanan terhadap aspek perpaduan dan jati diri generasi baru negara. Program-program yang dijalankan kementerian ini juga melibatkan kerjasama Universti Awam, Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), badan-badan bukan Kerajaan (NGO), agensi-agensi Kerajaan dan syarikat swasta.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN SURESH SINGH A/L RASHPAL SINGH**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian untuk membantu pesakit-pesakit yang menghadapi masalah kesihatan kronik seperti kanser, diabetes dan lain-lain yang tidak menampung kos pembelian perubatan sendiri dan kenapa pihak Kementerian tidak membekalkan perubatan tersebut secara percuma.

NO SOALAN: 33

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil tindakan dengan menyediakan pelbagai bentuk bantuan kewangan kepada pesakit miskin dan kurang berkemampuan warga Malaysia yang menghidap penyakit seperti kanser, diabetes dan lain-lain.

Bagi tahun 2019, secara keseluruhannya, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM29 bilion untuk perkhidmatan kesihatan iaitu peningkatan 7.8% daripada tahun 2018. Selain itu, KKM menerima peruntukan khas Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) berjumlah RM150 juta bagi tujuan pelaksanaan Skim Peduli Kesihatan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM100juta dikhususkan untuk Kumpulan B40 (PeKa B40) manakala, RM50 juta lagi telah disediakan bagi tujuan rawatan Penyakit Jarang Jumpa, Hepatisis C, mengatasi masalah bantut serta rawatan dan suntikan hemodialisis.

KKM turut membantu pesakit miskin dan kurang berkemampuan melalui Tabung Bantuan Perubatan (TBP). TBP ditubuhkan sejak 2005 untuk membiayai sebahagian atau sepenuhnya kos rawatan dan perubatan penyakit yang terdiri dari pelbagai disiplin antaranya seperti Kardiologi, Ortopedik, Otorinolaringologi (ENT) dan Pediatrik (termasuk penyakit kronik dan luar biasa). Sejak tahun 2014, Kerajaan melalui KKM telah menyediakan peruntukan sebanyak RM40 juta setahun bagi tujuan ini. Bantuan ini juga

adalah termasuk kos ubat-ubatan yang tidak disediakan oleh pihak Hospital Kerajaan.

KKM juga telah menyediakan subsidi bagi pesakit kurang berkemampuan untuk mendapat rawatan di Institut Jantung Negara (IJN) dengan menanggung sepenuhnya atau sebahagian dari kos perubatan dan rawatan, tertakluk pesakit memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam peraturan yang berkuatkuasa. Secara puratanya, setiap tahun KKM membelanjakan sebanyak RM450 juta bagi pesakit kurang berkemampuan mendapat rawatan di IJN.

Selain itu, sejak tahun 2001 Kerajaan telah menyediakan subsidi kepada pesakit buah pinggang yang kurang berkemampuan menjalani rawatan hemodialisis di pusat-pusat hemodialisis Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang berdaftar dengan KKM. Mulai tahun 2018, bantuan subsidi rawatan hemodialisis telah dinaikkan ke kadar RM100 dari RM50 bagi setiap rawatan dan pesakit hanya perlu membayar RM10 sahaja bagi setiap sesi rawatan daripada keseluruhan kos RM110 termasuklah kos suntikan erythropoietin (EPO) sebanyak RM18.50 ketika membuat rawatan di pusat hemodialisis NGO yang berdaftar dengan KKM. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM50 juta setahun bagi tujuan ini.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK RABIYAH BINTI ALI**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Datuk Rabiyah Binti Ali minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan perancangan JKR dan CIDB dalam menambah baik ekosistem teknologi pembinaan berasaskan sistem binaan berindustri (IBS) seiring dengan hala tuju Kerajaan untuk memandatorikan IBS dalam Perolehan Kerja Kerajaan mulai 2020.

NO SOALAN: 34

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, dalam merencana transformasi industri pembinaan, penggunaan kaedah Sistem Binaan Berindustri atau *Industrialised Building System* (IBS) telah diwajibkan pelaksanaannya bagi projek Kerajaan melalui pemakaian Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 Tahun 2008 serta diperkukuhkan lagi dengan Program Transformasi Industri Pembinaan atau *Construction Industry Transformation Programme* (CITP) 2016–2020 sebagai usaha mempertingkatkan penggunaan kaedah IBS yang sedang dilaksanakan sepanjang Rancangan Malaysia Kesebelas yang turut menyokong dasar semasa Kerajaan dalam sektor pembinaan.

Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) memainkan peranan masing-masing ke arah untuk memandatorikan pelaksanaan penggunaan IBS dengan mekanisme seperti berikut:

Pertama, Penggunaan Sistem Terbuka IBS

Sistem terbuka bermaksud sistem pembinaan bangunan atau komponen bangunan secara IBS yang tidak terhad kepada pemunya atau *proprietor* tertentu sahaja. Dalam sistem terbuka IBS, semua komponen boleh digunapakai dari pelbagai pengeluar IBS bagi membina sesebuah bangunan. Melalui penggunaan sistem terbuka IBS, komponen boleh dihasilkan dalam kuantiti yang besar dan boleh digunapakai dalam pelbagai projek. Justeru, kos komponen dapat dikurangkan memandangkan komponen dihasilkan

dalam skala ekonomi yang besar tanpa bergantung kepada satu projek sahaja.

Kedua, Penggunaan Katalog IBS

JKR dan CIDB masing-masing telah membangunkan Katalog IBS bagi memudahkan fasa reka bentuk dan pembinaan sesebuah bangunan. JKR menekankan penggunaan katalog IBS JKR supaya elemen-elemen yang terdapat di dalam katalog tersebut digunakan secara berulangan, seragam dan mudah. Manakala, Pelan Pra Kelulusan (*Pre-Approved Plan*– PAP) yang dihasilkan menggunakan katalog IBS JKR bertujuan memendekkan masa perancangan projek semasa proses lantikan perunding dan rekabentuk di samping mengelak rekabentuk bangunan yang mewah dengan kos yang tinggi.

CIDB pula telah membangunkan Katalog IBS bagi komponen Konkrit Pra-Tuang yang telah diterbitkan pada 2017. CIDB juga sedang dalam proses untuk mendigitalkan semua komponen di dalam Katalog IBS untuk dimasukkan ke dalam *BIM Library*. Ia akan memudahkan pihak yang terlibat dalam proses rekabentuk untuk membuat rujukan dan menyediakan rekabentuk secara digital. Sehingga kini, terdapat sejumlah 1,000 objek berkaitan komponen IBS telah disimpan di *BIM Library* dan boleh diakses melalui https://www.mybimlibrary.my/.

Ketiga, Melalui Peraturan Dan Undang-Undang

Penggunaan kaedah Sistem Binaan Berindustri atau *Industrialised Building System* (IBS) telah diwajibkan pelaksanaannya bagi projek Kerajaan melalui pemakaian Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 Tahun 2008.

Selain itu, penggunaan kaedah IBS akan dijadikan syarat dalam kelulusan pelan bangunan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) menjelang tahun 2020 seiring dengan usaha yang sedang dilaksanakan oleh KKR dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam membuat pindaan Undang-Undang Kecil dan Bangunan Seragam 1984 dengan memasukkan elemen koordinasi modular (penetapan standard dan ukuran yang khusus bagi penggunaan komponen IBS modular) dan cadangan penggunaan struktur bersandarkan prestasi bahan (*performance based material*) yang memenuhi aspek pematuhan kepada kebombaan.

Dengan mekanisme-mekanisme yang telah dinyatakan ini, matlamat Kerajaan untuk memacu produktiviti dalam sektor pembinaan seiring dengan hala tuju Kerajaan untuk memandatorikan IBS dalam Perolehan Kerja Kerajaan mulai 2020 akan terlaksana. Sebagai contoh, menyiapkan projek pembinaan semula dan menaiktaraf sekolah daif menggunakan kaedah IBS pada tahun 2018 di bawah Rancangan Malaysia Ke 11 di Semenanjung Malaysia dan projek sambungan sekolah daif di Sabah dan Sarawak serta projek membina kemudahan perumahan segera akibat bencana seperti Projek Rumah Kekal Baru (RKB) Mangsa Banjir yang kedua-duanya menggunakan komponen IBS berstruktur ringan (*lightweight panel*) sekali gus mempercepatkan aktiviti pembinaan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN ISMAIL BIN YUSOP**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Tuan Ismail bin Yusop minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan sejauh manakah proses perlaksanaan pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dalam membantu peningkatan dalam mempelbagaikan ekonomi di kawasan luar bandar.

NO SOALAN: 35

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Pelan Pembangunan Luar Bandar 2018 – 2023 (PHPLB) menggariskan sebanyak enam (6) Teras iaitu Prasarana, Ekonomi, Keusahawanan, Modal Insan, Wanita dan Sistem Penyampaian. Sebanyak 29 Strategi dan 94 Program telah dirancang bagi tempoh lima (5) tahun ini yang dijangka akan memberi manfaat kepada seramai 7.89 juta penduduk luar bandar.

Antara inisiatif yang dirancang dan sedang dilaksanakan bagi mempelbagaikan ekonomi di kawasan luar bandar adalah:-

- Pelaksanaan Projek Bersepadu Pembangunan Ekonomi Kampung (PROSPEK) di beberapa perkampungan sedia ada tanpa melibatkan pembukaan kawasan baharu (*Insitu Development*) yang bertujuan untuk mengurangkan kadar kemiskinan luar bandar melalui program peningkatan pendapatan, meningkatkan kualiti hidup serta menaik taraf kemudahan prasarana di kampung-kampung sedia ada;

- Membasmi kemiskinan tegar masyarakat luar bandar melalui pelaksanaan Program Peningkatan Pendapatan (PPP). Tujuan utama PPP adalah untuk membantu meningkatkan pendapatan isi rumah kumpulan sasar melalui pelaksanaan projek-projek ekonomi

seperti perusahaan sumber asas tani, perniagaan kecil-kecilan, aktiviti perkhidmatan dan aktiviti pertanian;

- Mewujudkan peluang dalam penjanaan pendapatan melalui pelaksanaan kursus kemahiran jangka pendek "*Quick Win*" KEMAS. Tumpuan bidang kemahiran seperti jahitan, masakan, literasi komputer, dandanan diri dan seni tangan akan memberi manfaat kepada seramai 3,850 peserta seluruh Malaysia dengan peruntukan sebanyak RM7 juta.

- Memperkukuh ekonomi komuniti melalui peningkatan akses pendidikan berkualiti kepada kumpulan B40 dan miskin tegar di kawasan luar bandar. Antara program yang di laksanakan adalah Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) dan juga melalui pelaksanaan program-program pendidikan TVET oleh 274 buah Institusi Pendidikan TVET@KPLB yang dikawal selia oleh MARA, KEMAS, KEDA dan PERDA. Antara objektif utama program berkenaan adalah untuk meningkatkan kemahiran kumpulan sasar terutamanya belia luar bandar supaya mereka mampu mendapat pekerjaan atau mengusahakan perniagaan sendiri serta boleh menjana pendapatan yang lebih tinggi.

Sehubungan itu, KPLB amat yakin bahawa melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif di dalam PHPLB ini akan dapat meningkatkan taraf kualiti hidup masyarakat selain memenuhi keperluan sosioekonomi, fizikal, rohani dan sahsiah khususnya penduduk luar bandar.

NO SOALAN: 36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB PUAN NURIDAH BINTI MOHD SALLEH**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Puan Nuridah binti Mohd Salleh minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peruntukan yang diberikan kepada sekolah luar bandar bagi mengatasi masalah kekurangan fasiliti di sekolah-sekolah luar bandar di Terengganu.

NO SOALAN: 36

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), seperti yang sedia maklum berhasrat untuk mencapai lima (5) keberhasilan bagi sistem pendidikan Malaysia iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan, dan kecekapan. Dari segi akses dan kualiti, KPM komited untuk menunaikan hak setiap kanak-kanak warganegara Malaysia untuk mendapat peluang dan akses pendidikan yang sama rata dan berkualiti tanpa mengira bandar dan luar bandar bagi membolehkan mereka mencapai potensi/keberhasilan masing-masing.

Ke arah itu, KPM amat memberi perhatian kepada infrastruktur sekolah-sekolah luar bandar termasuk di negeri Terengganu. Untuk makluman, jumlah keseluruhan sekolah di negeri Terengganu ialah 504 buah sekolah, daripada jumlah tersebut sebanyak 181 buah sekolah adalah merupakan sekolah luar bandar.

Sehingga 30 Jun 2019, rekod yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Terengganu menunjukkan bahawa sebanyak **RM3.8 juta** telah diperuntukkan kepada sekolah-sekolah luar bandar bagi kerja-kerja penyelanggaraan dan pembaikan infrastruktur.

NO SOALAN: 36

Selain itu, kerajaan juga telah memperuntukkan sebanyak RM28.58 juta melalui peruntukan pembangunan dan *Private Finance Initiative* (PFI) bagi pelaksanaan naik taraf dan pembangunanan semula sekolah daif di negeri Terengganu.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 37

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' KESAVADAS A/L A.ACHYUTHAN NAIR**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan dalam laporan "Pressing for Progress: Women's right and gender equality 2018" di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ada menyebut bahawa pelbagai tindakan telah dilaksanakan untuk melindungi wanita daripada keganasan dan diskriminasi. Dalam konteks negara kita, apakah perancangan dan keberhasilan Kementerian untuk memastikan wanita dan kanak-kanak perempuan dari semua peringkat umur dapat menikmati hak asasi yang saksama dan adil untuk kehidupan yang lebih terjamin.

NO SOALAN: 37

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia adalah negara ahli kepada Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) dan secara prinsipnya menyokong dapatan dalam laporan "Pre*ssing for Progress: Women's Right and Gender Equality 2018*". Dalam isu perkahwinan bawah umur misalnya, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mengambil pendirian bahawa kanak-kanak mempunyai hak untuk mengembangkan potensi mereka sepenuhnya. Sebarang aktiviti yang mungkin membantutkan perkembangan mereka terutamanya dari segi pendidikan dan perubatan harus ditegah supaya mereka dapat mengejar masa hadapan yang lebih luas dan cerah. Perkahwinan bawah umur sebagai contoh akan memberi cabaran meliputi tekanan daripada segi fizikal dan mental yang merangkumi pelbagai aspek seperti kesihatan, pendidikan dan kewangan terhadap seorang kanak-kanak.

Dalam usaha Kerajaan menangani isu perkahwinan bawah umur, Kementerian telah mengadakan beberapa siri sesi konsultasi dan perbincangan dengan pelbagai pihak seperti kementerian/jabatan Kerajaan, ahli akademik, pakar hak asasi kanak-kanak, NGO, agamawan dan wakil Kerajaan negeri Sabah dan Sarawak. Bagi mengawal permohonan perkahwinan bawah umur orang Islam, Jabatan Kehakiman Syariah (JKSM) telah mewujudkan Prosedur Operasi Standard (SOP) Permohonan Kebenaran Nikah Bawah Umur sebagai panduan kepada Mahkamah Syariah seluruh Malaysia.

NO SOALAN: 37

Berdasarkan makluman yang diterima daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), satu draf pindaan Akta Undang-Undang Keluarga Islam 1984 [Akta 303] sedang disediakan dengan meminda umur minimum perkahwinan kepada 18 tahun bagi perempuan serta dengan menjadikan tatacara-tatacara permohonan kebenaran untuk berkahwin di bawah had umur minimum sebahagian daripada pindaan Akta 303. Bagi perkahwinan orang bukan Islam pula, pengecualian hanya diberi kepada perempuan berumur 16 dan 17 tahun yang mendapat kebenaran daripada Ketua Menteri/Menteri Besar. Pengecualian ini walau bagaimanapun, akan ditangani melalui mekanisme kawalan yang akan dilaksanakan melalui penambahbaikan prosedur operasi standard (SOP) permohonan perkahwinan bawah umur.

Terkini, Kementerian telah melancarkan video pendidikan seks untuk kanak-kanak melalui medium digital Youtube sebagai usaha bagi menangani isu jenayah seksual terhadap kanak-kanak. Lima video berdurasi satu minit setiap satu itu ditayangkan sebelum video kegemaran kanak-kanak seperti lagu kanak-kanak, siri kartun, mengenali huruf dan warna serta sebagainya, dalam bentuk iklan. Kementerian menyasarkan video pendidikan seks '*safe touch*' (sentuhan selamat) dan '*bad touch*' (sentuhan jahat) itu ditonton kira-kira 150,000 kanak-kanak di negara ini. Diharap langkah kreatif untuk menyampaikan dan menyebar luas video pendidikan seks ini kepada kanak-kanak dapat mencapai matlamat Kementerian bagi mengurangkan kes jenayah seksual kanak-kanak di Malaysia seterusnya memastikan kanak-kanak dapat menikmati hak asasi yang saksama dan adil untuk kehidupan yang lebih terjamin.

NO SOALAN: 37

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian komited dalam usaha untuk melindungi wanita terutamanya daripada keganasan dan diskriminasi selaras dengan apa yang termaktub dalam CEDAW dan juga bagi mencapai Matlamat 5, Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals-SDGs*) iaitu, mencapai kesaksamaan gender dan memperkasakan wanita dan kanak- kanak perempuan.

Perlindungan daripada keganasan dan diskriminasi dapat dilihat dari segi perundangan apabila pindaan terhadap Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521] telah dilakukan pada tahun 2012 dan 2017. Pindaan pada tahun 2017 bertujuan untuk mempertingkatkan perlindungan kepada mangsa dan membantu memulihkan institusi kekeluargaan. Lima pindaan utama merangkumi perluasan tafsiran Keganasan Rumah Tangga, memperkenalkan Perintah Perlindungan Kecemasan (*Emergency Protection Order EPO*), pemberian hak penghunian eksklusif kediaman bersama kepada mangsa, memperkenalkan Program Pemulihan dan penambahbaikan Perintah Perlindungan Interim (IPO) dan Perintah Perlindungan (PO) dalam aspek pemakluman status kepada mangsa. Dari aspek hukuman kepada pesalah, Seksyen 326A Kanun Keseksaan menetapkan hukuman penjara mandatori dua kali ganda kepada pesalah yang melakukan keganasan rumah tangga kepada bekas suami, isteri, kanak-kanak dan anggota keluarga. Impaknya, Malaysia telah berjaya melindungi hak mangsa-mangsa keganasan rumah tangga yang majoritinya ialah wanita. Menurut statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), bilangan kes keganasan rumah tangga bagi tahun 2018 dan 2019 adalah sebanyak 6,482 kes.

Selain daripada itu, pada tahun 2006, pindaan terhadap Kanun Keseksaan telah dibuat termasuk pindaan peruntukan di dalam Kanun Keseksaan untuk melindungi isteri. Kanun Keseksaan dipinda dengan memasukkan peruntukan di bawah Seksyen 375A yang menjamin hak isteri sekiranya suaminya melakukan kekerasan rumah tangga terhadapnya atau orang lain seperti mencederakan isterinya atau meletakkan isterinya atau orang lain dalam ketakutan, kematian atau kecederaan dengan tujuan mengadakan hubungan seks.

Dalam usaha untuk merealisasikan prinsip-prinsip CEDAW dalam perundangan di Malaysia, Kementerian kini sedang mengambil inisiatif untuk menggubal perundangan anti diskriminasi terhadap wanita bagi mencapai kesaksamaan gender di Malaysia. Inisiatif ini juga selaras dengan Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan. Pada masa yang sama, Kementerian menerusi Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) turut sedang menggubal satu akta khusus yang bersesuaian bagi menangani isu gangguan seksual.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya percaya, usaha untuk melindungi dan menghapuskan diskriminasi terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan terutamanya bukanlah tanggungjawab Kementerian ini semata. Saya ingin menyeru semua untuk memperjuangkan hak wanita dan kanak-kanak bersama Kerajaan dan menjadikan ia sebagai tanggungjawab bersama dalam memastikan setiap rakyat dapat menikmati hak asasi yang saksama.

NO SOALAN: 38

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' FAHARIYAH BINTI HJ MD NORDIN**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Dato' Fahariyah Binti Hj Md Nordin minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan perangkaan bagi kes-kes pencemaran yang menjadi sumber air mentah dari 2018 hingga Jun 2019.

NO SOALAN: 38

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan rekod Jabatan Alam Sekitar mengenai kes-kes aduan pencemaran air (Sungai/Parit/Tasik/Lombong/Laut) bagi tempoh Januari 2018 sehingga Jun 2019 adalah sebanyak 730 kes.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 39

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN ABDULLAH**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Abdullah minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah langkah positif pihak Kerajaan di dalam kajian semula projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR), melihat kepada penyambungan semula Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dan perkembangan terbaru di negara China yang berjaya melancarkan kereta api berkelajuan 1000km/jam.

NO SOALAN: 39

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kajian terhadap projek Keretapi Laju Kuala Lumpur- Singapura (HSR) masih berjalan dan akan dimuktamadkan pada awal tahun 2020. Kajian ini penting bagi melihat semula *business model* dan kaedah pembiayaan bagi tujuan pengurangan kos keseluruhan projek. Di samping itu, kajian dijalankan untuk menilai semula projek dalam memastikan ianya berdaya saing, memberi faedah kepada kedua-dua negara dan mendatangkan kebaikan serta manfaat kepada rakyat. Kerajaan akan menilai semula hala tuju projek setelah kajian ini dimuktamadkan.

2. Bagi menimbang projek-projek mega baharu seperti projek HSR, Kerajaan juga perlu mengkaji keadaan kewangan negara serta daya saing dan kemampanan projek agar pelaburan negara adalah setimpal dengan pulangan yang akan diperolehi dan seterusnya meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB PUAN HAJAH RAHEMAH BINTI IDRIS**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Puan Hajah Rahemah Binti Idris minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan penjelasan berkenaan jemputan kepada semua pihak tanpa mengira kaum dan agama untuk memberi pandangan dan idea kepada Pasukan Petugas Khas Pendidikan Islam (PPKPI).

NO SOALAN: 40

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan bahawa Pasukan Petugas Khas Pendidikan Islam (PPKPI) ditubuhkan di bawah Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan (MPPK) pada 15 April 2019. Secara umumnya, PPKPI akan melaksanakan kajian menyeluruh terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam bagi tujuan penambahbaikan ke arah melahirkan generasi yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Untuk makluman Tuan Yang Dipertua, pasukan ini telah melaksanakan pelbagai usaha untuk mendapatkan input, maklum balas dan pandangan melalui pelbagai sesi perbincangan dan libat urus dengan pelbagai pihak yang berkepakaran, agensi kerajaan dan bukan kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) serta pihak pelaksana termasuk guru-guru mata pelajaran Pendidikan Islam mengenai pelaksanaan dan isu yang berkaitan dengan mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah.

Menyentuh mengenai tinjauan secara atas talian berkaitan mata pelajaran Pendidikan Islam, KPM ingin menegaskan bahawa pasukan petugas khas PPKPI melaksanakan tinjauan tersebut hanya bagi mendapatkan input/maklum balas/pandangan tambahan daripada segenap golongan

masyarakat. Pandangan dan input yang diperoleh akan dianalisis terlebih dahulu bagi tujuan penambahbaikan mata pelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN KAMARUDIN BIN ABDUN**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Tuan Kamarudin bin Abdun minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

(a) adakah kita berjaya atau gagal dalam menangani masalah penagihan dadah terutamanya dalam kalangan belia, jika berjaya, apakah buktikan kejayaan dan jika gagal, apakah isu yang menjurus kepada kegagalan tersebut serta pelan penambahbaikan untuk masa hadapan; dan

(b) apakah status dan jumlah tangkapan melibatkan dadah dan daun ketum khususnya di negeri Perlis bagi golongan peringkat remaja sehingga ke dewasa.

NO SOALAN: 41

JAWAPAN

Yang Dipertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Agansi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa komited dalam usaha menangani isu penyalahgunaan serta penagihan dadah di seluruh negara dalam kalangan belia khususnya. Pelbagai langkah pencegahan telah diambil oleh Jabatan serta Agensi penguatkuasaan melalui program pencegahan, rawatan serta perkhidmatan seperti bimbingan dan kaunseling di sekolah, institusi pengajian tinggi dan sebagainya. Antaranya program kesedaran yang disediakan khusus untuk belia adalah seperti SHIELDS (Sayangi Hidup Elak Derita Selamanya), Tomorrows Leader, SMART (Sukses, Matang, Aktif, Rasional, Tanggungjawab) dan Sambutan Bulan Antidadah Kebangsaan yang lebih menyuluruh kepada segenap umur.

Berdasarkan statistik penglibatan belia dalam gejala dadah pula telah menunjukkan penurunan peratusan daripada 79.32 peratus bagi tahun 2017 kepada 74.95 peratus bagi tahun 2018. Justeru, pelaksanaan strategi penguatkuasaan dan pendidikan pencegahan oleh AADK dan PDRM ini setakat hari ini masih dapat memastikan masalah dadah dalam kalangan belia terus terkawal dan ditangani secara berterusan.

NO SOALAN: 41

Yang Dipertua,

(b) PDRM sentiasa memberi fokus dan keutamaan terhadap masalah pengedaran dan penyalahgunaan dadah dalam kalangan masyarakat di seluruh negara tanpa mengira kawasan.

Berdasarkan statistik tangkapan mulai bulan Januari hingga Jun tahun 2019, jumlah tangkapan yang melibatkan dadah di negeri Perlis adalah seramai 1,357 orang manakala bagi tangkapan yang melibatkan Ketum adalah seramai 376 orang, iaitu 27.70 peratus dari jumlah tangkapan melibatkan dadah di Perlis.

Bagi jumlah tangkapan yang melibatkan golongan remaja pula, juga mulai bulan Januari hingga Jun tahun 2019, seramai 20 orang berumur antara 14 tahun hingga 18 tahun telah ditangkap atas kesalahan dadah manakala golongan dewasa pula seramai 356 orang.

NO SOALAN: 42

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK ABDUL GHANI BIN MOHAMED YASSIN**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Datuk Abdul Ghani Bin Mohamed Yassin minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan laporan tentang kerja-kerja pembangunan oleh Kementerian yang telah dilaksanakan sepanjang 2019, kos yang terlibat dan peratusan siap projek-projek tersebut.

NO SOALAN: 42

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, sehingga 30 Jun 2019 terdapat 235 butiran projek yang dilaksanakan oleh Kementerian Kerja Raya dengan aliran tunai tahun 2019 yang diluluskan sebanyak RM6,115 juta. Ini termasuk pelaksanaan 4 lebuh raya bertol (SUKE, DASH, EKVE dan WCE), Lebuh raya Pan Borneo di Sabah dan Sarawak dan selebihnya iaitu 199 butiran projek yang telah diluluskan pelaksanaannya di dalam Rolling Plan 4, Rancangan Malaysia Ke 11.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 43

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATIN RAHIMAH BINTI HAJI MAHAMAD**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Datin Rahimah Binti Haji Mahamad minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sumbangan peruntukan Kerajaan Persekutuan bagi membantu PBT di negeri Kelantan mengurus sisa pepejal pada tahun 2019.

NO SOALAN: 43

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini negeri Kelantan tidak menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672). Operasi dan peruntukan bagi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam adalah di bawah kawal selia Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) masing-masing. PBT di negeri Kelantan boleh menggunakan Geran Tahunan yang telah disalurkan oleh KPKT setiap tahun bagi tujuan ini.

2. Geran Tahunan adalah sebahagian daripada tanggungjawab Kerajaan Persekutuan kepada PBT berdasarkan Perkara 109(3) Perlembagaan Persekutuan. Geran Tahunan ini diguna untuk menampung perbelanjaan mengurus PBT termasuk pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Bagi tahun 2019, KPKT telah memperuntukkan sebanyak RM21,930,518.00 bagi semua PBT di negeri Kelantan.

3. Kerajaan Persekutuan melalui agensi-agensi seperti Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) bersedia untuk memberikan kerjasama dari sudut perancangan, khidmat nasihat teknikal serta pelaksanaan program-program seperti kempen kitar semula kepada mana-mana PBT yang memerlukan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 44

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK RAZALI BIN IDRIS**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Datuk Razali bin Idris minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah langkah jangka panjang bagi memastikan hidupan liar seperti Harimau, Badak Sumbu, dan Gajah tidak pupus dan adakah terdapat pelaburan serta program pembiakan dan santuari khusus untuk haiwan tersebut.

NO SOALAN: 44

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) sentiasa komited dalam usaha konservasi hidupan liar di Semenanjung Malaysia dengan melaksanakan langkah-langkah seperti berikut:

Bagi spesies Harimau, Jabatan PERHILITAN telah:

(i) Membangunkan Pusat Konservasi Harimau Kebangsaan (NTCC) di Lanchang, Pahang seluas 80 hektar bagi tujuan meliarkan semula (rewilding) harimau sebelum pelepasan di hutan-hutan terpilih;

(ii) Menjalankan Survei Harimau Kebangsaan Pertama (*1st National Tiger Survey - 1st NTS*) di seluruh Semenanjung Malaysia melibatkan kawasan kajian seluas 44,000 km2 bagi mendapatkan populasi sebenar Harimau Malaya;

(iii) Melaksanakan Pelan Tindakan Pemuliharaan Harimau Kebangsaan 2008-2020 (NTCAP)

Bagi spesies Gajah pula, Jabatan PERHILITAN telah:

(i) Melaksanakan Pelan Konservasi Gajah Kebangsaan 2013-2022 (NECAP);

(ii) Bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Johor untuk membangunkan Pusat Pentadbiran Santuari Gajah Johor (JES) yang mempunyai

kawasan padang ragut gajah seluas 72.9 hektar dan kawasan kompleks yang merangkumi pejabat pentadbiran dan pengurusan hidupan liar seluas 466 hektar;

Manakala bagi spesies Badak Sumatera, usaha konservasi Jabatan PERHILITAN termasuklah:

(i) Menggunakan kaedah pembiakan terkini seperti Assisted Reproductive Technology (ART) bagi program pembiakan dalam kurungan spesies hidupan liar terancam;

(ii) Bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Sabah di dalam perundingan dengan pihak Indonesia bagi menjalankan program pembiakan Badak Sumatera;

Disamping menguruskan spesies, jabatan PERHILITAN turut

(i) Menjalankan program konservasi hidupan liar secara ex-situ iaitu melalui pembiakan di dalam kurungan untuk menyediakan stok hidupan liar bagi program pelepasan semula ke habitat semula jadi;

(ii) Menguruskan kawasan perlindungan seperti Taman Negara Pahang, Taman Negara Terengganu, Taman Negara Kelantan, Taman Negara Pulau Pinang dan rezab-rezab hidupan liar bagi keliaran (roaming) hidupan liar di habitat semula jadi;

(iii) Meminda Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716] bagi mengenakan hukuman yang lebih berat untuk kesalahan menceroboh kawasan rizab-rizab, kezaliman terhadap hidupan liar dan aktiviti pengiklanan atau perdagangan hidupan liar secara atas talian (online);

(iv) Melaksanakan Program penguatkuasaan seperti Ops Belang dan Ops Khazanah secara berterusan bagi membanteras pencerobohan dan pemburuan haram hidupan liar; dan

(v) Melaksanakan program Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam (CEPA) secara berterusan seperti Program Pendidikan Biodiversiti, pameran, ceramah dan program bersama masyarakat setempat, pelajar sekolah, pelajar institusi pengajian tinggi dan orang awam.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 45

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK SAMBANTHAN A/L MANICKAM**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Datuk Sambanthan A/L Manickam minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah golongan pelajar kaum India yang mengikuti jurusan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET).

NO SOALAN: 45

JAWAPAN

KPM sentiasa membuka peluang kepada semua murid warganegara tanpa mengira kaum untuk memohon kemasukan ke Kolej Vokasional berdasarkan syarat kemasukan yang telah ditetapkan. Pengambilan murid ke program Kolej Vokasional adalah terbuka kepada semua murid lepasan Tingkatan Tiga (3) yang mempunyai minat dan kecenderungan tinggi dalam bidang kemahiran dan vokasional.

Bilangan murid kaum India di Kolej Vokasional di seluruh negara pada tahun 2019 adalah seramai 533 orang iaitu seramai 400 orang murid lelaki dan 133 orang murid perempuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kaum India di Politeknik telah menyumbang sebanyak 9.1 peratus dan di Kolej Komuniti sebanyak 5.1 peratus. Trend pengambilan kaum India di Politeknik semakin meningkat dari setahun ke setahun iaitu pada tahun 2017 (8.6 peratus) dan tahun 2016 (8.5 peratus). Manakala, di peringkat Kolej Komuniti peratusan kaum India adalah sekitar 5 peratus.

Peningkatan pelajar India di Politeknik berikutan dengan kewujudan program laluan khas Pra Diploma Politeknik melalui program Mengubah Destini Anak India Malaysia (MDAIM) yang ditawarkan hanya kepada kaum India yang tidak memenuhi syarat minimum kemasukan ke Politeknik. Justeru, ramai pelajar dari kaum India telah merebut peluang untuk menyambung pengajian di politeknik.

NO SOALAN: 45

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 46

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DR. AHMAD AZAM BIN HAMZAH**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

(a) adakah Kerajaan bercadang untuk membina lebih banyak rumah di bawah Projek perumahan Rakyat (PPR) dan perumahan mampu milik bagi golongan berpendapatan rendah dan golongan belia; dan

(b) adakah Kerajaan bercadang memperluaskan skim "sewa dan milik" bagi mempermudah pemilikan rumah kepada golongan B40.

NO SOALAN: 46

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Soalan (a)

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) telah menerima 124 tapak cadangan untuk pembangunan Rumah Mampu Milik (RMM) di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) daripada semua Negeri. Tapak-tapak cadangan ini masih dalam peringkat penilaian untuk penentuan kesesuaian bagi pembangunan RMM di masa hadapan.

2. KPKT akan mempergiatkan lagi pembangunan PPR di bawah Program Perumahan Mampu Milik bagi memenuhi keperluan perumahan khususnya untuk golongan berpendapatan rendah (B40) termasuk golongan belia dan setinggan.

3. Sehingga Julai 2019, sebanyak 135 projek PPR (89,024 unit) telah siap dibina, 41 projek (16,947 unit) dalam pembinaan dan 19 projek (8,181 unit) dalam pelbagai peringkat perancangan di seluruh negara untuk memenuhi keperluan perumahan kumpulan sasaran.

NO SOALAN: 46

Soalan (b)

4. Kementerian telah melaksanakan Skim Sewa Untuk Dimiliki atau Rent To Own (RTO) untuk PPR yang merupakan skim pembiayaan mudah yang ditawarkan kepada pemohon atau bakal pembeli yang gagal mendapatkan pembiayaan daripada mana-mana institusi kewangan.

5. Skim RTO mula diperkenalkan sejak tahun 2017 di PPR Gua Musang (1,000 unit) berikutan majoriti pemohon pinjaman perumahan secara konvensional telah ditolak atas sebab tidak memenuhi kelayakan yang ditetapkan oleh pihak bank dan institusi kewangan.

6. Berikutan sambutan yang menggalakkan, KPKT telah memperluaskan Skim RTO kepada projek-projek lain seperti PPR Taman Danau, Kg Hassan (300 unit), PPR Taman Siliau Jaya (150 unit), PPR Lembah Subang 2 (842 unit), PPR Sri Aman Kepong (190 unit), PPR Sentul Murni (500 unit) dan PPR Kota Bharu (1,000 unit).

7. KPKT sentiasa mengalu-alukan cadangan daripada pihak Kerajaan Negeri untuk membuat permohonan sekiranya terdapat keperluan untuk meluaskan lagi Skim ini di tempat yang lain.

aSekian, terima kasih.

NO SOALAN: 47

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK MUSTAPA KAMAL BIN MOHD YUSOFF**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Datuk Mustapa Kamal Bin Mohd Yusoff minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah terdapat sebarang perancangan untuk merombak semula silibus pembelajaran di peringkat sekolah rendah dan menengah terutamanya bagi mata pelajaran Sejarah seperti yang digesa oleh sesetengah pihak.

NO SOALAN: 47

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedar akan keperluan untuk merombak dan menambah baik kurikulum. Perubahan kurikulum dilaksanakan bagi memastikan murid dibekalkan dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang relevan dengan keperluan masyarakat dan negara pada masa hadapan dalam usaha melahirkan warganegara yang berpengetahuan, berkemahiran, saling hormat menghormati dan beretika. Perubahan menyeluruh dalam kurikulum persekolahan akan dilaksanakan dengan mengambil kira cadangan dan saranan daripada Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan dan Jawatankuasa Kajian Dasar Pendidikan Negara.

Untuk makluman, dengan mengambil kira keperluan, KPM telah melaksanakan kajian semula kurikulum mata pelajaran Sejarah melalui Jawatankuasa Khas Mengkaji Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sejarah Sekolah Menengah pada tahun 2011 dan laporan telah dibentangkan pada 2012 kepada YB Menteri Pendidikan ketika itu.

Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) bermula pada tahun 2017 merupakan usaha berterusan KPM untuk menambahbaik kurikulum sedia ada.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 48

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN AKNAN EHTOOK**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Tuan Aknan Ehtook minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mengenakan hukuman atau denda kepada mereka yang mengedar gambar mangsa kemalangan (cedera/maut) melalui media sosial yang telah menimbulkan aib kepada mangsa dan juga keluarga.

NO SOALAN: 48

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, dalam era media sosial sekarang, apabila berlaku penyebaran gambar dan video mangsa kemalangan, pengguna laman sosial diminta prihatin dan tidak mengkongsikan bahan-bahan sebegini kerana ia amat memberikan kesan kepada keluarga mangsa.

2. Antara langkah untuk menangani perkara ini adalah dengan mengadakan kerjasama dan koordinasi sedia ada di antara Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dengan pihak penyedia platform media sosial seperti Facebook, Instagram, Twitter dan sebagainya.

3. Penilaian dan tindakan terhadap kandungan yang dilaporkan juga akan diambil sekiranya kandungan tersebut melanggar terma dan syarat serta piawaian komuniti *(community standards)* yang telah ditetapkan oleh pihak penyedia platform media sosial.

4. Buat masa kini, SKMM telah mengeluarkan notis nasihat dan peringatan umum yang berterusan kepada pengguna media sosial untuk tidak menyebar, memuat naik atau berkongsi kandungan yang berunsur grafik keterlaluan atau jelik kerana perbuatan yang tidak

beretika seperti ini merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998).

5. Selain AKM 1998, Kod Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (Kod Kandungan) juga digunapakai bagi tujuan memenuhi kewajipan undang-undang membentuk garis panduan dan tatacara keperluan umum bagi amalan dan piawai kandungan yang baik yang disebarkan kepada orang ramai oleh penyedia-penyedia perkhidmatan dalam industri komunikasi dan multimedia Malaysia.

NO SOALAN: 49

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB PUAN HAJAH SABANI BINTI MAT**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Puan Hajah Sabani binti Mat minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah terkini hutang negara dan apakah langkah-langkah proaktif yang diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi keadaan ekonomi negara yang kian meruncing. Apakah Kerajaan sedar dengan mengumumkan hutang negara melebihi 1 trilion boleh menimbulkan kesan yang negatif seperti kurangnya keyakinan pelabur.

NO SOALAN: 49

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Secara keseluruhan, hutang dan liabiliti kerajaan adalah berjumlah RM1.1 trilion, atau sekitar **75% berbanding Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)** pada akhir tahun 2018. Jumlah ini mengambil kira hutang langsung kerajaan, komitmen jaminan yang ditanggung dan dibiayai oleh Kerajaan, serta liabiliti lain termasuk bayaran pajakan kewangan (*finance lease*) dan hutang syarikat 1MDB. Kedudukan hutang dan liabiliti kerajaan untuk tahun 2018 telah turun sebanyak 4 mata peratusan daripada 79% pada tahun 2017.

Kedudukan hutang langsung Kerajaan Persekutuan yang dikawal selia di bawah akta-akta pinjaman iaitu Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [Akta 637], Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [Akta 403], dan Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 [Akta 188] adalah **sebanyak 51% KDNK** pada akhir-2018, iaitu kekal di bawah paras 55% daripada KDNK.

Komitmen jaminan yang ditanggung dan dibiayai Kerajaan adalah sebanyak **9% berbanding KDNK** bagi akhir tahun 2018. Ia terdiri daripada tanggungan hutang sebahagian syarikat berkaitan Kerajaan yang menerima Jaminan Kerajaan bagi melaksanakan projek infrastruktur pengangkutan awam dan utiliti.

Bayaran pajakan kewangan dan liabiliti lain seperti 1MDB pula adalah sebanyak **15% berbanding KDNK** pada akhir 2018.

Bagi hutang langsung kerajaan, peningkatannya adalah disebabkan keperluan Kerajaan membiayai defisit belanjawan tahunan yang mana pinjaman dibuat untuk menampung belanja pembangunan. Pada akhir-2018, hutang langsung Kerajaan adalah berjumlah RM741.0 bilion atau 51.2% daripada KDNK, lebih tinggi berbanding RM686.8 bilion atau 50.1% daripada KDNK pada akhir-2017.

Peningkatan sebanyak RM54.2 bilion adalah bagi membiayai defisit pada tahun 2018.

Sehingga akhir-Jun 2019, hutang langsung Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM799.1 bilion atau peningkatan sebanyak RM58.1 bilion berbanding akhir-2018 berikutan keperluan Kerajaan untuk menampung pembiayaan defisit pada suku pertama dan kedua 2019 serta membuat prefunding bagi kertas hutang yang akan matang pada dua suku terakhir 2019. Bagi tempoh Januari hingga Jun 2019, Kerajaan telah membuat pinjaman kasar sebanyak RM81.3 bilion yang mana RM23.3 bilion adalah untuk membiayai semula hutang yang matang. Baki pinjaman bersih sebanyak RM58.1 bilion digunakan bagi membiayai defisit Kerajaan berjumlah RM22.4 bilion untuk tempoh yang sama dan RM35.7 bilion akan digunakan untuk membiayai semula hutang yang akan matang dalam tempoh Julai - Disember 2019 serta defisit fiskal.

Bagi komitmen jaminan yang dibuat oleh syarikat berkaitan Kerajaan pula, ia adalah bagi melaksanakan projek infrastruktur pengangkutan awam dan utiliti terutamanya untuk membiayai projek pengangkutan awam seperti East Coast Rail Link (ECRL), sistem transit aliran massa 2 (MRT2) dan transit aliran ringan 3 (LRT3) serta Lebuhraya Pan Borneo Sarawak. Ini adalah untuk membiayai projek infrastruktur sedia ada dan bukan merupakan projek baharu.

NO SOALAN: 49

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan mengambil langkah proaktif berteraskan kepada prinsip kompetensi, akauntabiliti, dan ketelusan dalam melaporkan kedudukan hutang liabiliti yang lebih komprehensif dan menggambarkan obligasi sebenar Kerajaan. Pelaporan ini tidak memberikan kesan negatif kepada ekonomi negara dan perkara ini dibuktikan apabila ekonomi Malaysia masih kekal berdaya tahan dengan mencatat pertumbuhan 4.5 peratus pada suku pertama 2019 meskipun pada masa yang sama berhadapan persekitaran ekonomi dan kewangan global yang semakin mencabar.

Prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia tahun ini dijangka kekal kukuh pada kadar antara 4.3 peratus hingga 4.8 peratus disokong oleh asas ekonomi yang kekal mampan termasuk pasaran buruh yang stabil dengan guna tenaga penuh; kadar inflasi yang rendah; rizab antarabangsa yang kekal tinggi; dan sistem kewangan yang kukuh.

Bagi memperteguh lagi asas ekonomi negara dan memulihkan keyakinan pelabur, Kerajaan akan sentiasa mengambil langkah proaktif termasuk memperkukuh pengurusan fiskal dan mempelbagaikan sumber pendapatan Kerajaan; menyediakan persekitaran kondusif bagi menarik pelaburan asing dan domestik; meningkatkan perdagangan; dan meningkatkan potensi ekonomi digital demi memacu pertumbuhan masa hadapan. Usaha Kerajaan memperkukuh daya saing negara di peringkat global telah mendapat pengiktirafan di peringkat global seperti dalam laporan *Ease of Doing Business 2019* oleh Bank Dunia yang mencatatkan peningkatan daya saing Malaysia ke kedudukan ke-15 daripada tempat ke-24 pada 2018.

NO SOALAN: 50

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN IR. MD. NASIR BIN HASHIM**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan inisiatif yang disusun dan digerakkan secara cekap, pantas, berkesan dan terancang untuk mengawal kos sara hidup demi menjamin golongan sasaran menerima faedahnya.

NO SOALAN: 50

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah bagi menangani kos sara hidup antaranya ialah:

(i) menguatkuasakan **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011** bagi mengawal pengambilan keuntungan secara tidak munasabah oleh peniaga;

(ii) melaksanakan **Skim Harga Maksimum Musim Perayaan** pada musim-musim perayaan utama;

(iii) menguatkuasakan **Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993** bagi mewajibkan peniaga meletak tanda harga atau senarai harga ke atas barangan yang dijual;

(iv) meningkatkan **keberadaan (*omnipresence*)** pegawai-pegawai penguatkuasa di tempat-tempat terpilih yang menjadi tumpuan orang ramai;

(v) mewujudkan **Skuad Tindakan Aduan dan Resolusi (STAR)** dan ***Special Action Squad* (SAS)** untuk menyelesaikan aduan rakyat dengan **cepat dan pantas**;

(vi) menjalankan **pemantauan harga barangan keperluan asas di seluruh negara** di bawah **Program Pemantauan Harga oleh Pegawai Pemantau Harga Kementerian**;

(vii) memperkenalkan program ***Friends of KPDNKK*** sebagai mata dan telinga Kementerian serta ejen penyebaran maklumat kepenggunaan, terutama mengenai isu harga barang; dan

menyediakan **pelbagai medium penyaluran aduan** bagi memudahkan rakyat mengemukakan aduan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 51

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK MOHAN A/L THANGARASU**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Datuk Mohan a/l Thangarasu minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tentang kenyataan yang dibuat oleh Presiden Persatuan Pemandu Grab Malaysia (GDMA) yang memaklumkan bahawa kadar kegagalan lulus peperiksaan bagi lesen vokasional (PSV Teksi/e-Hailing) sangat tinggi sehingga membuatkan pemandu e-Hailing terpaksa mengeluarkan sejumlah wang yang besar untuk menduduki semula ujian tersebut.

NO SOALAN: 51

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, bermula daripada 1 April 2019, pemohon Lesen Vokasional PSV (Teksi/E-hailing) perlu menghadiri kursus teori selama enam (6) jam di pusat latihan memandu yang diiktiraf oleh JPJ dan menduduki ujian teori sebanyak enam puluh (60) soalan.

2. Soalan ujian teori bagi Lesen Vokasional (PSV-Teksi/Ehailing) telah dibangunkan melalui Jawatankuasa Pembangunan Modul Latihan Baharu Pemandu Teksi dan E-hailing yang terdiri daripada agensi-agensi seperti Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) dan pakar akademik dari Universiti Awam Malaysia.

3. Tahap penilaian soalan yang dibangunkan pula, telah diuji dan dinilai terlebih dahulu supaya menepati suatu pencapaian kompetensi bagi seseorang yang ingin dilesenkan dengan Lesen Vokasional (PSV-Teksi/E-hailing).

4. Sehubungan dengan itu, adalah menjadi keperluan seseorang calon untuk memahami modul pembelajaran bagi memastikan calon kompeten semasa menduduki ujian dan bersedia untuk menjadi pemandu kenderaan perkhidmatan awam (e-hailing).

NO SOALAN: 51

5. Untuk makluman, setakat **10 Julai 2019**, sebanyak **31,731 pendaftaran calon** bagi mengikuti kursus lesen vokasional PSV (Teksi/ e-hailing) telah direkodkan di semua pusat latihan memandu di seluruh Malaysia dan **25,248 calon** berdaftar telah berjaya **menghadiri kursus selama enam (6) jam dengan lengkap** di semua pusat latihan di seluruh Malaysia.

6. Manakala sebanyak **19,891 orang calon telah lulus** ujian lesen vokasional PSV (Teksi/ e-hailing). Seterusnya, sejumlah **13,458 lesen vokasional** PSV (Teksi/ e-hailing) telah **dikeluarkan** oleh JPJ. Dengan jumlah tersebut, **sebanyak 78.8% calon telah lulus ujian tersebut** dan berjaya dilesenkan setakat 10 Julai 2019.

7. Di samping itu, kadar yuran siling bagi permohonan lesen vokasional PSV (Teksi/ e-hailing) telah ditetapkan oleh kerajaan iaitu sebanyak RM200.00. Kadar ini adalah termasuk dengan fi kad ujian memandu sebanyak RM10.00. Bagi calon yang mengulangi semula ujian, fi kad ujian memandu perlu dibayar semula adalah sebanyak RM10.00.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 52

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK SR. HAJI HANAFI BIN HAJI MAMAT**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan untuk mengawal penggunaan bahan kimia berbahaya seperti Sinida (Cynide) dalam teknologi Perlombongan Emas di Malaysia.

NO SOALAN: 52

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) melalui Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) mengawal penggunaan bahan kimia berbahaya dalam industri perlombongan emas dan mineral-mineral lain melalui pengenaan syarat kelulusan Surat Kelulusan Skim Pengendalian Melombong (SKSPM) di bawah Akta Pembangunan Mineral (APM) 1994 dan aktiviti penguatkuasaan yang dilaksanakan semasa lombong beroperasi.

2. Dalam pengendalian bahan kimia berbahaya ini, pelombong disyaratkan mengikut piawaian antarabangsa seperti:
   i) mempunyai rekabentuk loji yang baik;
   ii) melaksanakan amalan operasi yang baik;
   iii) menggunakan peralatan perlindungan pekerja dan peralatan kecemasan;
   iv) mempunyai dan mengamalkan prosidur latihan dan kecemasan yang baik;
   v) mempunyai tapak kerja yang selamat dan bersih; dan
   vi) menjalankan pemantauan berterusan.

   Penggunaan selamat bagi sianida dalam industri perlombongan adalah tertakluk kepada pengurusan penggunaan sianida sebagaimana yang dinyatakan di dalam *The International Cyanide Management Code* (ICMC) yang diterbitkan dalam tahun 2016 oleh *International Cyanide Management Institute* di bawah penyeliaan *United Nations Environment Programme* (UNEP) dan *International Council on Metals and the Environment* (ICME).

3. Selain **JMG dan Jabatan Alam Sekitar**, terdapat beberapa agensi kerajaan lain yang turut menguatkuasakan undang-undang bagi penggunaan bahan kimia sianida ini seperti **Jabatan Kesihatan Negeri** yang mengawal dari segi pengeluaran lesen kepada pembeli dan penjual yang dilesenkan sahaja dengan syarat-syarat tertentu. Hal ini demikian kerana bahan kimia sianida adalah dikategorikan sebagai bahan kimia berjadual di bawah Akta Racun 1952 yang memerlukan Lesen Racun Jenis B.

4. **Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (JKKP)** juga turut memantau segala aktiviti industri termasuklah kilang memproses mineral emas bagi memastikan setiap pekerja yang bekerja di dalam kilang berkenaan dapat bekerja dalam keadaan yang selamat dan tidak mendatangkan kemudaratan kepada mana-mana individu di dalam atau di sekeliling kawasan kilang.

5. Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kawalan Terhadap Bahaya Kemalangan Besar Dalam Perindustrian) 1996 turut mengawal selia penggunaan bahan kimia sianida dalam pemprosesan mineral emas. Melalui peraturan ini, pihak pelombong perlu mengemukakan dan mendapatkan kelulusan laporan *Control of Industrial Major Hazard* (CIMAH) yang disediakan oleh pihak konsultan berdaftar dengan JKKP.

6. Di dalam laporan ini, turut dinyatakan punca-punca yang dikenalpasti boleh menyumbang kepada kemalangan industri hasil dari penggunaan sianida tanpa kawalan serta langkah-langkah respon kecemasan (*Emergency Response Plan*) dan langkah kawalan yang perlu dipatuhi oleh pihak syarikat dari semasa ke semasa.

NO SOALAN: 53

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB PUAN ASMAK BINTI HUSIN**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Puan Asmak Binti Husin minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

(a) berapakah dan apakah bentuk peruntukan yang telah dipotong daripada sekolah-sekolah; dan

(b) apakah langkah Kerajaan untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan pendidikan di sekolah-sekolah dalam keadaan peruntukan yang telah dipotong.

NO SOALAN: 53

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan bahawa secara keseluruhan Peruntukan Mengurus (B.63) yang telah diluluskan bagi sekolah-sekolah KPM bagi tahun 2019 adalah meningkat sebanyak dua (2) peratus iaitu daripada **RM35.9 bilion** kepada **RM36.6 bilion**. Namun begitu, berlaku pengurangan bagi perkara berkaitan seperti Bantuan Awal Persekolahan dan Bantuan Bayaran Tambahan Persekolahan. Sehubungan dengan itu, KPM telah memohon peruntukan tambahan bagi menampung pengurangan tersebut.

(b) KPM berusaha sedaya upaya untuk memastikan penyampaian perkhidmatan pendidikan berada dalam keadaan yang terbaik dengan menyalurkan peruntukan melalui medium penyampaian elektronik seperti *Electronic Fund Transfer* seawal bulan Januari 2019. Bagi menjamin kecekapan pengurusan kewangan di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), KPM telah membuat pemantauan berkala bagi memastikan peruntukan benar-benar diterima oleh sekolah-sekolah di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 54

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' ZAHARI BIN SARIP**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Dato' Zahari bin Sarip minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan status pembinaan kereta terbang yang diilhamkan dan berapa kos sebenar projek ini.

NO SOALAN: 54

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Sehingga kini, terdapat reka bentuk kenderaan *Air Mobility* yang telah dicadangkan kepada Kementerian dan pembangunan prototaip dengan penumpang sedang giat dijalankan dan dijangka akan dilancarkan pada penghujung tahun 2019. Projek ini akan diterajui oleh sektor swasta dan dibiayai sepenuhnya oleh syarikat tempatan. Projek ini tidak melibatkan sebarang peruntukan daripada Kerajaan dan Kerajaan tidak akan menanggung sebarang kerugian sekiranya projek ini tidak berjalan seperti yang dirancang.

2. Kementerian telah mengenal pasti industri *Air Mobility* sebagai salah satu *game changer* yang mampu menjana pertumbuhan ekonomi dan membangunkan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Malaysia. Industri ini mempunyai potensi yang tinggi di pasaran tempatan dan antarabangsa terutama dalam sektor infrastruktur, keselamatan, pertanian dan lain-lain. *Air Mobility* ini mengaplikasikan teknologi terkini seperti *Artificial Intelligence* (AI), *Big Data, Mobility* dan *Internet of Things* yang sedang berkembang pesat terutamanya di peringkat antarabangsa.

3. Peranan Kementerian adalah sebagai pemudah cara dalam pembangunan ekosistem industri terutamanya dalam aspek sokongan industri dan kapasiti syarikat tempatan untuk membangunkan industri ini.

NO SOALAN: 54

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 55

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk memastikan hubungan diplomasi di antara Malaysia dan Singapura bertambah baik mengambil kira isu-isu yang sedang dipertikaikan oleh kedua-dua buah negara.

NO SOALAN: 55

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi Mohd Yusoff di atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Kerajaan Malaysia berpendirian untuk sentiasa menjalinkan persahabatan yang akrab dengan semua negara, terutama dengan negara jiran seperti Singapura. Kerajaan Malaysia akan terus komited untuk memperkasakan hubungan dua hala, mempertingkatkan kerjasama ekonomi dan menyelesaikan sebarang isu-isu dua hala demi kepentingan bersama. Malaysia dan Singapura juga mempunyai jalinan hubungan dua hala yang rapat berasaskan pertalian sejarah dan perikatan hubungan diplomatik sejak 53 tahun yang lalu.

3. Keakraban antara Malaysia dan Singapura dicerminkan melalui pertukaran lawatan yang kerap antara kepimpinan tertinggi Malaysia-Singapura. Dari bulan Januari hingga Jun 2019, kedua-dua negara merekodkan jumlah keseluruhan pertukaran lawatan sebanyak 12 kali.

4. YAB Perdana Menteri telah merancakkan momentum pertukaran lawatan kepimpinan tertinggi Malaysia-Singapura selepas pertemuan dengan rakan sejawatnya, Perdana Menteri Lee Hsien Loong semasa Sesi Pemukiman Pemimpin-Pemimpin Malaysia-Singapura ke-9 yang diadakan di Putrajaya pada 9 April 2019. Sesi Pemukiman yang julung kali diadakan di bawah tampuk kepimpinan Pakatan Harapan ini berjaya memberi

tumpuan kepada usaha-usaha mencari jalan penyelesaian bersama bagi isu-isu dua hala, di samping memantapkan lagi kerjasama antara Malaysia-Singapura.

5. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Malaysia akan memastikan interaksi positif antara kedua-dua negara ini diteruskan khususnya dalam usaha menyelesaikan isu-isu dua hala kedua negara. Perbincangan dua hala kini sedang giat berlangsung melalui mekanisme dua hala sedia ada dan juga mekanisme dua hala yang baru ditubuhkan.

6. Ini termasuk Jawatankuasa Malaysia-Singapura bagi Perbatasan Sempadan Maritim yang ditubuhkan bagi menangani isu maritim yang melibatkan peluasan had pelabuhan Johor Bahru di Tanjung Piai dan had pelabuhan Singapura di Tuas; dan Jawatankuasa Peringkat Kementerian (*High Level Committee* - HLC) Malaysia-Singapura Bagi Semakan *Operational Letter Of Agreement Between Kuala Lumpur And Singapore Control Centres Concerning Arrivals, Departures And Overflights* (OLOA 1974) yang ditubuhkan untuk memfasilitasi pengambilan semula ruang udara di selatan *Kuala Lumpur Flight Information Region* (FIR) yang diwakilkan kepada Singapura pada tahun 1974.

7. Kerajaan Malaysia juga akan sentiasa mencari dan meneroka bidang kerjasama baharu untuk memperkukuhkan lagi hubungan dua hala Malaysia-Singapura. Pada masa yang sama, keutamaan akan diberikan untuk menyelesaikan isu-isu dua hala secara aman, melalui perbincangan dan proses rundingan. Usaha-usaha diplomatik yang sedang dijalankan kini mempamerkan komitmen kedua-dua kerajaan bagi mengekalkan

jalinan hubungan sedia ada yang baik dan persefahaman yang wujud untuk menyelesaikan isu-isu dua hala demi kepentingan bersama.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 56

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK HAJI ISMAIL BIN IBRAHIM**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Datuk Haji Ismail Bin Ibrahim minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kutipan cukai korporat tahun 2018 dan bagaimana Kerajaan menangani penyelewengan taksiran cukai korporat.

NO SOALAN: 56

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat bagi tahun 2018, jumlah kutipan cukai korporat adalah sebanyak RM66.5 bilion. Antara langkah yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan dalam menangani penyelewengan taksiran cukai korporat adalah seperti berikut:-

i. Menguatkuasa program audit dan siasatan ke atas kes berisiko yang telah dikenalpasti;

ii. Memantau dan menyemak tahap pematuhan secara berterusan berdasarkan maklumat yang dikumpul dan disimpan dalam pusat data (*data centre*) Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) yang merangkumi:

   1. Maklumat dalaman LHDNM sendiri melalui Borang Nyata Cukai Pendapatan, transaksi duti setem dan cukai keuntungan hartanah.
   2. Perkongsian maklumat melalui jalinan kerjasama dengan agensi terlibat seperti Bank Negara, Suruhanjaya Sekuriti dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.
   3. Pertukaran maklumat dengan pihak berkuasa cukai negara lain melalui program *Automatic Exchange of Information* (AEOI) dan *Common Reporting Standard* (CRS).
   4. Maklumat yang diperolehi daripada *public domain* seperti internet, media sosial, media cetak dan digital dan juga maklumat daripada orang awam serta pihak ketiga.

iii. Menjalinkan kerjasama dengan agensi yang berkepentingan untuk pencegahan dan pembanterasan penipuan serta pengelakan cukai; dan

iv. Memperkukuhkan peruntukan undang-undang serta peraturan percukaian sedia ada. Pindaan dan penambahbaikan berterusan dilaksanakan ke atas undang-undang serta peraturan percukaian sedia ada bagi mengatasi kelemahan perundangan yang mana ianya akan membantu mengurangkan pelarian dan pengelakan cukai.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 57

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK THEODORE DOUGLAS LIND**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Datuk Theodore Douglas Lind minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah Kementerian akan memperkenalkan kemudahan sistem solar di kampung yang terpencil di negeri Sabah supaya kemudahan elektrik boleh disalurkan dan kemudahan itu boleh digunakan tanpa dikenakan caj oleh pengguna yang kurang berkemampuan.

NO SOALAN: 57

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, selain daripada kaedah pembekalan elektrik melalui talian grid, Kementerian juga kini sedang melaksanakan projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) secara sistem alternatif seperti solar hibrid dan mikro hidro bagi kawasan-kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi di kawasan pedalaman dan tidak boleh dibekalkan melalui punca bekalan talian grid bagi membolehkan setiap penduduk mendapat bekalan elektrik selama 24 jam.

Sistem ini akan diserahkan kepada Pihak Berkuasa Elektrik Negeri (PBEN) untuk pengoperasian dan penyelenggaraan. Sehubungan itu, pemilik rumah dikenakan caj berdasarkan kepada penggunaan meter yang direkodkan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator juga, Kementerian juga ada melaksanakan sistem pembekalan melalui kaedah solar *(Photovoltaic)* PV sama ada secara persendirian ataupun berpusat di negeri Sarawak dengan kerjasama pihak Kerajaan Negeri. Sistem ini tidak mengenakan caj bulanan penggunaan kepada pemilik rumah. Namun begitu, sistem yang dibekalkan adalah pada kapasiti minima sahaja dan sistem selepas siap dibina akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri untuk tujuan operasi dan penyenggaraan bersama pihak komuniti.

NO SOALAN: 57

Kementerian akan mengadakan perbincangan dengan pihak Kerajaan Negeri Sabah memandangkan pelaksanaan projek ini akan melibatkan komitmen daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dari segi kos pelaksanaan projek secara perkongsian bersama. Manakala kos operasi dan selenggaraan (O&M) ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri.

NO SOALAN: 58

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' DR. ANANTHAN A/L SOMASUNDARAM**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah rasional Kementerian untuk menamatkan perkhidmatan 45,000 pekerja yang terlibat dalam kerja-kerja pembersihan sekolah di seluruh negara.

NO SOALAN: 58

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membuat semakan mengenai isu pengurangan pekerja dan isu ini turut mendapat perhatian pengamal media. Untuk makluman, jumlah pengurangan pekerja yang terlibat dalam tender Kebersihan Bangunan dan Kawasan (KBK) bagi Fasa 1 dan Fasa 2 Tahun 2019 adalah dianggarkan seramai 13,500 orang. Berbeza dengan laporan media sebelum ini yang menyatakan bahawa seramai 45,000 orang pekerja ditamatkan pekerjaan.

Pengurangan ini adalah disebabkan oleh beberapa penambahbaikan bagi norma pelaksanaan dalam tender Kerajaan yang lebih menjurus kepada keberhasilan perkhidmatan dan menyokong dasar *zero based budgeting*.

Dalam hal ini, KPM sentiasa berusaha dan mencari jalan penyelesaian dengan mengadakan beberapa siri perbincangan bersama dengan Kementerian Kewangan dan Kementerian Sumber Manusia bagi mendapatkan penyelesaian yang terbaik dalam menangani isu ini.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 59

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK PAUL IGAI**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Datuk Paul Igai minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah kedudukan Malaysia dalam keputusan siasatan kes menembak jatuh pesawat MH17.

NO SOALAN: 59

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sebagai anggota Pasukan Siasatan Bersama MH17 iaitu *Joint Investigastion Team* (JIT) yang turut dianggota oleh Belanda, Ukraine, Australia dan Belgium, Malaysia tetap komited terhadap proses pendakwaan yang akan dilaksanakan oleh JIT dan akan sentiasa memastikan bahawa proses itu telus, boleh dipercayai dan berkesan.

2. Malaysia memberi sokongan sepenuhnya kepada negara Belanda yang telah dipilih untuk menjalankan pendakwaan nasional mengikut sistem perundangan negara tersebut. Malaysia juga akan memastikan pendakwaan yang akan dilakukan mestilah berdasarkan bukti dan tidak bermotivasikan politik.

3. Sepertimana pendirian sebelum ini, Malaysia akan berpandukan kepada fakta-fakta sahih dan bukti-bukti yang kukuh yang akan dikemukakan di dalam pendakwaan kelak. Malaysia juga mengambil pendirian tidak berpihak / “neutral” sehinggalah terbukti di mahkamah siapakah pelaku sebenar jenayah ini. Malaysia harus berpegang kepada prinsip ini dan tidak terseret ke dalam kancah permainan politik di antara barat dan negara Rusia.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 60

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK HAJI ABIDULLAH BIN SALLEH**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Datuk Haji Abidullah Bin Salleh minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Kementerian di bawah Majlis Perubatan Malaysia akan memperkukuhkan lagi penguatkuasaan Akta Perubatan 1971 dengan mewartakan suatu peraturan mengenai penggunaan gelaran doktor (DR) yang mana ia adalah eksklusif kepada doktor pakar perubatan atau pergigian yang berpengalaman dan yang diiktiraf sahaja.

NO SOALAN: 60

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Akta Perubatan 1971 adalah satu akta yang dikuatkuasakan oleh Majlis Perubatan Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Akta Perubatan 1971 ini membolehkan seseorang yang mempunyai kelayakan perubatan yang diiktiraf untuk berdaftar dan menjalankan amalan sebagai pengamal perubatan berdaftar. Majlis Perubatan Malaysia mahupun KKM tidak boleh menguatkuasakan penggunaan gelaran doktor (DR) khas kepada pakar perubatan dan pergigian oleh kerana ianya tidak diperuntukkan dalam Akta Perubatan 1971. Buat masa ini pemegang lulusan Doktor Falsafah juga menggunakan gelaran doktor (DR).

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 61

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK NG CHIANG CHIN**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Datuk Ng Chiang Chin minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mekanisme dan masa pelaksanaan pemberian subsidi bersasar bagi petrol RON95 yang dijangka akan dilaksanakan pada suku kedua tahun 2019 sebagaimana yang diumumkan semasa pembentangan Bajet 2019 pada November 2018.

NO SOALAN: 61

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian Kewangan bersama-sama dengan pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sedang memuktamadkan mekanisme pelaksanaan dan kriteria kelayakan penerima subsidi petrol RON95 secara bersasar untuk dilaksanakan dengan segera. Mekanisme dan kriteria pemberian subsidi yang sesuai perlu diperhalusi dengan mendalam bagi memastikan pelaksanaannya kelak akan dapat berjalan dengan lancar, selaras dengan hasrat Kerajaan untuk membantu golongan sasar dan mengurangkan kos sara hidup rakyat. Mekanisme pelaksanaan dan kriteria kelayakan subsidi bersasar ini akan dibentangkan terlebih dahulu dalam Mesyuarat Jemaah Menteri untuk pertimbangan dan persetujuan sebelum ia diumumkan kepada rakyat.

NO SOALAN: 62

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN KHAIRUL AZWAN HARUN**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Tuan Khairul Azwan Harun minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah status penglibatan Kerajaan Malaysia dalam siasatan insiden MH17 dan MH370 dan berapa kos yang telah dibelanjakan untuk operasi tersebut.

NO SOALAN: 62

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Insiden Pesawat MH17

1. Berhubung dengan insiden pesawat MH17, Malaysia merupakan anggota Pasukan Siasatan Bersama MH17 iaitu *Joint Investigastion Team* (JIT) bersama-sama dengan Australia, Belgium, Belanda dan Ukraine di mana Malaysia terlibat dalam proses siasatan terhadap tragedi MH17. Keahlian Malaysia dalam JIT telah memberi Malaysia akses kepada maklumat siasatan yang dikongsi bersama oleh semua ahli JIT termasuk Malaysia. Malaysia terus komited untuk bersama-sama mencari keadilan bagi kesemua mangsa.

2. Malaysia juga menandatangani Memorandum Persefahaman bagi menyatakan sokongan politik dan kewangan bagi tujuan mengeratkan bekerjasama bagi memastikan pihak yang bertanggungjawab menembak jatuh pesawat MH17 dihadapkan ke muka pengadilan negara-negara yang diwakili dalam JIT.

3. MOU Sokongan Politik iaitu *Memorandum Of Understanding Between the Government of Australia, the Government of the Kingdom of Belgium, the Government of Malaysia, the Government of the Netherlands and the Government of Ukraine Regarding Political Support For Prosecuting The Perpetrators of the Downing of Flight MH17 on 17 July 2014* telah ditandatangani semasa *United Nation*

General Assembly (UNGA) pada 20 September 2017 selaras dengan resolusi *United Nation Security Council* 2166 yang dikeluarkan pada 21 Julai 2014 yang antara lain telah memutuskan agar semua negara bekerjasama bagi memastikan pihak yang bertanggungjawab menembak jatuh pesawat MH17 dihadapkan ke muka pengadilan.

4. Manakala MoU Sokongan Kewangan iaitu *Memorandum Of Understanding Between the Government of Australia, the Government of the Kingdom of Belgium, the Government of Malaysia, the Government of the Netherlands and the Government of Ukraine Regarding Financial Support For Prosecuting The Perpetrators of the Downing of Flight MH17 on 17 July 2014* pula telah ditandatangani pada 22 Januari 2019. Tujuan MoU Sokongan Kewangan MH17 ini antaranya ialah untuk mencari bukti dan akhirnya mendakwa pihak-pihak yang bertanggungjawab menembak jatuh pesawat MH17 di Mahkamah Belanda. MoU Sokongan Kewangan ini telah ditandatangani pada kelima-lima negara yang diwakili dalam JIT iaitu Malaysia, Australia, Belgium, Belanda dan Ukraine.

5. Komitmen sumbangan Malaysia terhadap kos perbelanjaan pendakwaan nasional bagi tragedi MH17 yang akan bermula pada 9 Mac 2020 iaitu sebanyak Euro 17.82 juta / RM85.5 juta (*trial in absentia*) atau Euro 29.16 juta / RM139.92 juta (*trial with accused present*) bagi tempoh perbicaraan selama 6 tahun.

NO SOALAN: 62

Insiden Pesawat MH370

6. Selanjutnya, berhubung insiden pesawat MH370, Kerajaan Malaysia telah menubuhkan satu Pasukan Penyiasat Bebas Antarabangsa pada 25 April 2014 yang dikenali sebagai *Malaysian International Civil Aviation Organisation* (ICAO) *Annex 13 Safety Investigation Team For MH370*) bagi menyiasat punca kemalangan udara pesawat MH370 pada 8 Mac 2014. Pasukan penyiasat ini dianggotai oleh 19 orang pakar dari Malaysia dan 7 *accredited representatives* daripada Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia, China, Perancis dan 2 negara anggota ASEAN iaitu Singapura dan Indonesia. Kesemua anggota Pasukan Penyiasat yang terpilih adalah dilantik berdasarkan kepakaran mereka.

7. Objektif utama penyiasatan ini adalah untuk menentukan hal keadaan dan punca kemalangan dengan tujuan untuk menyelamatkan nyawa dan juga mengelakkan kemalangan pada masa hadapan. Dalam hubungan ini, penyiasatan yang dilaksanakan tidak bertujuan untuk menyatakan kesalahan atau liabiliti (*not for the purpose to apportion blame or liability*). Siasatan kemalangan dan insiden pesawat dilaksanakan berlandaskan *Annex 13* (*Convention on International Civil Aviation, Aircraft Accident and Incident Investigation*) bermula 25 April 2014 hingga 29 Mei 2018.

8. Pasukan penyiasat sebelum ini telah mengeluarkan *Interim Statements* pada ulang tahun pertama, kedua, ketiga dan keempat kehilangan pesawat berhubung dapatan awal siasatan. Ketiga-tiga

laporan ini hanya memperincikan fakta-fakta kejadian berdasarkan maklumat yang diperolehi pada waktu tersebut.

9. Dalam hubungan ini, pasukan penyiasat telah mengemukakan Laporan Siasatan Kemalangan Udara Pesawat MH370 kepada YB Menteri Pengangkutan dan telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 11 Julai 2018 lalu. Jemaah Menteri telah diberikan taklimat oleh Ketua Penyiasat dan telah mengambil maklum akan hasil penemuan laporan siasatan tersebut. Laporan ini telah dikeluarkan untuk makluman umum dan boleh diakses dari laman sesawang Kementerian mulai 30 Julai 2018.

10. Jumlah keseluruhan kos yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan bagi melaksanakan operasi pencarian bagi tujuan mengesan lokasi pesawat MH370 dalam tempoh di antara Mac 2014 hingga Januari 2017 adalah sebanyak **RM464,515,641.74.**

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 63

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK DONALD PETER MOJUNTIN**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Datuk Donald Peter Mojuntin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha-usaha yang diambil oleh Kerajaan untuk membersihkan daftar pengundi daripada pengundi-pengundi yang tidak sah seperti mereka yang memegang kad pengenalan yang diperoleh secara haram.

NO SOALAN: 63

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sentiasa **menjalankan urusan pengemaskinian daftar pemilih dari semasa ke semasa** berdasarkan kepada Peraturan 10 dan Peraturan 25, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002. Ini termasuklah **memotong nama pemilih yang telah disahkan meninggal dunia** dan **memotong nama pemilih yang telah disahkan melepaskan atau dilucutkan hak kewarganegaraan**.

2. Bagi maksud tersebut, SPR telah membuat pengemaskinian daftar pemilih dengan memotong nama pemilih yang telah meninggal dunia iaitu sebanyak **139,118** nama pemilih pada tahun 2017 dan **117,826** nama pemilih pada tahun 2018. Manakala, bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2019, sebanyak **74,339** nama pemilih yang meninggal telah dipotong dari daftar pemilih.

3. Di samping itu, SPR juga memotong nama pemilih yang hilang taraf kewarganegaraan iaitu sebanyak **4,363** nama pemilih dipotong pada tahun 2017 dan **3,496** nama pemilih dipotong pada tahun 2018. Manakala, bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2019, **3,261** nama pemilih yang hilang taraf kewarganegaraan juga telah dipotong dari daftar pemilih. Pengemaskinian daftar pemilih yang melibatkan pemilih yang telah meninggal dunia dan hilang taraf

kewarganegaraan ini adalah berdasarkan kepada maklumat yang diterima daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

4. Berdasarkan kepada Peraturan 12, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002, SPR mendaftarkan **warganegara yang telah memenuhi syarat kelayakan sebagai pemilih berdasarkan kepada alamat mastautin pemohon seperti dalam MyKad** yang diisi dalam Borang Pendaftaran Pemilih (Borang A). Seterusnya, penentuan kawasan pendaftaran seseorang pemilih adalah berdasarkan kepada alamat tersebut yang disahkan melalui semakan dengan alamat warganegara yang disimpan dalam *MyIdentity*, JPN.

5. Sebelum nama pemilih diperakukan untuk masuk ke suatu kawasan pendaftaran, SPR akan memproses permohonan tersebut berdasarkan kepada peruntukan undang-undang sedia ada termasuklah mempamerkan senarai nama tersebut di kawasan pendaftaran yang berkenaan. Semua permohonan pendaftaran pemilih baru dan pemilih yang bertukar bahagian pilihan raya **akan diperaku sebelum disahkan sebagai pemilih berdaftar** di satu Bahagian Pilihan Raya Parlimen dan Negeri dan membolehkan mereka mengundi dalam suatu pilihan raya umum atau pilihan raya kecil.

6. Di samping itu, SPR juga telah mewujudkan **Jawatankuasa Dasar Penambahbaikan Daftar Pemilih** di mana jawatankuasa tersebut akan membuat penelitian yang menyeluruh terhadap isu-isu yang berkaitan dengan urusan pendaftaran pemilih dan seterusnya

mengenal pasti mekanisme yang sesuai dan terbaik untuk dilaksanakan oleh SPR kelak. SPR juga telah dan sedang **melaksanakan kerjasama strategik** dengan jabatan/agensi, badan bukan Kerajaan dan parti-parti politik khususnya dalam membuat penambahbaikan terhadap daftar pemilih yang disediakan oleh SPR.

7. Selain itu, SPR sentiasa berusaha untuk **memastikan setiap cadangan penambahbaikan dapat dilaksanakan dengan jayanya** serta menepati kehendak undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 64

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' FAHARIYAH BINTI HJ MD NORDIN**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Dato' Fahariyah Binti Hj Md Nordin minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan fokus MARA dalam memperkasakan keupayaan usahawan perabot dan bagaimana Kerajaan menjadikan Pusat Teknologi Perabot (FITEC) MARA lebih relevan dalam mengupayakan penyertaan usahawan.

NO SOALAN: 64

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman YB Senator, Usaha MARA dalam memperkasakan keupayaan usahawan perabot adalah melalui penyediaan ekosistem keusahawanan yang lengkap merangkumi latihan pembangunan keusahawanan yang berstruktur dan pembangunan perniagaan secara holistik dengan menyediakan sistem sokongan perniagaan melalui kemudahan pembiayaan perniagaan dan penyediaan premis perniagaan yang strategik kepada usahawan yang terlibat.

MARA melalui Pusat Sumber Teknologi Perabot (FITEC) berperanan mengupayakan penyertaan usahawan perabot melalui peranannya sebagai pusat rujukan dalam industri perabot yang menyediakan latihan berteknologi, teknik pembuatan dan reka bentuk serta menyediakan perkhidmatan pengujian perabot yang diiktiraf. FITEC juga memainkan peranan sebagai fasilitator dan pelaksana pelan pemasaran industri perabot melalui program vendor perabot.

Daripada bulan Januari hingga Jun 2019, seramai 446 orang usahawan perabot telah menerima manfaat menerusi program yang dilaksanakan oleh FITEC seperti berikut:

NO SOALAN: 64

No	Program	Jumlah Penerima
1	Pembangunan Latihan dan Usahawan	404
2	Pembiayaan Perniagaan	11
3	Premis Perniagaan	31
	Jumlah	**446**

Melalui program-program ini, keupayaan usahawan perabot dapat ditingkatkan bagi menjadi lebih kompetitif serta memperlihatkan peranan FITEC yang lebih relevan dalam pembangunan usahawan perabot di Malaysia.

NO SOALAN: 65

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK JOHN AMBROSE**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Datuk John Ambrose minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan pelan strategik Kementerian untuk mengurangkan jurang perbezaan digital yang besar di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung. Mengapa jurang digital ini sangat besar dan berapa banyak dana dari "Universal Service Provision" (USP) telah digunakan untuk negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

NO SOALAN: 65

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli yang Berhormat Senator, sehingga kini, kadar liputan jalur lebar mudah alih di kawasan berpenduduk di Sabah berada pada tahap 85.4% manakala di Sarawak berada pada tahap 78.9% berbanding kepada kadar liputan jalur lebar mudah alih di seluruh negara yang kini berada pada tahap 94.9%.

2. Pihak Kerajaan sentiasa berusaha melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memperluaskan liputan dan kualiti perkhidmatan jalur lebar di seluruh negara yang sekaligus mengurangkan perbezaan jurang digital di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Kos pembinaan struktur pemancar yang tinggi juga merupakan salah satu cabaran dalam penyediaan liputan kepada pengguna khususnya di kawasan luar bandar dan pendalaman.

3. Perkara ini menjadi lebih membebankan sekiranya ketiadaan fasiliti asas yang baik di kawasan tapak cadangan struktur pemancar komunikasi seperti ketiadaan atau akses jalan yang teruk dan ketiadaan bekalan elektrik tetap terutamanya di kawasan pendalaman yang seterusnya menjurus kepada peningkatan kos pelaksanaan. Tambahan pula, kes-kes kecurian dan vandalisme yang tinggi merupakan cabaran yang terpaksa dihadapi oleh syarikat penyedia perkhidmatan saban tahun.

NO SOALAN: 65

4. Sehingga 30 Jun 2019, jumlah kos perbelanjaan dana Pemberian Perkhidmatan Sejagat (Universal Service Provision atau USP) yang telah dibelanjakan adalah lebih kurang RM1.8 billion merangkumi negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

NO SOALAN: 66

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB PUAN HAJAH RAHEMAH BINTI IDRIS**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Puan Hajah Rahemah Binti Idris minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah benar aset bersih Tabung Haji telah meningkat 3.3 kali ganda dari RM21.1 bilion pada akhir tahun 2008 kepada RM69.4 bilion pada akhir tahun 2017 dan pada tempoh itu purata hibah tahunan adalah 6.75%.

NO SOALAN: 66

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah aset bersih (tidak mengambil kira Kumpulan Wang Simpanan Pendeposit sebagai liabiliti) Lembaga Tabung Haji (***TH***) telah meningkat dari RM21.2 bilion kepada RM69.4 bilion dari akhir tahun 2008 hingga akhir 2017. Berikut adalah statistik yang berkaitan:

	Aset RM' Bilion	Liabiliti* RM' Bilion	Aset Bersih RM' Bilion	Simpanan Pendeposit RM' Bilion
2008	21.6	0.4	21.2	19.7
2009	24.6	0.3	24.3	22.5
2010	28.8	0.5	28.3	27.6
2011	32.4	0.4	32.0	30.0
2012	40.6	0.4	40.1	35.8
2013	48.8	0.6	48.2	43.1
2014	54.8	0.7	54.0	51.1
2015	60.2	0.7	59.5	59.3
2016	64.3	0.7	63.8	64.8
2017	70.3	0.9	69.4	70.2

(*Nota : * Tidak mengambil kira Kumpulan Wang Simpanan Pendeposit*)

NO SOALAN: 66

Bagi tempoh yang sama, purata kadar hibah tahunan (tidak termasuk kadar hibah khas/haji) yang diisytihar oleh Tabung Haji adalah bukan pada kadar 6.75% tetapi pada kadar purata 5.40%. Kadar hibah terendah 4.25% dicatatkan bagi tahun 2016 dan pada kadar tertinggi 6.50% bagi tahun 2012.

Berikut adalah statistik yang berkaitan:

	Kadar Hibah Tahunan %	Kadar Hibah Khas/Haji %	Jumlah Hibah Tahunan RM‘ Juta	Jumlah Hibah Khas/Haji RM‘ Juta	Jumlah Hibah Keseluruhan RM‘ Juta
2008	5.00	-	900	-	900
2009	5.00	-	1,067	-	1,067
2010	5.50	-	1,332	-	1,332
2011	6.00	-	1,678	-	1,678
2012	6.50	1.50	2,141	317	2,458
2013	6.00	2.00	2,409	223	2,632
2014	6.25	2.00	2,988	249	3,237
2015	5.00	3.00	2,807	413	3,220
2016	4.25	1.50	2,646	225	2,871
2017	4.50	1.75	3,042	282	3,324

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat , walaupun kadar hibah tahunan yang diisytihar pada tahun 2017 adalah lebih rendah berbanding tahun-tahun terdahulu, namun jumlah yang dikeluarkan untuk membayar hibah

pada tahun tersebut adalah lebih tinggi kerana jumlah yang diperlukan untuk membayar 1% hibah pada tahun 2017 adalah sebanyak RM676 juta, iaitu 3.75 kali ganda lebih tinggi berbanding tahun 2008 sebanyak RM180 juta.

Sekian. Terima kasih.

NO SOALAN: 67

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB PUAN LIM HUI YING**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Puan Lim Hui Ying minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan perancangan untuk membina pusat asuhan kanak-kanak di bangunan-bangunan Kerajaan di Pulau Pinang.

NO SOALAN: 67

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Susulan daripada kenyataan yang dibuat oleh YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri Merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di Parlimen bahawa Kementerian memandang serius terhadap tragedi yang berlaku pada kanak-kanak di rumah pengasuh dan TASKA, dan semua agensi kerajaan wajib untuk mewujudkan TASKA di Tempat Kerja menjelang 1 Januari 2019.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah menubuhkan *Task Force* TASKA Tempat Kerja Awam di peringkat Jabatan Kebajikan Masyarakat. **Pasukan Task Force ini telah membuat lawatan pengauditan ke semua agensi kerajaan bermula 24 Julai 2018 dan memberi khidmat nasihat teknikal bagi penubuhan TASKA**.

Pada 10 Ogos 2018 satu surat bertajuk *Task Force* TASKA Tempat Kerja Awam telah dikeluarkan kepada semua agensi kerajaan persekutuan dan negeri bagi mendapat maklumat penubuhan TASKA di agensi masing-masing. Secara keseluruhan, maklumat yang diperolehi **sebanyak 541 Kementerian/Jabatan/Agensi masih belum mempunyai TASKA di Tempat Kerja**. Surat tersebut telah diedarkan kepada **31 buah kementerian/Jabatan/Agensi di Pulau Pinang** dan maklum balas yang diterima adalah **13 buah Kementerian/Jabatan/Agensi yang telah menubuhkan TASKA di Tempat Kerja (TTK), 15 masih belum menubuhkan TTK manakala 3 Kementerian/Jabatan/Agensi tidak memberi maklum balas**.

NO SOALAN: 67

Justeru RM10 juta yang diperuntukan melalui dasar bajet 2019 bagi penubuhan TASKA di Tempat Kerja baharu telah dibuka permohonan kepada 541 Kementerian/Jabatan/Agensi yang telah dikenalpasti masih belum mempunyai TASKA di tempat kerja. **Kementerian ini menerima 5 permohonan daripada Pulau Pinang dan 3 Kementerian/Jabatan/Agensi telah diluluskan geran penubuhan TTK berjumlah RM580,000.00**. 3 buah Kementerian/Jabatan/Agensi yang telah diluluskan ini akan terus dibuat pemantauan sehingga penubuhan TASKA selesai dan didaftarkan

NO SOALAN: 68

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK LEE TIAN SING**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Datuk Lee Tian Sing minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perancangan Majlis Penasihat Kesihatan secara khusus dalam usaha mereformasikan institusi kesihatan awam dan sejauh manakah majlis ini boleh memainkan peranan dalam menangani isu kenaikan yuran perundingan klinik swasta oleh para pengamal perubatan am swasta (Gps).

NO SOALAN: 68

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Majlis Penasihat Kesihatan [*Health Advisory Council* (HAC)] ditubuhkan sebagai badan penasihat bebas dan berkecuali yang akan membantu YB Menteri Kesihatan Malaysia dalam menentukan hala tuju sektor kesihatan Negara. HAC dianggotai oleh pakar-pakar daripada sektor awam, swasta, badan bukan Kerajaan termasuk tokoh terkemuka dari kalangan *thought leaders/global thinkers*. HAC memainkan peranan dengan memberikan cadangan - cadangan seperti mengadakan sesi libat urus dengan pemegang taruh, memperbaiki keseluruhan penyampaian perkhidmatan pengamal perubatan swasta dengan memberikan nilai tambah dalam perkhidmatan serta lain-lain cadangan yang sewajarnya.

Sehingga kini, HAC telah mengadakan sembilan (9) sesi Mesyuarat HAC dan dua (2) sesi Mesyuarat HAC bersama YB Menteri Kesihatan yang membincangkan usaha-usaha ke arah Transformasi Sistem Penyampaian Penjagaan Kesihatan (*Transformation of Healthcare Delivery System*) yang akan dilaksanakan kelak. Berkaitan isu menangani kenaikan yuran perundingan klinik swasta oleh para pengamal perubatan am swasta (GPS), HAC tidak terlibat secara langsung dalam isu tersebut.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 69

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN ALAN LING SIE KIONG**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Tuan Alan Ling Sie Kiong minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah insentif sedia ada dan bantuan dari segi latihan dan geran untuk membolehkan institusi Kerajaan seperti sekolah dan juga syarikat swasta untuk menubuhkan Taska di tempat kerja.

NO SOALAN: 69

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa menyokong agar pihak majikan menyediakan TASKA di Tempat Kerja bagi memberi sokongan kepada ibu bapa bekerja dengan lebih komited dan seterusnya menghasilkan produktiviti yang baik dalam perkhidmatan mereka. Berdasarkan statistik dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), sehingga Mei 2019, terdapat **287** buah TASKA yang disediakan oleh majikan di sektor awam dan swasta. Daripada jumlah ini, **227** adalah dari majikan sektor awam dan **60** dari majikan sektor swasta.

Bagi menggalakkan dan memperbanyakkan lagi penubuhan TASKA di Tempat Kerja, antara inisiatif baharu yang telah diusahakan oleh kerajaan adalah memperuntukkan **RM10juta** melalui dasar bajet 2019 bagi penubuhan 50 buah TASKA di Tempat Kerja baharu kepada agensi Kerajaan/Negeri/Badan Berkanun. Hasil dari itu, sebanyak 66 buah agensi Kerajaan/Negeri/Badan Berkanun telah diluluskan geran bagi menubuhkan TASKA di Tempat Kerja di sektor awam. Geran penubuhan TASKA di tempat kerja sektor awam ini juga membenarkan perbelanjaan dari segi pengubahsuaian premis TASKA, perabot dan peralatan untuk kegunaan TASKA dan latihan kepada kakitangan TASKA.

Untuk makluman, salah satu syarat minimum untuk mendaftarkan TASKA adalah semua pengusaha, pengurus dan penyelia di dalam TASKA wajib untuk menghadiri dan lulus Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak- Kanak PERMATA (KAP). Manakala, pengasuh kanak-kanak hendaklah hadir dan lulus dalam masa 12 bulan bekerja di TASKA. Sehubungan itu, TASKA di

tempat kerja sektor awam yang menerima geran telah disediakan peruntukan untuk latihan kepada pengusaha dan kakitangan pengasuh.

NO SOALAN: 70

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Dato' Haji Husain Bin Awang minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejauh mana penggubalan Akta Benih Tanaman dapat menyelesaikan isu benih padi tidak sah di pasaran dan membantu para pesawah mendapatkan sumber benih padi yang berkualiti dan sah.

NO SOALAN: 70

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Benih padi tidak sah bermaksud benih padi yang tidak mendapat pengesahan kualiti oleh Jabatan Pertanian (DOA) dan dikeluarkan oleh pengeluar yang tidak dilantik oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA). Selain itu, benih padi tidak sah juga menggunakan beg benih yang tidak diluluskan oleh Kerajaan dan tidak mempunyai label kualiti pada beg.

Penggunaan benih padi tidak sah akan menyebabkan pertumbuhan benih padi yang tidak seragam, hasil padi berkurangan, risiko tinggi bagi percampuran varieti dengan varieti lain, risiko pencemaran benih rumpai dan benih berpenyakit serta peningkatan populasi padi angin.

Sehubungan itu, Kementerian bercadang supaya Rang Undang-Undang (RUU) Benih Tanaman digubal untuk memastikan semua ‘benih terkawal’ yang dijual adalah berkualiti, tulen dan memenuhi standard yang ditetapkan. Ini dilakukan melalui pengawalan pemprosesan, pengujian, penjualan, pengedaran, pengimportan dan pengeksportan. "Benih terkawal" ertinya apa-apa benih dari mana-mana spesies tumbuhan atau varieti yang mempunyai nilai komersil yang akan diwartakan di bawah RUU ini.

Dalam konteks ini, benih padi dicadangkan akan dimasukkan dalam senarai benih terkawal di bawah RUU ini. Buat masa kini, benih padi masih hanya dikawal melalui Skim Pengesahan Benih Padi (SPBP) yang mana benih yang telah mendapat pengesahan di bawah skim ini diiktiraf sebagai benih padi sah dan mendapat jaminan kualiti bagi tujuan penanaman.

RUU ini akan meliputi komponen pelesenan, pematuhan standard dan pematuhan syarat-syarat penyimpanan, pembungkusan dan pelabelan. Pelesenan meletakkan keperluan lesen bagi aktiviti-aktiviti pemprosesan, pengedaran dan jualan. Pelesen-pelesen juga didedahkan dengan keperluan pematuhan standard bagi memastikan kualiti benih yang diedarkan menepati spesifikasi Standard Jabatan Pertanian Malaysia (SJPM): Spesifikasi Pengeluaran Benih Padi (*Oryza sativa*) dan MS 469:2012 *Rice* (*Oryza sativa L.*) *inbred seed planting material – Specification (Second Revision)*. Proses pengesahan ini melibatkan pemeriksaan ladang, pemeriksaan premis (loji) dan pengujian biji benih di makmal. Selain itu, RUU ini juga akan memperuntukkan beberapa syarat yang menetapkan semua jenis ‘benih terkawal’ mematuhi syarat-syarat penyimpanan, pembungkusan dan pelabelan yang membolehkan ‘benih terkawal’ yang berada di pasaran dapat dikenal pasti.

Dengan adanya peruntukan kuasa di bawah RUU Kualiti Benih ini nanti, penguatkuasaan ke atas pengeluaran benih-benih tanaman terkawal seperti padi dapat diambil melalui tindakan mengkompaun, denda atau pendakwaan di mahkamah, bersesuaian dengan kesalahan-kesalahan yang dilakukan. RUU Kualiti Benih ini juga akan memberikan hak kepada petani untuk mendapatkan benih yang tulen dan berkualiti serta menjadi

platform kepada pengguna/pembeli untuk menuntut hak mereka di mahkamah sekiranya benih dikeluarkan oleh pengeluar tidak tulen atau berkualiti seperti yang dinyatakan.

Melalui penguatkuasaan dan tindakan undang-undang, Kementerian percaya industi tanaman seperti padi, buah-buahan dan sayur-sayuran akan lebih mampan dengan penggunaan benih-benih tanaman yang berkualiti dan tulen. Ini bukan sahaja dapat merancakkan industri tanaman di Malaysia tetapi boleh menjadikan Malaysia sebagai antara pengeluar benih berkualiti untuk pasaran dunia.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 71

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' KESAVADAS A/L A.ACHYUTHAN NAIR**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah maklum balas daripada pakar mengenai kebaikan dan keburukan peraturan cermin gelap pada kenderaan. Adakah tidak dilakukan penyelarasan terlebih dahulu di antara Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Dalam Negeri sebelum peraturan ini dilaksanakan dan adakah peraturan baharu ini akan disemak kembali.

NO SOALAN: 71

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kementerian menerusi Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah mengadakan beberapa siri perbincangan bersama dengan PDRM, malah MOU antara JPJ & PDRM telah pun bermula pada 2012 dan satu Jawatankuasa Teknikal antara JPJ & PDRM sentiasa bermesyuarat sebanyak tiga (3) kali setahun untuk menyelesaikan isu-isu penguatkuasaan dan isu-isu berbangkit yang lain.

2. Untuk isu berkaitan penggunaan cermin gelap oleh kenderaan persendirian, menerusi perbincangan oleh pihak JPJ dan PDRM pada 16 Mei 2019, kedua-dua agensi ini bersetuju untuk bekerjasama di dalam menyediakan laporan terhadap permohonan baru penggunaan cermin gelap oleh orang awam (kenderaan persendirian), dan juga mesyuarat bersetuju untuk pihak PDRM menyediakan laporan rekod jenayah sebelum sesuatu kelulusan kepada orang awam diberikan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 72

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK LIM PAY HEN**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

(a) adakah permohonan individu ke atas biasiswa antarabangsa perlu melalui tatacara piawaian penapisan Kementerian untuk mendapatkan kelulusan sebelum permohonan tersebut ditujukan kepada universiti atau institusi antarabangsa tersebut; dan

(b) adakah Kementerian akan meliberalkan tatacara biasiswa antarabangsa supaya permohonan tersebut lebih kompeten dan cekap.

JAWAPAN

NO SOALAN: 72

Tuan Yang di-Pertua,

(a) dan (b)

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan bahawa tiada sebarang tatacara piawaian penapisan diamalkan oleh KPM terhadap sesuatu permohonan biasiswa antarabangsa sebelum permohonan itu ditujukan kepada universiti atau institusi antarabangsa yang dimohon. Pelajar yang ingin memohon biasiswa antarabangsa boleh mengemukakan permohonan terus kepada universiti/agensi/badan penaja yang terlibat. Walau bagaimanapun, KPM menasihatkan agar pelajar membuat semakan dan penelitian terlebih dahulu ke atas mana-mana biasiswa yang ditawarkan bagi mengelakkan sebarang isu dan permasalahan di kemudian hari.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 73

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah garis panduan penubuhan sesuatu Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan kaedah pendaftarannya yang menggunakan perkataan atau nama Orang Asli sedangkan mereka bukan Orang Asli.

NO SOALAN: 73

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Selaras dengan peruntukan di bawah Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335], Peraturan-Peraturan Pertubuhan 1984 serta Arahan-Arahan Pendaftar Pertubuhan, permohonan pendaftaran bagi sesebuah pertubuhan hanya boleh dikemukakan kepada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) melalui sistem atas talian eROSES sekiranya memenuhi syarat asas berikut:

1. Pertubuhan tersebut terdiri daripada sekurang-kurangnya tujuh (7) orang individu;

2. Telah melaksanakan mesyuarat penubuhan yang menetapkan perkara seperti mana berikut:

   (a) Persetujuan menubuhkan pertubuhan;

   (b) Meluluskan nama pertubuhan yang akan didaftarkan;

   (c) Menetapkan alamat yang akan didaftarkan;

   (d) Melantik Ahli Jawatankuasa Penaja Pertubuhan untuk menguruskan pendaftaran pertubuhan; dan

(e) Meluluskan undang-undang tubuh pertubuhan atau perlembagaan pertubuhan.

Semua permohonan adalah tertakluk kepada fi sebanyak RM30 yang ditetapkan di bawah Peraturan 16, Peraturan-Peraturan Pertubuhan 1984.

Berhubung dengan isu pendaftaran pertubuhan berkaitan Orang Asli seperti mana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat pula, penggunaan perkataan atau nama Orang Asli pada sesebuah pertubuhan hanya dibenarkan sekiranya:

1. Kesemua Ahli Jawatankuasa Penaja Pertubuhan adalah berketurunan Orang Asli; dan

2. Fasal Keahlian dalam undang-undang tubuh pertubuhan mengehadkan penyertaan kepada individu berketurunan Orang Asli sahaja.

Kegagalan sesebuah pertubuhan mematuhi undang-undang tubuh akan menyebabkan tindakan penguatkuasaan dilaksanakan oleh JPPM. Antara tindakan tersebut termasuklah pembatalan pendaftaran selaras dengan tatacara di bawah Seksyen 13, Akta 335.

NO SOALAN: 74

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB LAKSAMANA PERTAMA (B) HAJI MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pencerahan sejauh mana ajaran Syiah telah dibanteras kerana dilihat pengikutnya begitu agresif apabila disiasat dan dikhuatiri akan menimbulkan ancaman ketenteraman dalam negara pada masa jangka panjang apabila pengikut mereka bertambah ramai.

NO SOALAN: 74

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sentiasa memandang serius mengenai penularan ideologi dan fahaman yang bercanggah dengan ajaran Islam seperti Syiah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun masih terdapat kumpulan yang mengamalkan fahaman Syiah di negara ini sama ada dari kalangan warga asing yang menetap di sini atau warga negara Malaysia sendiri, perkembangan fahaman Syiah masa ini masih dalam kawalan dan belum berada di tahap yang membimbangkan.

Kerajaan melalui JAKIM dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan agensi-agensi keselamatan sentiasa bekerjasama dan menggembleng tenaga dalam melaksanakan pemantauan dan menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan sebagai langkah pencegahan serta membanteras penyebaran fahaman Syiah di negara ini. Antara langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi membendung perkara ini dari tersebar luas di kalangan masyarakat adalah seperti berikut:

1. Pandangan Hukum, Fatwa dan Perundangan:

    i. Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) yang bersidang pada 5 Mei 1996, antara lain telah menetapkan pandangan hukum bahawa umat Islam di Malaysia hendaklah hanya mengikut

ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah wal-Jamaah dari segi akidah, syariah dan akhlak. Selain itu, menetapkan bahawa ajaran Islam selain daripada pegangan Ahli Sunnah wal-Jamaah adalah dilarang.

ii. Seterusnya keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI ini telah disusuli dengan fatwa pengharaman Syiah di 13 buah negeri di Malaysia. Fatwa ini telah pun diwartakan serta boleh digunakan untuk mengambil tindakan ke atas pengikut Syiah.

iii. Pemantauan secara berkala dan tindakan penguatkuasaan di bawah Akta/Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah oleh pihak berkuasa agama negeri sekiranya terbukti terdapat unsur-unsur penerbitan, penyiaran dan penyebaran apa-apa buku, risalah, filem, video dan lain-lain berhubung fahaman ini.

2. Program penjelasan dan penerangan kepada masyarakat:

i. Melalui siri penjelasan dalam seminar dan forum berkaitan akidah yang dilaksanakan oleh JAKIM dengan kerjasama Jabatan Mufti Negeri dan Jabatan Agama Islam Negeri.

ii. Pendedahan bahaya fahaman Syiah, liberalisme dan pluralisme agama melalui media baharu dan penyiaran seperti siaran khutbah serta rancangan-rancangan agama seperti rancangan Forum Perdana Ehwal Islam dan Anda Musykil? yang disiar melalui TV serta rancangan lain yang turut diterbit

dan disiar melalui radio stesen-stesen nasional Kerajaan serta boleh diakses melalui media baharu.

iii. Melaksanakan muzakarah pakar, sidang meja bulat dan bengkel bersama agensi peringkat Persekutuan dan Negeri bagi berkongsi input dan mencari solusi untuk menangani masalah penularan ajaran Syiah dan kecelaruan pemikiran yang dibawa oleh golongan berfikiran liberal.

iv. Program pemantapan kefahaman Ahli Sunnah wal-Jamaah dengan agensi yang menyelaras program kepada penjawat awam dan institusi pengajian tinggi khususnya kepada pelajar yang akan ke luar negara. Slot-slot penerangan mengenai akidah diberi kepada mereka dan dimasukkan dalam modul-modul yang berkaitan.

v. Penerbitan bahan bacaan dan buku yang berkaitan isu liberalisme dan pluralisme dengan kerjasama Institusi Pengajian Tinggi dan Jabatan Mufti/Jabatan Agama Islam/Majlis Agama Islam Negeri bagi memberi pendedahan dan rujukan kepada masyarakat berhubung perkara ini.

3. Pendidikan peringkat rendah/ Kelas Agama dan Fardhu Ain (KAFA):

Penekanan terhadap pendidikan akidah yang benar melalui penggubalan kurikulum agama yang berkaitan akidah bagi pendidikan agama khususnya di peringkat sekolah rendah melalui Kelas Agama dan Fardhu Ain (KAFA).

NO SOALAN: 74

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 75

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah yang diambil untuk mengatasi kemurungan dan tekanan yang dihadapi oleh guru-guru pada masa kini khususnya di sekolah-sekolah Orang Asli di kawasan pedalaman.

NO SOALAN: 75

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan bahawa berdasarkan rekod KPM sehingga Jun 2019, hanya terdapat dua (2) permohonan pertukaran guru dari sekolah Orang Asli atas alasan kemurungan. Walau bagaimanapun, permohonan tersebut tidak disertakan dengan sebarang dokumen perubatan. Sehingga tarikh tersebut juga, tiada guru di sekolah Orang Asli yang ditukarkan atas alasan kemurungan.

Sekiranya terdapat kes kemurungan atau masalah tekanan mental dalam kalangan guru, KPM menyediakan pelan rawatan kaunseling yang dikendalikan oleh Kaunselor Organisasi KPM. Pelan tersebut merangkumi Sesi Kaunseling, Program Pembangunan, Pencegahan, Pemulihan dan Intervensi Krisis (3Pi). Perkhidmatan kaunseling ini dijalankan oleh Kaunselor Organisasi di seluruh negara yang diselaraskan oleh Bahagian Psikologi dan Kaunseling, KPM. Bagi kes kronik, KPM akan merujuk kepada Kementerian Kesihatan Malaysia.

Sebagai langkah mendekati masyarakat Orang Asli dan guru-guru yang mengajar di sekolah-sekolah Orang Asli, KPM melaksanakan Karnival Komuniti Pendidikan Orang Asli pada tahun 2018.

Pada tahun 2019, KPM mengambil pendekatan menganjurkan Program Meningkatkan Kesedaran Kesejahteraan Psikologi Guru #3A iaitu Sedar (*Aware*), Peka (*Alert*), dan Tindakan (*Action*) pada 10 Julai 2019. Program

tersebut merupakan salah satu daripada pelan kesejahteraan psikologi guru-guru di KPM. Pelan ini turut mengambil kira kesejahteraan psikologi guru-guru di sekolah Orang Asli dan sekolah pedalaman. Pelan ini dirancang dalam tempoh lima tahun seperti yang dihasratkan dalam Dasar Kaunseling KPM.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 76

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN SURESH SINGH A/L RASHPAL SINGH**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa pihak imigresen dan polis tidak membenarkan bekas-bekas tahanan di bawah Akta Pencegahan Jenayah (Preventive Detention) seperti Akta Dadah Berbahaya (langkah-langkah pencegahan khas) 1985 ke luar negara walaupun mereka telah dibebaskan melalui mahkamah atau Lembaga Rayuan.

NO SOALAN: 76

JAWAPAN

Yang Di-pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pekeliling Imigresen Malaysia Terhad Bilangan 3 Tahun 2015 (rujukan: IM.101/HQ-H/862/1/2(2)), menyatakan bahawa individu-individu yang terlibat dengan kesalahan kes pengedaran dadah di dalam atau luar negara yang menjejaskan imej negara boleh disenaraikan di dalam Senarai Syak Imigresen (Senarai hitam) selama tiga (3) tahun. Individu-individu terbabit akan disenarai hitamkan berdasarkan dokumen pengenalan diri atau pasport antarabangsa mereka. Setelah individu-individu berkenaan disenarai hitamkan, bagi warganegara Malaysia, mereka akan disekat untuk ke luar negara. Manakala bagi bukan warganegara mereka akan dihalang daripada masuk ke Malaysia.

Justeru itu, bagi individu yang terlibat dengan kesalahan pengedaran dadah dibawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 juga akan kekal disenarai hitam selama sekurang-kurangnya tiga (3) tahun oleh Jabatan Imigresen Malaysia dengan syor oleh Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, Polis Diraja Malaysia (PDRM) Bukit Aman. Walau bagaimanapun Ahli Yang Berhormat sekalian, kuasa untuk membatalkan senarai hitam individu tersebut adalah tertakluk kepada bidang kuasa PDRM berdasarkan permohonan pelepasan sementara atau rayuan yang munasabah.

NO SOALAN: 77

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB PROF EMERITUS TAN SRI DATO' SERI DR. IBRAHIM SHAH BIN ABU SHAH**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Prof Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah Bin Abu Shah minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan peratusan peluang pekerjaan yang akan diwujudkan bagi graduan berasaskan Pendidikan dan Latihan Teknik Vokasional menjelang tahun 2020 dan persiapan mereka bagi menghadapi Revolusi Perindustrian 4.0.

NO SOALAN: 77

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan kepada data secara suku tahunan bermula Mei 2018 sehingga Mac 2019 mengenai peluang pekerjaan yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), jumlah peluang pekerjaan yang diwujudkan termasuk bagi graduan yang berasaskan Pendidikan dan Latihan Teknik Vokasional (TVET) adalah sebanyak 243,000 peluang pekerjaan. Jumlah ini adalah berdasarkan kepada jumlah guna tenaga pada suku pertama pada tahun 2019 berjumlah 15,010,200 berbanding jumlah guna tenaga pada suku kedua pada tahun 2018 berjumlah 14,767,200.

2. Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), jumlah guna tenaga pada tahun 2020 dijangka akan mencecah 15,347,500. Ini merupakan peningkatan sebanyak 580,300 jumlah guna tenaga (anggaran 240,000 setahun) semenjak Kerajaan memerintah pada suku kedua pada tahun 2018.

3. Sehubungan itu, ini menunjukkan Kerajaan mampu menghasilkan peluang pekerjaan dalam anggaran 200,000 setahun. Dengan jumlah anggaran tersebut, Kerajaan menjangka dapat menghasilkan 1 juta peluang pekerjaan dalam masa 5 tahun.

NO SOALAN: 77

4. Industri 4.0 dijangka akan memberi kesan yang sangat signifikan kepada pasaran buruh dan pekerjaan seperti pewujudan dan penghapusan pekerjaan *(job displacement),* peningkatan produktiviti buruh dan jurang kemahiran yang semakin meluas. Pelbagai usaha dilaksanakan oleh KSM dalam memperkukuh kompetensi sumber manusia bagi mengenal pasti pekerjaan yang bersesuaian dalam menghadapi Industri 4.0 melalui Jabatan dan Agensi dibawahnya. Antaranya adalah:

(i) menyediakan program *upskilling* dan *reskilling* kepada golongan pekerja bagi bagi mempertingkatkan kemajuan kendiri dalam menyesuaikan diri dengan perubahan keperluan kerja masa hadapan *(future jobs)* serta persekitaran global yang semakin kompetitif dan dinamik;

(ii) merangka satu kajian berkaitan Pelan Induk TVET yang merangkumi keperluan TVET bagi menghadapi Industri 4.0. Dalam usaha untuk memperkasa kualiti dan penyampaian TVET selari dengan Industri 4.0, kajian ini akan meneliti keperluan bagi menyediakan pengetahuan dan kemahiran tenaga kerja untuk industri 4.0 yang merangkumi aspek pengstrukturan semula kurikulum, menaiktaraf fasiliti dan kemudahan latihan, pembangunan profesional tenaga pengajar serta perkara-perkara lain yang berkaitan; dan

(iii) mengadakan sesi libat urus dengan pihak industri bersama jabatan/agensi terlibat bagi memberi gambaran jelas berkaitan Industri 4.0. Maklumat hasil perkongsian daripada sesi ini akan

seterusnya digunakan untuk mengkaji dan meneliti keperluan tenaga kerja bagi menghadapi Industri 4.0 seterusnya mewujudkan peluang pekerjaan baharu.

5. Kesimpulannya, Kerajaan telah dan sedang mengambil langkah-langkah yang perlu bagi mewujudkan pekerjaan-pekerjaan yang bersesuaian dan menyediakan tenaga kerja yang berkemahiran untuk memenuhi keperluan Industri 4.0.

NO SOALAN: 78

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN ISMAIL BIN YUSOP**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Tuan Ismail bin Yusop minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah konsep 'rahmatan lil alamin' ini diterapkan di kalangan rakyat susulan kegagalan Kerajaan dalam menangani persepsi bahawa kedudukan Islam terancam di bawah Kerajaan Pakatan Harapan di kalangan rakyat terbanyak.

NO SOALAN: 78

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak kerajaan Pakatan Harapan mengambil alih kerajaan persekutuan, Kerajaan telah memperkenalkan 3 teras utama iaitu konsep Rahmatan Lil Alamin, Maqasid Syariah dan Model Malaysia.

Bagi menjelaskan ciri-ciri utama pentadbiran negara RAHMAH supaya difahami dan dihayati oleh segenap lapisan masyarakat, ciri-ciri ini diperincikan melalui akronim R.A.H.M.A.H yang menterjemahkan maksud tersirat dan tersurat aspirasi iaitu RAMAH, AMAN, HARMONI, MESRA, ALAMI dan HORMAT.

Sebagai contoh Konsep Rahmah diperkenalkan melalui pewujudan masjid yang mesra dan ramah termasuk menyantuni bukan Islam, suasana aman tanpa elemen kebencian, harmoni, mesra terhadap alam sekitar serta saling hormat-menghormati yang mana semua pihak berasa selesa dengan masjid. Selain itu, pusat bank makanan bagi orang miskin untuk mendapatkan keperluan makanan turut diwujudkan.

Bagi memastikan penerangan ini sampai kepada rakyat di semua peringkat, kerajaan telah melantik duta-duta Rahmah dari seluruh Malaysia seramai 213 orang yang terdiri daripada para cendekiawan, ahli akademik, pendakwah, tokoh masyarakat dan pendidik untuk memberi penjelasan tentang konsep ini kepada masyarakat.

NO SOALAN: 78

Pelbagai program juga telah dilakukan untuk memberi penerangan dan penjelasan kepada rakyat melalui pelbagai wahana seperti Town Hall di Kementerian, Pelancaran Masjid Rahmah, Program Hospital Rahmah, Karnival Rahmah di peringkat kebangsaan, Skuad Rahmah@Kampus bagi menyantuni dan memberi pendedahan konsep ini kepada golongan belia dan remaja di kampus, Dialog Harmoni antara Agama, Kembara Rahmah bagi menyantuni golongan asnaf, melancarkan Kempen Elak Pembaziran pada Bulan Ramadhan dan kempen berbentuk Talkshow Rahmah di kaca televisyen dan radio menerusi rancangan terbitan RTM/Jakim dan TV Alhijrah serta di saluran media sosial melalui penerbitan video pendek dan poster infografik.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 79

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah strategi untuk menjadikan Malaysia sebagai tarikan kepada tokoh-tokoh ilmuwan dunia untuk datang mengajar dan melakukan penyelidikan di institusi-institusi pendidikan tempatan kita.

NO SOALAN: 79

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penglibatan para ilmuwan dan pakar-pakar daripada pelbagai bidang dalam perkongsian ilmu di institusi pendidikan awam dan institusi pendidikan swasta telah dilaksanakan secara meluas. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat menggalakkan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) untuk menjalin kerjasama dengan para ilmuan samada dari dalam atau luar negara.

Program seumpama ini yang telah dilaksanakan dikenali sebagai Profesor Pelawat (*Visiting Profesor*). Peranan utama profesor pelawat adalah mengikut kepada keperluan institusi pendidikan tinggi masing-masing. Sebagai contoh untuk mengetuai kumpulan penyelidikan, mengetuai institut penyelidikan di IPT, menyelia pensyarah dalam pelbagai aspek pengajaran dan pembangunan kurikulum, memberi taklimat dan berkongsi kepakaran melalui perkongsian pintar dan inisiatif-inisiatif lain yang dapat memberi keuntungan kedua-dua pihak. Antara profesor pelawat yang bertugas di universiti awam ialah Prof. Dr. Eddy Ng (Dalhousie University)-UM, Prof. Dr. Tim lindsey (Malcolm Smith of Asian Law)-UiTM, Dr.Gary James Clayton (Massachusetts Dartmouth, USA)-UiTM dan ramai lagi.

Selain itu, para ilmuwan ini juga boleh dilantik sebagai penyelia bagi pelajar-pelajar yang membuat penyelidikan dan menyediakan platform kepada pelajar untuk mengembangkan ilmu pengetahuan mereka semasa meyambung pengajian di IPT.

NO SOALAN: 79

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 80

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK SR. HAJI HANAFI BIN HAJI MAMAT**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan program-program dan hala tuju untuk menggerakkan Persatuan-persatuan belia luar bandar memandangkan banyak yang tidak berupaya untuk menggerakkan aktiviti.

NO SOALAN: 80

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi tujuan menggerakkan persatuan-persatuan belia luar Bandar, Kementerian Belia dan Sukan telah mengambil inisiatif-inisiatif seperti berikut: 1. Dari segi kepimpinan, Kursus Pengurusan Organisasi (KPO) tahap satu dijalankan untuk meningkatkan kemahiran kepimpinan organisasi dalam membentuk individu belia yang dapat menerajui hala tuju sesebuah organisasi serta menyediakan pelapis pemimpin dalam persatuan-persatuan belia di Malaysia. Ia akan dilaksanakan di 121 buah daerah di seluruh negara dengan jumlah penyertaan sebanyak 2,392 orang peserta sehingga Jun 2019.

2. Dalam aspek pembangunan sukan, Kementerian memperkenalkan program Sukan Luar Bandar yang menumpukan kepada kumpulan komuniti tempatan, masyarakat orang asli dan kumpulan minoriti kepada sesebuah etnik untuk menyerlahkan potensi belia pendalaman dan luar bandar dalam kepimpinan dan mencungkil bakat sukan. Sehingga bulan Jun 2019, seramai 7,800 peserta telah menyertai program ini dari seluruh negara.

3. Youth Power Club (YPC) masih dalam proses penubuhan di seluruh negara. YPC adalah bertaraf Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan tertakluk dibawah Akta 668 serta perlu berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Belia. YPC akan ditubuhkan secara menyeluruh di 222

NO SOALAN: 80

Kawasan Parlimen. Selain itu ia turut akan ditubuhkan di peringkat Negeri dan Kebangsaan. YPC Negeri akan bertindak sebagai penyelaras semua aktiviti di peringkat negeri dan kawasan. Manakala YPC Kebangsaan akan bertindak sebagai pertubuhan induk YPC untuk menyelaras semua aktiviti YPC di peringkat kebangsaan dan negeri.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 81

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB PUAN NURIDAH BINTI MOHD SALLEH**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Puan Nuridah binti Mohd Salleh minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha-usaha membangunkan masyarakat Orang Asli sepanjang tahun 2015 hingga 2019 dan berapakah penempatan Orang Asli di seluruh Malaysia amnya dan di Terengganu khasnya.

NO SOALAN: 81

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Usaha untuk membangunkan kehidupan masyarakat Orang Asli telah digariskan ke dalam Pelan Strategik JAKOA (2016 – 2020) yang memberi fokus kepada pembangunan sosioekonomi masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Ianya merupakan satu pelan yang telah dirangka dalam usaha meningkatkan kualiti hidup melalui penyediaan infrastruktur yang lengkap di perkampungan Orang Asli. Dalam masa yang sama, usaha juga turut dilaksanakan bagi meningkatkan pendapatan masyarakat Orang Asli melalui Program Pembangunan Ekonomi Orang Asli serta Program Pembangunan Usahawan Orang Asli di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11). Di bawah program peningkatan pendapatan, masyarakat Orang Asli dapat keluar daripada isu kemiskinan, dan seterusnya akan menambahbaik perilaku sosial mereka.

Antara program dan projek yang dilaksanakan adalah seperti Projek Bekalan Air Terawat, Program Pembangunan Infrastruktur dan Ameniti Sosial, Program Pembangunan Ekonomi dan Program Pembangunan Usahawan Orang Asli.

Usaha-usaha ini dan kerjasama semua agensi secara berterusan akan dilaksanakan untuk memastikan taraf hidup dan kehidupan masyarakat Orang Asli dipertingkatkan seiring dengan pembangunan negara.

NO SOALAN: 81

Bagi penempatan Orang Asli, terdapat sebanyak 853 buah kampung Orang Asli yang diiktiraf di seluruh Malaysia. Di Terengganu, hanya terdapat tiga (3) perkampungan Orang Asli iaitu di Kampung Orang Asli Sungai Pergam, Kampung Orang Asli Sungai Sayap dan Kampung Orang Asli Sungai Berua.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 82

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK ABDUL GHANI BIN MOHAMED YASSIN**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Datuk Abdul Ghani Bin Mohamed Yassin minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah pelaburan yang telah dibawa ke Malaysia sepanjang 2019.

NO SOALAN: 82

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sukacita dimaklumkan bahawa di sebalik ketidaktentuan ekonomi global, Malaysia masih menjadi destinasi terpilih untuk para pelabur termasuk tempatan dan asing. Dalam tempoh suku tahun pertama 2019 sahaja, sejumlah RM53.9 bilion pelaburan dengan 1,678 projek telah diluluskan. Dari jumlah keseluruhan tersebut, pelaburan langsung domestik, dengan izin, *domestic direct investment* (DDI) yang diluluskan mencatatkan 45.6 peratus atau RM24.6 bilion daripada jumlah keseluruhan pelaburan diluluskan. Pelaburan langsung asing, dengan izin, *foreign direct investment* (FDI) yang diluluskan pula adalah sebanyak RM29.3 bilion iaitu 54.4% daripada jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan tempoh suku tahun pertama 2019.

2. Sektor perkilangan merupakan penyumbang terbesar dalam menarik pelaburan asing (RM20.2 bilion), diikuti oleh sektor perkhidmatan (RM8.1 bilion) dan sektor utama lain meliputi perlombongan, perladangan dan komoditi, dan pertanian (RM1.0 bilion). Malah, jumlah pelaburan langsung asing yang diluluskan pada suku pertama 2019 menunjukkan peningkatan sebanyak 73.4% berbanding RM16.9 bilion dalam tempoh yang sama pada tahun 2018.

Tuan Yang di-Pertua,

NO SOALAN: 82

3. Seperti sedia maklum, pelaburan dalam sektor perkilangan adalah di bawah bidang Kementerian ini melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia *(Malaysian Investment Development Authority - MIDA)*. Bagi tempoh Januari hingga Mei 2019, sebanyak 328 projek dalam sektor perkilangan dengan nilai pelaburan sebanyak RM30.9 bilion telah diluluskan dengan lebih daripada 28,000 peluang pekerjaan dijangka akan diwujudkan.

4. Daripada jumlah pelaburan keseluruhan tersebut, pelaburan asing, dengan izin, *foreign direct investments* (FDI), mencatatkan pelaburan berjumlah RM23.7 bilion (76.7 peratus) berbanding pelaburan domestik, dengan izin, *direct domestic investment* berjumlah RM7.2 bilion (23.3 peratus). Subsektor perkilangan yang mencatatkan jumlah tertinggi di kalangan pelabur dan usahawan tempatan adalah kelengkapan pengangkutan (RM1,301 juta); kertas, percetakan dan penerbitan (RM775.5 juta); barangan plastik (RM768.5 juta); barangan petroleum termasuk petrokimia (RM739.4 juta) dan produk logam fabrikasi (RM533.5 juta).

Tuan Yang di-Pertua,

5. Amerika Syarikat merupakan antara pelabur asing utama dengan sumbangan pelaburan sebanyak RM11.5 bilion (48.6 peratus), diikuti oleh Republik Rakyat China sebanyak RM4.8 bilion (20.2 peratus), Singapura sebanyak RM2.4 bilion (10.2 peratus) dan Jepun sebanyak RM2.1 bilion (9.0 peratus).

6. Namun begitu, Kementerian tidak berpeluk tubuh dan terus komited untuk meyakinkan syarikat-syarikat asing bagi terus melabur dan

mengembangkan aktiviti pelaburan mereka di Malaysia. Kementerian akan juga terus giat mengukuhkan daya saing negara dengan menyediakan persekitaran yang kondusif dengan infrastruktur yang lengkap dan dasar pelaburan yang strategik agar negara berterusan meraih pelaburan terutamanya yang berkualiti tinggi.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 83

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN ABDULLAH**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Abdullah minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan usaha-usaha bagi memperkenalkan Daerah Yan, Kedah yang kaya dengan warisan sejarah, budaya Melayu dan keindahan alam semula jadi seperti sungai, air terjun, trek pendakian, Gunung Jerai, Pulau Songsong dan banyak lagi kepada masyarakat antarabangsa khususnya pelancong Eropah.

NO SOALAN: 83

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Antara langkah-langkah yang telah diambil untuk memperkenalkan Daerah Yan, Kedah yang kaya dengan warisan sejarah, budaya Melayu dan keindahan alam semula jadi kepada masyarakat domestik dan antarabangsa khususnya pelancong Eropah adalah seperti yang berikut:

1. Mengadakan lawatan suai kenal ke produk pelancongan di Daerah Yan bagi kumpulan media dan agensi pelancongan. Sebagai contoh, lawatan ke Daerah Yan sempena penganjuran program Ekspresi Media 2019 dari 8 hingga 11 Julai 2019 yang turut melawat Gunung Jerai, Homestay Kampung Raga dan Batas Ubi Deer Farm yang melibatkan 23 orang media termasuk *blogger*;

2. Penganjuran acara larian Estate Run 2.0 2019 yang bertaraf antarabangsa dengan kerjasama Pejabat Daerah Yan di Kampung Teroi Bukit, Yan pada 26 Januari 2019 yang telah menarik sebanyak 800 peserta dari Malaysia, 40 peserta dari Negara Taiwan, 25 daripada Negara Thailand dan 5 peserta daripada Negara Kenya pada 26 Januari 2019 dengan pelbagai pengisian program seperti aktiviti *voluntourism*, pemeriksaan kesihatan, pameran oleh agensi swasta dan kerajaan serta gerai jualan oleh penduduk kampung. Bersempena dengan program ini, pakej *Discover Kuala Muda & Yan Tour Packages* turut dilancarkan. Selain itu, antara program lain yang turut dianjurkan adalah Jerai Geopark *Run* 2018 di Pusat Rekreasi Titi Hayun, Yan

pada 17 November 2018 dan Jerai *On Fun Run* di kaki Gunung Jerai pada 30 November 2018;

3. Mengadakan bengkel-bengkel pembangunan pakej serta seminar bagi membantu pengusaha pelancongan membangunkan pakej-pakej yang lebih menarik dan berdaya maju. Sebagai contoh, Program Penyediaan Pakej Agro Pelancongan kawasan Muda dengan Kerjasama Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di Hotel The Jerai pada 30 Januari 2019;

4. Membawa masuk krew-krew penggambaran televisyen untuk membuat liputan serta membuat pengambaran di Hotel The Jerai untuk mempromosi produk pelancongan yang terdapat di sana. Sebagai contoh, Penggambaran Program Travelog Makanan Viral, Fuhhh Beratur oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM) pada 10-11 Januari 2019;

5. Menyertai misi jualan atau kempen pemasaran di peringkat domestik dan antarabangsa bagi bagi menjalin hubungan dan kerjasama rapat dalam merancakkan lagi industri pelancongan di Daerah Yan dan Negeri Kedah secara umumnya. Sebagai contoh melalui penyertaan di World Travel Market di London pada 5 hingga 7 November 2018 bagi mempromosikan Negeri Kedah kepada pelancong Eropah. Selain itu di peringkat domestik pula adalah melalui penganjuran Tourism Malaysia Travelmart 2019 pada 14 Mac 2019 sempena dengan MATTA Fair Mac Kuala Lumpur 2019 di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur; dan

NO SOALAN: 83

6. Penyebaran maklumat mengenai produk pelancongan negeri kepada pelancong melalui Pejabat - Pejabat Tourism Malaysia Wilayah dan 21 buah Pusat Penerangan Pelancongan (*Tourist Information Center*) di seluruh Malaysia serta melalui laman web dan laman media sosial seperti *Instagram*, *Facebook* dan *Twitter* milik Tourism Malaysia.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 84

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' SRI TI LIAN KER**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Dato' Sri Ti Lian Ker minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sejauh manakah potensi projek perintis 5G yang dimulakan di Cyberjaya dan Putrajaya dapat dijadikan sebagai pemangkin perkembangan capaian teknologi yang lebih menyeluruh khususnya di kawasan luar bandar. Apakah jaminan Kementerian bahawa harga rangkaian teknologi 5G yang bakal ditetapkan syarikat telekomunikasi adalah munasabah dan tidak membebankan rakyat.

NO SOALAN: 84

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, teknologi 5G merupakan evolusi teknologi komunikasi mudah alih terkini yang mampu meningkatkan kelajuan akses jalur lebar sehingga 20 Gbps atau 10 kali ganda kelajuan lebih tinggi berbanding 4G, kebolehpercayaan penyambungan yang lebih baik pada kadar kependaman (*latency*) yang rendah dan penyambungan mesin-ke-mesin (M2M) atau sensor untuk aplikasi Internet of Things (IoT) yang lebih meluas.

2. Pada 23 November 2018, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) telah mengumumkan "*Call for Collaboration*" untuk ujian teknologi 5G. Tempoh masa bagi pengujian ini adalah daripada 23 November 2018 hingga 31 Oktober 2019. Kedua-dua lokasi ini telah dipilih bagi menyediakan persekitaran yang praktikal untuk pelaksanaan 5G pada masa hadapan dan membantu dalam memberikan maklumbalas kepada perancangan dasar, peraturan serta penggunaan spektrum berkaitan teknologi 5G.

3. Kementerian melalui SKMM juga bercadang untuk menjalankan Projek Demonstrasi 5G yang merangkumi 8 bidang utama dengan kerjasama kementerian-kementerian berkaitan. Matlamat projek-projek ini adalah untuk merangsang pembangunan ekosistem 5G dan mengenal pasti keperluan pasaran dan dasar untuk tujuan

pelaksanaan 5G di negara ini. Antara bidang yang dikenalpasti bagi melaksanakan projek ini adalah bidang automotif, hiburan, keselamatan umum, kesihatan, pendidikan, perkilangan, pertanian, bandar pintar, dan Projek Khas OKU serta *Fixed Wireless Access & C-Band Co-existence*. Tempoh demonstrasi projek dianggarkan selama enam (6) bulan bermula pada suku keempat tahun 2019 dan bukan sahaja tertumpu kepada kawasan Putrajaya dan Cyberjaya, malah akan dilaksanakan di pelbagai lokasi yang dikenalpasti di mana aktiviti ekonomi boleh dimanfaatkan oleh teknologi 5G.

4. Dengan ini, pelaksanaan 5G berpotensi untuk disebarluaskan ke kawasan bandar dan juga luar bandar dimana aktiviti ekonomi tertentu dapat dijalankan dengan lebih lancar dengan penggunaaan aplikasi 5G. Secara tidak langsung, ini boleh meningkatkan tahap keupayaan dan kemahiran digital penduduk di sekitar kawasan ekonomi tersebut.

5. SKMM juga sentiasa memantau harga perkhidmatan yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat telekomunikasi supaya ianya berpatutan dan tidak membebankan rakyat. Sekiranya SKMM mendapati bahawa harga yang dikenakan tidak berpatutan, SKMM akan mengambil tindakan sewajarnya. Langkah ini juga akan digunapakai untuk perkhidmatan 5G yang bakal ditawarkan.

NO SOALAN: 85

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN ZAIEDI SUHAILI**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Tuan Zaiedi Suhaili minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik kemalangan jalan raya maut yang melibatkan kegagalan brek dan kendalian kenderaan berat atau komersial pada tahun 2018 hingga Jun 2019 serta langkah afirmatif Kerajaan menangani isu kemalangan ini.

NO SOALAN: 85

JAWAPAN

Yang Di-pertua,

Berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), jumlah kenderaan yang terlibat dalam kemalangan maut yang disebabkan oleh kerosakan mekanikal (brek) pada tahun 2017 adalah sebanyak 209 kes manakala pada tahun 2018 adalah sebanyak 196 kes.

Stastistik kenderaan berat atau komersial yang terlibat dalam kemalangan bagi tahun 2017 adalah sebanyak 1,705 buah kenderaan manakala bagi tahun 2018 adalah sebanyak 1,597 buah kenderaan.

Dalam menangani isu kemalangan ini, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui PDRM akan meneruskan tiga (3) pendekatan utama bagi menjaga keselamatan dan kesejahteraan pengguna jalan raya iaitu:

i. Penguatkuasaan menyeluruh kepada pengguna jalan raya dari sudut peraturan dan undang-undang sedia ada;

ii. Perkhidmatan kawalan trafik bagi melancarkan aliran lalu lintas di waktu puncak dari semasa ke semasa; dan

iii. Kempen keselamatan jalan raya bagi mendidik dan menyedarkan masyarakat terhadap peranan, tanggungjawab dan keselamatan semasa berada di jalan raya. Antaranya adalah ceramah

keselamatan jalan raya, pelancaran Op Selamat, publisiti melalui media sosial dan sebagainya.

NO SOALAN: 86

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB PUAN ASMAK BINTI HUSIN**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Puan Asmak Binti Husin minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah pendapatan Kerajaan pusat daripada cukai yang telah dikutip dari negeri Kelantan dan sumbangan Kerajaan pusat kepada negeri Kelantan.

NO SOALAN: 86

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, dua jabatan/agensi adalah bertanggungjawab untuk mengutip hasil cukai iaitu Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) yang mengutip cukai langsung dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) yang mengutip cukai tidak langsung.

Secara amnya cukai langsung terdiri dari cukai pendapatan syarikat dan individu termasuk cukai pegangan ke atas pendapatan yang diperolehi dari Malaysia oleh mana-mana bukan pemastautin, cukai pendapatan petroleum, duti setem dan cukai keuntungan harta tanah. Cukai tidak langsung pula terdiri daripada duti import, duti eksport, duti eksais, cukai jualan, cukai perkhidmatan dan levi keuntungan luar biasa.

Menurut Perlembagaan Persekutuan, Bahagian VII Peruntukan Kewangan, Perkara 97 Kumpulan Wang Disatukan di perenggan (1), segala hasil dan wang termasuk hasil cukai yang dikutip melalui LHDNM dan JKDM yang diterima oleh Kerajaan Persekutuan hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan yang ditadbir oleh Jabatan Akauntan Negara. Agregat kutipan hasil cukai langsung dan tidak langsung yang dikutip oleh LHDNM dan JKDM di setiap negeri bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM195.3 bilion.

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah kutipan hasil cukai langsung dan cukai tidak langsung yang dibayar kepada LHDNM atau JKDM di peringkat negeri tidak menggambarkan bahawa cukai yang dihasilkan adalah daripada sumbangan sebenar aktiviti ekonomi di negeri berkenaan. Ini kerana negeri di mana lokasi cawangan agensi kutipan cukai yang menerima pembayaran

cukai langsung atau tidak langsung adalah berkemungkinan besar berbeza dengan tempat di mana aktiviti ekonomi pembayar cukai dijalankan atau negeri tempat tinggal sebenar pembayar cukai.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Pusat telah memberikan sumbangan kepada Kerajaan Negeri berjumlah RM6.92 bilion pada tahun 2017 dan RM7.34 bilion pada tahun 2018. Klasifikasi pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri tersebut adalah mengikut Perlembagaan Persekutuan, antaranya ialah Pemberian Ikut Kepala (*Capitation Grant*), Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri (*State Roads Grant*), Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur Dan Kesejahteraan Hidup (TAHAP) dan Pemberian Di Bawah Senarai Bersama seperti yang diperuntukkan di bawah Jadual Kesembilan (Senarai Bersama) Perlembagaan Persekutuan.

NO SOALAN: 87

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK HAJI ISMAIL BIN IBRAHIM**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Datuk Haji Ismail Bin Ibrahim minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan jumlah pesakit mangsa keracunan bahan dan sisa kimia beracun yang dirawat pada tahun 2018 dan sejauh mana Kerajaan dengan kerjasama bersepadu agensi lain menguatkuasakan peraturan-peraturan di premis bahan dan sisa bahaya ini dijana.

NO SOALAN: 87

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Berdasarkan rekod dari Jabatan Alam Sekitar tiada kes keracunan bahan dan sisa kimia beracun yang dilaporkan pada tahun 2018. Walaubagaimanapun mengikut maklumat yang dikongsi bersama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia pada 15 sehingga 27 September 2018 telah berlaku kes keracunan Methanol di sekitar Selangor, Kuala Lumpur dan Perak yang melibatkan 95 kes telah dinotifikasi di hospital kerajaan dan 40 daripadanya telah meninggal dunia.

2. Rekod Jabatan Alam Sekitar menunjukkan terdapat 338 premis di seluruh negara yang telah dilesenkan bagi menjalankan aktiviti yang berkaitan bahan buangan berbahaya. Setiap premis ini perlu mematuhi kehendak-kehendak Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeling (Buangan Terjadual) 2005 dan lawatan penguatkuasaan akan dijalankan setiap tahun bagi memastikan semua syarat pelesenan dipatuhi sepenuhnya. Bagi premis-premis yang tidak berlesen, operasi bersepadu akan dilaksanakan bersama dengan Pihak Berkuasa Tempatan bagi mengambil tindakan dibawah bidang kuasa masing-masing.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 88

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN ADRIAN BANIE LASIMBANG**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Tuan Adrian Banie Lasimbang minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang diambil untuk mengatasi masalah kawasan tanah jabatan penjara di luar kompleks penjara Kepayan yang telah dijadikan penempatan oleh orang tempatan khas Kg.Ganang.

NO SOALAN: 88

JAWAPAN

Yang Di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah memanjangkan perkara ini pada pihak Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian (JKPTG) Negeri Sabah dan perkara ini telah diambil tindakan serta sebahagian kawasan tanah yang diduduki oleh penduduk Kampung Ganang telah dikembalikan kepada Kerajaan Negeri Sabah pada 3 November 2017.

NO SOALAN: 89

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK PAUL IGAI**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Datuk Paul Igai minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan adakah Kementerian berhasrat menubuhkan jawatankuasa khas untuk menjaga selia kegiatan pemprosesan dan pembekalan arak murah yang mungkin mengandungi racun memandangkan masih ada berbagai jenama arak murah yang ada di pasaran.

NO SOALAN: 89

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) tidak bercadang untuk menubuhkan jawatankuasa khas memandangkan isu kegiatan pemprosesan dan pembekalan arak murah bukan di bawah bidang kuasa Kementerian ini.

Dalam perkara melibatkan penjualan arak, Kementerian ini berperanan sebagai agensi penguatkuasaan yang bertindak ke atas kesalahan-kesalahan seperti:

a) menggunakan cap dagangan palsu (arak tiruan);
b) menggunakan setem cukai kastam palsu;
c) meletakkan perihal dagangan palsu; dan
d) tiada alamat pengeluar, pengedar atau pengilang pada label botol atau kotak arak.

Tindakan-tindakan yang diambil oleh Kementerian ini adalah berdasarkan peruntukan-peruntukan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 dan Perintah Kawalan Harga (Pelabelan Oleh Pengilang, Pengimport, Pengeluar atau Penjual borong) 1980.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 90

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB PUAN SITI FATIMAH BINTI YAHAYA**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Puan Siti Fatimah binti Yahaya minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan serta peruntukan yang disediakan untuk meningkatkan kemudahan dan bilangan perjawatan doktor serta jururawat bagi menambah baik keselesaan di pusat-pusat rawatan hemodialisis di hospital-hospital Kerajaan khususnya di Pahang.

NO SOALAN: 90

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Bagi meningkatkan Perkhidmatan Rawatan Hemodialisis di Unit Hemodialisis di semua hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kerajaan telah menyediakan peruntukan tambahan sebanyak RM30 juta di bawah RMK11. Bagi tempoh 2016 hingga 2019, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM23 juta bagi pembelian 64 buah mesin hemodialisis dan alatan berkaitan bagi kegunaan rawatan hemodialisis serta mewujudkan unit hemodialisis baru dan menaik taraf unit hemodialisis sedia ada. Kerajaan akan sentiasa menambah dan menaiktaraf kemudahan dialisis di semua hospital Kerajaan termasuk hospital-hospital di Negeri Pahang. Sehingga tahun 2019, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM900,000.00 bagi pembelian mesin hemodialisis serta menaik taraf kemudahan dialisis bagi Negeri Pahang.

Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Mei 2019 bilangan Pegawai Perubatan di negeri Pahang adalah seramai 1,319 orang. Secara umumnya, jumlah Pegawai Perubatan di Pahang adalah mencukupi. Namun begitu, ketidakcukupan Pegawai Perubatan ini berkemungkinan dirasai sekiranya jumlah pesakit yang datang untuk mendapatkan rawatan meningkat secara mendadak dalam suatu masa berbanding dengan jumlah dan keupayaan Pegawai Perubatan yàng ada di suatu fasiliti kesihatan itu.

NO SOALAN: 90

Selain itu, dalam tempoh yang sama, terdapat seramai 46 Pakar Nefrologi berkhidmat di KKM. Daripada jumlah tersebut, terdapat tiga (3) Pakar Nefrologi di Pahang iaitu seramai dua (2) orang Pakar di Hospital Tengku Ampuan Afzan dan seorang Pakar di Hospital Sultan Haji Ahmad Shah.

Dalam pada itu, KKM juga telah menambahbaik Perkhidmatan kepada rakyat khususnya dalam Perkhidmatan kepakaran termasuk:

1. Melaksanakan konsep hospital kluster melalui perkongsian kemudahan antara hospital bagi Pakar Perubatan dan Pegawai Perubatan menyampaikan rawatan kesihatan dalam lingkungan hospital-hospital yang diklusterkan; dan
2. Melaksanakan *visiting specialist* (dengan izin) bagi Pakar Perubatan menyampaikan rawatan kepada penduduk sekitar di luar bandar.

Bagi bilangan jururawat di negeri Pahang pula, terdapat seramai 3,995 orang jururawat bagi Gred U29 dan ke atas. Daripada jumlah tersebut seramai 101 jururawat dengan dengan pengkhususan Renal.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 91

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN IR. MD. NASIR BIN HASHIM**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan usaha-usaha bagi mengatasi pengangguran dalam kalangan rakyat Malaysia terutamanya graduan dan menyediakan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan bergaji tinggi terutama di dalam menarik tenaga mahir dan berpengetahuan anak-anak tempatan yang bekerja di Singapura.

NO SOALAN: 91

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan kepada Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), kadar pengangguran pada suku tahun 2019 mencatatkan kadar 3.3%.Sebagai usaha bagi mengatasi kadar pengangguran dan menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan bergaji tinggi, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah berikut:-

(i) Menyediakan portal perkhidmatan pekerjaan *JobsMalaysia* yang memberi kemudahan kepada pencari kerja untuk mendapatkan kerja yang bersesuaian melalui pendekatan pemadanan kerja serta menganjurkan Program Penempatan Pekerjaan yang merangkumi Karnival Kerjaya, *Client Account*, Temuduga Terbuka, Program Kerjasama Antara Agensi, *Holiday Placement For Students* (HOPS), Penempatan Dengan Kerjasama APS serta Program Penempatan Golongan Khas. Program-program ini telah diadakan dari semasa ke semasa bagi menemukan pencari kerja dengan majikan yang sepadan. Bagi tempoh Januari-Mac 2019, seramai 3,890 orang pencari kerja telah berjaya mendapat penempatan;

(ii) Mewujudkan pusat sehenti menggabungkan agensi seperti *JobsMalaysia,* Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) di UTC bagi menyediakan khidmat nasihat profesional untuk mendapatkan pekerjaan dan latihan;

(iii) Mewujudkan program *Graduates Enhancement Programme For Employability* (GENERATE) bertujuan membantu graduan menganggur mendapat latihan dalam bidang berimpak tinggi bersesuaian dengan keperluan industri, selain meningkatkan penawaran pekerja berkemahiran dengan sasaran memanfaatkan 4,000 belia lepasan sekolah dan graduan. Semenjak diperkenalkan pada tahun 2016 sehingga tahun 2018, seramai 3,110pelatih berjaya mendapat penempatan pekerjaan melalui inisiatif ini;

(iv) Memperkemaskan dan memperluaskan program perantisan dan latihan industri yang bertujuan meningkatkan tahap kebolehpasaran graduan melalui latihan *soft-skills* dan *on-the-job training*. Program-program seperti ini telah menunjukkan kejayaan di mana lebih 90 peratus belia yang mengikuti program tersebut mendapat pekerjaan;

(v) mengukuhkan dan memperkasakan Program Sistem Latihan *Dual* Nasional (SLDN) melalui pelbagai program dan kerjasama bagi mengurangkan jurang ketidakpadanan kemahiran dengan keperluan industri. Program SLDN menawarkan latihan berasaskan industri dengan 70% latihan praktikal di syarikat dan 30% teori di institusi latihan;

(vi) Melaksanakan program *Structured Internship Programme* (SIP) yang diterajui Talent Corp dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Di bawah SIP, graduan akan mendapat pendedahan awal kepada dunia pekerjaan sebelum menamatkan pengajian supaya mereka lebih berdaya saing dan memiliki kemahiran yang memenuhi keperluan industri. Seramai

76,000 belia di kalangan pelajar universiti dan pelatih TVET telah menerima manfaat di bawah program ini;

(vii) Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah diberikan peranan sebagai Pengerusi bersama bagi menerajui Jawatankuasa Kerja Pembangunan Kemahiran dan Bakat (TWG-S) *Industry4WRD.* Jawatankuasa ini berperanan mengenal pasti keperluan pasaran buruh dan kemahiran yang diperlukan serta menyelaras dan melaksanakan usaha-usaha dalam memperkukuhkan kompetensi sumber manusia bagi menghadapi Industri 4.0. Usaha ini dapat dilakukan melalui program *upskilling* dan *reskilling* yang disediakan kepada golongan pelajar kemahiran dan pekerja bagi mempertingkatkan kemajuan kendiri dalam menyesuaikan diri dengan perubahan keperluan kerja masa hadapan (*future jobs*) serta persekitaran global yang semakin kompetitif dan dinamik;dan

(viii) Bagi memperkasakan lagi proses penyediaan modal insan untuk memenuhi keperluan industri terkini, KSM melalui Jabatan Tenaga Manusia (JTM) turut aktif mendapatkan input-input daripada pakar industri dan mereka yang lebih berpengalaman berkaitan pekerjaan masa hadapan. Berdasarkan input-input ini, pelbagai modul baru telah dirancang untuk diperkenalkan kepada para pelajar di institusi latihan di bawah JTM seperti modul *cloud computing*, *cybersecurity*, *augmented reality* dan *big data* samada secara *standalone module* atau diterapkan di dalam modul pembelajaran sedia ada. Pembelajaran secara teori dan amali yang ditekankan untuk kepada para pelajar TVET membolehkan mereka dapat menguasai kemahiran-kemahiran berkaitan

revolusi industri terkini dengan baik dan seterusnya mampu menjadi tenaga kerja yang efisien pada masa hadapan;

Tuan Yang di-Pertua,

2. Berdasarkan Laporan Kajian Warga Malaysia Yang Bekerja di Singapura Fasa Kedua Tahun 2018 yang diterbitkan oleh Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA), dianggarkan seramai 680 (20.2%) orang rakyat Malaysia yang menetap di Singapura merupakan tenaga berkepakaran tinggi. Sebagai usaha untuk menarik tenaga mahir dan berkemahiran tinggi anak-anak tempatan yang bekerja di Singapura, Kerajaan telah melaksanakan langkah-langkah berikut:

(i) Pelaksanaan *Returning Expert Program* (REP) iaitu program menggalakkan profesional Malaysia untuk kembali dan berkhidmat di tanah-air dengan mengisi pelbagai jawatan penting dalam organisasi di Malaysia. Melalui pelaksanaan REP juga, lebih 4,800 modal insan berkemahiran tinggi telah diluluskan di bawah program ini sehingga bulan Julai 2018;

(ii) Program Diaspora Perantauan Profesional Malaysia atau lebih dikenali sebagai KNOWMADS untuk memudah cara para profesional yang kini berada di perantauan untuk masih memberikan sumbangan dan berkongsi kepakaran mereka untuk pembangunan negara;

(iii) Kerajaan mengamalkan dasar di mana keutamaan penggajian diberikan kepada warga tempatan terutamanya dalam bidang berkepakaran tinggi. Pihak majikan kebiasaannya akan turut mengutamakan pekerja tempatan untuk mengisi kekosongan-

kekosongan bagi jawatan yang diperlukan. Pengambilan Pegawai Dagang (Ekspatriat) hanya akan dilakukan apabila kemahiran atau kepakaran yang diperlukan tidak dimiliki oleh warga tempatan atau bilangannya sangat terhad untuk memenuhi kekosongan jawatan yang ditawarkan; dan

(iv) Menambah baik kawalan penggajian ekspatriat melalui kerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri, jabatan dan agensi terlibat akan dipertingkatkan dengan memperkenalkan langkah-langkah yang lebih berkesan seperti pelaksanaan integrasi sistem dengan pelbagai agensi di bawah satu platform.

3. Melalui inisiatif sebagai mana yang telah dinyatakan ini, Kerajaan yakin usaha memudah cara kepulangan rakyat Malaysia berkemahiran tinggi merupakan instrumen bagi membantu memenuhi keperluan pasaran pekerjaan dan industri sekali gus merapatkan jurang perbezaan kemahiran *(skills gap)* serta berupaya mengurangkan kadar pengangguran negara.

NO SOALAN: 92

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' DR. ANANTHAN A/L SOMASUNDARAM**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik pelajar lepasan SPM dari kalangan masyarakat India yang telah diterima masuk ke Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi tahun 2019.

NO SOALAN: 92

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan bahawa Program Matrikulasi KPM telah diwujudkan pada 10 Mac 1999 dengan tujuan asal adalah untuk meningkatkan penyertaan pelajar bumiputera dalam bidang sains, teknologi dan profesional di universiti awam. Walau bagaimanapun, semenjak tahun 2003, program ini telah dibuka kepada pelajar bukan bumiputera.

Berdasarkan rekod pendaftaran pelajar, sehingga 30 Jun 2019, jumlah kemasukan pelajar berketurunan India ke Program Matrikulasi bagi tahun 2019 adalah seramai 1,212 orang. Walau bagaimanapun, jumlah tersebut adalah lebih rendah berbanding jumlah tawaran sebenar yang dikeluarkan oleh KPM iaitu seramai 1,991 orang.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 93

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB PUAN BATHMAVATHI KRISHNAN**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Puan Bathmavathi Krishnan minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian bercadang menggunakan teknologi percetakan 3-D untuk menghasilkan peralatan ortoptik, prostetik serta alat bantuan lain di bengkel-bengkel pemulihan yang terdapat di beberapa hospital bagi kegunaan pesakit yang memerlukannya, memandangkan kosnya amat murah.

NO SOALAN: 93

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Teknologi percetakan 3D masih lagi di peringkat pembangunan oleh universiti tempatan dan pihak SIRIM. Bagi memastikan teknologi percetakan 3D ini sesuai dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), kajian secara menyeluruh dan teliti perlu dilakukan. Selain kos, aspek-aspek lain seperti keberkesanan, keselamatan, peraturan, etika serta impak ke atas perkhidmatan atau organisasi secara keseluruhan juga perlu diambil kira sebelum sebarang polisi dapat dirangka. Dari segi pembuatan, teknologi percetakan 3D serta bahan asas yang dipilih perlulah menghasilkan peralatan yang menepati spesifikasi ditetapkan serta mempunyai daya ketahanan yang tinggi serta selamat digunakan bagi memastikan ia dapat membantu pesakit dalam menjalani aktiviti kehidupan seharian mereka. Selain itu, kos mesin pencetak yang tinggi, bilangan perisian, jenis bahan mentah sesuai yang terhad, serta jenis teknologi percetakan 3D yang digunakan turut perlu perlu diambil kira sebelum sebarang keputusan dapat dibuat. Di samping itu juga, keperluan untuk melatih tenaga kerja mahir juga perlu dimasukkan semasa pengiraan kos dilakukan kerana ia menyumbang kepada kos tidak langsung yang boleh mempengaruhi kos akhir dalam penggunaan teknologi tersebut.

Keberkesanan peralatan prostetik dan ortotik yang dibuat mengunakan teknologi percetakan 3D tidak dapat disimpulkan dengan jelas kerana ia memberikan bukti yang lemah ke sederhana disebabkan oleh bentuk kajian yang dilaporkan. Bagi kajian yang lebih baik, keberkesanan peralatan perubatan yang dihasilkan menggunakan teknologi percetakan 3D tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan jika dibandingkan dengan teknik pembuatan sedia ada. Aspek peraturan juga perlu ditekankan bagi

memastikan pembuatan peralatan ini menepati segala piawai dan peraturan yang ditetapkan bagi melindung bukan sahaja kepentingan awam malahan kepentingan KKM yang membekalkan peralatan ini kepada pesakit. Buat masa ini, belum ada fasiliti KKM yang menggunakan teknologi ini khususnya dalam pembekalan peralatan prostetik dan ortotik atau peralatan bantuan lain kepada pesakit. Tidak dinafikan bahawa teknologi percetakan 3D mempunyai potensi yang cerah khususnya dalam aplikasinya di dalam bidang perubatan dan dengan sebab itu, pihak KKM akan melakukan kajian yang menyeluruh dalam perkara ini dengan melibatkan pelbagai pihak berkepentingan di dalam masa terdekat ini.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 94

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' ONG CHONG SWEN**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Dato' Ong Chong Swen minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian untuk membendung kesan negatif ke atas fenomena pelancong asing yang melancong secara 'backpackers' dengan mengemis atau membuat pertunjukan jalanan di ibu kota bagi mendapatkan sumbangan derma daripada orang ramai untuk menampung kos perjalanan.

NO SOALAN: 94

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedia maklum dengan fenomena pelancong asing yang melancong secara *'backpackers'* dengan mengemis atau membuat pertunjukkan jalanan di ibu kota bagi mendapatkan sumbangan derma atau upah daripada orang awam.

Bagi menyelamat orang gelandangan atau pengemis perkara tersebut adalah di bawah bidang tugas dan tanggungjawab Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dengan merujuk kepada Akta Orang Papa 1977. DBKL akan mengambil tindakan ke atas pelancong asing atau orang awam yang didapati melakukan pertunjukkan jalanan dengan membuat pengusiran atau mengambil tindakan penguatkuasaan dengan menyita barangan perniagaan bagi tujuan jualan di tempat awam.

Tindakan penguatkuaan diambil berdasarkan Seksyen 46(1)(d) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 iaitu letak/menyebab diletak barang, benda berhubung trednya di tempat awam dan UUK 3(1) Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2016 iaitu bertindak sebagai penjaja tanpa lesen dari DBKL. Dalam hal ini, undang-undang terlibat yang memperuntukkan tindakan menyita peralatan/barang-barang yang diperniagakan yang tidak ada kebenaran atau dilesenkan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur. Dalam undang-undang ini juga tidak memperuntukkan atau memberi kebenaran kepada DBKL atau PBT untuk menangkap orang-orang yang menjalankan aktiviti tersebut. Ini selaras dengan Akta Kerajaan Tempatan 1976 yang tidak mempunyai peruntukan kuasa untuk menangkap terhadap orang yang melakukan kesalahan.

NO SOALAN: 94

Bagi aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh pelancong asing yang membuat pertunjukan jalanan, semua peralatan yang berkaitan akan disita serta merta dan semua barangan yang disita tidak boleh dituntut.

Berdasarkan statistik tindakan bagi bulan Januari hingga Mei 2019, sebanyak 18 tindakan sita pelbagai barangan perniagaan telah diambil ke atas aktiviti perniagaan tanpa lesen yang disyaki melibatkan warga asing yang datang ke Malaysia sebagai pelancong.

NO SOALAN: 95

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK RAZALI BIN IDRIS**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Datuk Razali bin Idris minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah langkah proaktif Kerajaan mengawal harga bahan binaan yang naik mendadak terutamanya simen dan senaraikan pemegang lesen pengilang dan pengeluar simen tempatan.

NO SOALAN: 95

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Pemantauan yang telah dilaksanakan oleh Bahagian Penguatkuasaan KPDNHEP sehingga setakat ini tidak menunjukkan sebarang kenaikan harga simen di pasaran seperti berita yang tersebar. Bahagian Penguatkuasaan KPDNHEP juga telah bertindak mengeluarkan notis di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 pada 18 dan 19 Jun 2019 kepada semua pengilang bagi mendapatkan penjelasan daripada syarikat-syarikat terlibat punca dan justifikasi untuk menaikkan harga simen. Hasil maklum balas yang diterima tidak menunjukkan sebarang kenaikan harga simen sehingga setakat ini dan tiada unsur pencatutan yang berlaku.

Kementerian juga telah mengadakan perjumpaan bersama semua pengilang simen tempatan pada 22 Jun 2019 bagi mendapatkan pengesahan mengenai kesahihan berita tersebut dan maklum balas yang diterima, tiada sebarang kenaikan harga simen yang telah dilaksanakan setakat ini, namun dua (2) pengilang mengesahkan mempunyai hasrat untuk berbuat demikian sebelum ini dan telah mengeluarkan notis kepada pelanggan memaklumkan hasrat berkenaan. Walau bagaimanapun, pengeluar terbabit bersetuju untuk menangguhkan hasrat berkenaan sehingga permohonan kenaikan harga simen tersebut selesai dirujuk dan dipertimbangkan oleh Kementerian. KPDNHEP setakat ini belum menerima sebarang permohonan rasmi daripada syarikat pengeluar simen berkenaan isu ini.

NO SOALAN: 95

KPDNHEP akan terus memantau pergerakan harga simen tempatan dan mengadakan perbincangan dengan sembilan belas (19) pemegang lesen mengilang simen bagi memastikan kedua-dua pemain industri dan pengguna tidak terbeban dan terus berdaya maju dan menyumbang kepada pembangunan negara.

Berikut adalah senarai pengeluar Simen di Malaysia:

SENARAI PENGELUAR SIMEN DI MALAYSIA

Bil	Senarai Pengilang Simen	Lokasi kilang	Kapasiti Pengeluaran 2018 (juta tan/tahun)
1	Lafarge Malaysia Berhad	• Rawang, Selangor* • Kanthan, Perak* • Langkawi, Kedah* • Pasir Gudang, Johor	14.9
3	Negeri Sembilan Cement Industri Sdn Bhd (CIMA);	• Kangar, Perlis* • Bahau, Negeri Sembilan*	7.2
3	YTL Cement Bhd	• Padang Rengas, Perak* • Kuantan, Pahang* • Pelabuhan Klang, Selangor • Pasir Gudang, Johor	6.1
4	Hume Cement Sdn Bhd	• Gopeng, Perak*	4.6
5	Cahaya Mata Sarawak (CMS) Cement Sdn Bhd	• Mambong, Sarawak* • Kuching, Sarawak • Bintulu, Sarawak	2.8
6	Tasek Corporation Berhad	• Ipoh, Perak*	2.3

7	Aalborg Portland Malaysia Sdn Bhd	• Ipoh, Perak*	1.9
8	Cement Industries (Sabah) Sdn Bhd (CIS);	• Sepanggar, Kota Kinabalu	1.0
JUMLAH			**40.8**

Sumber : Market Review of Building Materials in the construction industry by Malaysian Competition Commission (MyCC)

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 96

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK SAMBANTHAN A/L MANICKAM**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Datuk Sambanthan A/L Manickam minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berapakah jumlah nelayan yang masih aktif menangkap ikan di perairan negara.

NO SOALAN: 96

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan perangkaan Jabatan Perikanan Malaysia tahun 2017, bilangan nelayan yang masih aktif menangkap ikan di perairan negara adalah seramai 130,645 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 94,568 orang merupakan nelayan tempatan.

2. Berikut adalah pecahan nelayan aktif mengikut zon pada tahun 2017:

ZON	BILANGAN NELAYAN
Zon A	74,635
Zon B	20,171
Zon C	22,548
Zon C2	13,121
Zon C3	170
JUMLAH	**130,645**

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 97

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' SRI KHAIRUDIN SAMAD**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Dato' Sri Khairudin Samad minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah penguatkuasaan yang dijalankan dalam membanteras kegiatan jenayah siber seperti perjudian dalam talian yang mudah terdedah khususnya kepada remaja berumur 18 tahun ke bawah.

NO SOALAN: 97

JAWAPAN

Yang Di-pertua,

Kementerian memandang serius penglibatan masyarakat terutamanya remaja dalam kegiatan perjudian, termasuklah perjudian atas talian (*online gaming*). Kementerian menyedari sindiket perjudian tidak berlesen ini telah mengubah modus operandi mereka daripada kegiatan perjudian yang beroperasi di dalam premis kepada kegiatan perjudian atas talian bagi mengelakkan kegiatan mereka dikesan oleh pihak berkuasa.

Dari segi kerangka perundangan, tindakan penguatkuasaan ke atas kegiatan perjudian tidak berlesen diambil mengikut Akta Rumah Judi Terbuka 1953 dan Akta Pertaruhan 1953 di samping undang-undang yang lain seperti Akta Jenayah Komputer 1977, Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dah Hasil daripada Aktiviti Haram 2001, Akta Loteri 1952, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA).

Beberapa langkah penguatkuasaan telah diambil oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui Ops Dadu untuk membanteras kegiatan ini bagi memastikan aktiviti tidak sihat ini dapat dibendung dan dihapuskan sepenuhnya. PDRM telah meluaskan skop operasinya dengan bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta agensi-agensi lain seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Pihak Berkuasa Air Negeri.

NO SOALAN: 97

PDRM turut mengambil inisiatif memohon bantuan dari Suruhanjaya SKMM untuk menutup atau menyekat semua akses talian yang berkaitan dengan perjudian atas talian tidak berlesen termasuk laman web dari luar negara. Bagi tempoh tahun 2012 hingga Jun 2019, sebanyak 1,293 laman web yang berunsur perjudian telah disekat oleh SKMM atas permintaan PDRM. Selain itu, tindakan pemotongan bekalan elektrik dan air juga dilaksanakan dengan kerjasama daripada pihak TNB dan Pihak Berkuasa Air Negeri bagi melumpuhkan aktiviti sindiket tersebut.

Setakat ini, operasi membanteras kegiatan perjudian tidak berlesen ini telah menampakkan hasil. Berdasarkan statistik PDRM, bagi tempoh 2018 hingga Jun 2019 sebanyak 6,498 serbuan yang telah berjaya dilakukan dengan tangkapan seramai 17,229 orang dan sebanyak RM 42,746 rampasan berbentuk tablet/laptop. Jumlah nilai rampasan secara keseluruhan bagi tempoh tersebut adalah sebanyak RM 2,214,984.

Di samping itu, sepanjang tempoh penguatkuasaan Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) iaitu mulai 2 April 2014 hingga 30 Jun 2019, PDRM juga telah menangkap 292 orang di bawah Seksyen 3(1) Akta Pencegahan Jenayah 1957 kerana terlibat dalam pelbagai aktiviti perjudian. Daripada jumlah tersebut seramai 158 orang adalah mereka yang terlibat dengan kesalahan judi atas talian.

PDRM juga menyedari undang-undang sedia ada perlu dikaji semula dan ditambah baik bagi memastikan undang-undang berkenaan relevan dengan modus operandi perjudian terkini. Usaha untuk menambahbaik baik undang-undang ini sedang dilaksanakan oleh jawatankuasa yang diketuai oleh

NO SOALAN: 97

Kementerian Kewangan. Kajian oleh Jawantankuasa ini merangkumi semua undang-undang berkaitan perjudian termasuklah undang-undang bagi mencegah perjudian atas talian/online gambling.

NO SOALAN: 98

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB PUAN SOPIAH BINTI SHARIF**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Puan Sopiah binti Sharif minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi memastikan keselamatan buah-buahan yang diimport dari luar negara dan apakah jaminan buah-buahan ini benar-benar selamat untuk dimakan di negara kita.

NO SOALAN: 98

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Keselamatan buah-buahan dan sayur-sayuran yang diimport bagi tujuan makanan *(food safety)* adalah tertakluk di bawah Akta Makanan 1983 yang dikuatkuasakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

2. Di bawah Akta Kuarantin Tumbuhan 1976, Jabatan Pertanian memastikan sektor pertanian negara dilindungi daripada serangan dan kemerebakan penyakit dan perosak. Pengimportan bahan-bahan tanaman yang berisiko membawa perosak tanaman akan dikenakan syarat-syarat sanitasi dan fitosanitasi (SPS) yang ketat dan dikawal melalui pengeluaran permit. Antaranya adalah sijil kesihatan tanaman (sijil fitosanitasi) dari negara pengeksport, tanaman dari ladang yang mempunyai sijil amalan pertanian baik dan berdaftar dengan pihak berkuasa negara pengeksport, rawatan-rawatan kuarantin, sijil analisa makmal dan sebagainya bergantung kepada jenis risiko yang dikenal pasti.

3. Di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974 pula, pemeriksaan secara rawak dan berkala dilaksanakan ke atas sampel-sampel tanaman di ladang bagi memastikan bahan perawis yang digunakan adalah bahan yang dibenarkan daripada racun yang berdaftar dengan Lembaga Racun Makhluk Perosak dan tahap sisa baki racun berada di bawah tahap yang dibenarkan. Bagi tempoh Januari sehingga Mac 2019, sebanyak 569 sampel telah diambil dari negeri-negeri Semenanjung untuk analisis residu dan didapati 74 sampel telah melanggar tahap residu yang ditetapkan.

4. Jabatan Perhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) sentiasa menjalankan pemeriksaan bagi setiap konsainan pertanian (tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanih atau mikroorganisma) yang diimport masuk ke dalam negara. Justeru, keluaran pertanian termasuk buah-buahan perlu mematuhi prosedur SPS serta bebas daripada penyakit, serangga dan mikrob yang boleh membahayakan kesihatan manusia. Bagi Januari hingga Jun 2019, daripada 15,806 pemeriksaan sebanyak 401 kes perlanggaran telah direkodkan. Penguatkuasaan ini menjamin buah-buahan dan sayur-sayuran yang diimport adalah selamat dimakan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 99

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK IR. YONG WUI CHUNG**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Datuk Ir. Yong Wui Chung minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah tindakan tegas yang telah diambil oleh Kementerian kepada pihak TNB susulan kejadian kenaikan bil elektrik menjelang sambutan hari raya Aidilfitri yang lalu. Bagaimanakah Kementerian akan memastikan perkara yang sama tidak akan berlaku di Sabah dan Sarawak.

NO SOALAN: 99

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kejadian bil elektrik tinggi yang dialami oleh sebilangan pengguna-pengguna Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam tempoh 15 hingga 20 Mei 2019 adalah disebabkan oleh gangguan teknikal terhadap sistem pengebilan *Billing and Customer Relation Management* (BCRM) TNB. Dalam tempoh tersebut, TNB tidak dapat mengeluarkan bil elektrik dan menyebabkan tempoh pengebilan pengguna adalah lebih panjang daripada biasa.

2. Perkara ini memberi kesan kepada jumlah bil elektrik pengguna bagi bulan tersebut yang menjadi lebih tinggi berbanding jumlah bil elektrik dengan tempoh pengebilan biasa dengan corak penggunaan elektrik yang sama. Selain itu, terdapat juga kenaikan bil yang disebabkan oleh kesilapan bacaan meter yang dibuat secara manual semasa tempoh gangguan sistem tersebut. Walau bagaimanapun, kesilapan ini telah diselaraskan oleh pihak TNB dan pengguna telah menerima bil dengan bacaan sebenar dan lebihan bayaran telah dikreditkan semula ke dalam bil pengguna berkenaan.

3. Kerajaan melalui pihak Suruhanjaya Tenaga (ST) telah mengambil tindakan tegas untuk menangani perkara ini dengan mengeluarkan notis segera kepada TNB pada 29 Mei 2019 supaya memberi perhatian serius dan mengambil tindakan penyelesaian segera berkaitan aduan bil elektrik yang tinggi serta melaporkannya kepada ST. Hasilnya, setakat 3 Julai 2019, sebanyak 98 peratus daripada 18,965 pertanyaan

dan aduan kepada TNB telah diberi maklum balas, disiasat dan diselesaikan oleh TNB. Sehingga 3 Julai 2019 juga seramai 1,800 pengguna terlibat telah menerima bayaran balik lebihan caj bil elektrik.

4. Sabah Electricity Sendirian Berhad (SESB) tidak menggunakan sistem pengebilan yang sama seperti TNB dan kejadian bil tinggi baru-baru ini tidak mempengaruhi sistem yang sedia ada. Manakala kawal selia sistem pembekalan elektrik di negeri Sarawak pula adalah di luar bidang kuasa pihak Suruhanjaya Tenaga kerana Negeri Sarawak tidak tertakluk kepada Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447] sejak 1 September 1990.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 100

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' KESAVADAS A/L A.ACHYUTHAN NAIR**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menjadikan sektor kesihatan lebih murah atau berpatutan terutamanya dalam pengawalan harga ubat. Apakah kesannya terhadap pelaburan untuk jangka masa panjang dan inovasi dalam industri ubat-ubatan di Malaysia.

NO SOALAN: 100

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kawalan harga ubat merupakan langkah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam memastikan harga ubat-ubatan adalah berpatutan di sektor kesihatan. Mekanisme kawalan harga ubat yang sedang dibangunkan adalah berteraskan objektif memastikan akses ubat-ubatan pada harga yang berpatutan kepada rakyat di samping menggalakkan inovasi dan persaingan untuk pertumbuhan industri. Mekanisme yang dicadangkan adalah harga jualan maksimum pada dua (2) peringkat iaitu harga borong berdasarkan penanda arasan harga antarabangsa (*External Reference Pricing, ERP*), dan harga pengguna melalui tokokan (*mark-up*). Mekanisme ini tetap menggalakkan persaingan sihat kepada pihak industri farmaseutikal dan penyedia perkhidmatan kesihatan. Keutamaannya adalah memastikan akses ubat-ubatan dengan harga yang berpatutan dan mampu milik kepada rakyat.

Yang di-Pertua,

Secara jangka panjang, kawalan harga ubat ini dijangkakan tidak memberi kesan terhadap pelaburan dan inovasi industri ubat-ubatan kerana mekanisme harga jualan maksimum borong dan pengguna tidak berbeza dengan amalan perniagaan sedia ada. Bezanya adalah tindakan perundangan dapat dilaksanakan dan kepentingan pengguna dapat dilindungi. Seterusnya mekanisme ini akan dikaji dari semasa ke semasa mengikut keperluan dan situasi negara dengan melibatkan pihak pemegang taruh dalam industri ini. KKM dalam masa yang sama dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan agensi Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) sentiasa mencari jalan untuk menggalakkan pelaburan asing dan domestik dalam industri

NO SOALAN: 100

Farmaseutikal di Malaysia agar pengeluaran ubatan dalam negara meningkat dan seterusnya harga ubat dapat dikurangkan supaya lebih murah.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 101

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK THEODORE DOUGLAS LIND**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Datuk Theodore Douglas Lind minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah Kementerian akan memperkenalkan teknologi 'drone' untuk memperkukuhkan dan meningkatkan perkhidmatan PDRM di negara kita khususnya di bandar dan kota besar seperti di Kuala Lumpur, Johor Bahru, George Town, Kota Kinabalu dan kawasan-kawasan yang berisiko tinggi dengan masalah keselamatan seperti Semporna dan Lahad Datu.

NO SOALAN: 101

JAWAPAN

Yang Di-pertua,

Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mula menggunakan teknologi dron sejak tahun 2015 menerusi penubuhan Unit Dron pada 28 Mei 2015 di bawah Pasukan Gerakan Udara (PGU) Ibu Pejabat PDRM di Bukit Aman. Konsep operasi Unit Dron pada masa ini adalah merangkumi penugasan perisikan, pengintipan, peninjauan udara dan penyiasatan di seluruh negara berdasarkan kepada keperluan dari semasa ke semasa. Di bawah Unit Dron PGU ini, terdapat lapan (8) buah dron kecil yang mempunyai keupayaan penerbangan bagi tempoh di antara 20 minit hingga 30 minit dengan jarak kawalan sehingga 5 km.

Kementerian Dalam Negeri melalui PDRM sememangnya dalam perancangan untuk membuat perolehan 10 buah dron dengan keupayaan '*Surveillance System'* yang lebih baik berbanding dron sedia ada dalam Rancangan Malaysia ke 11 *Rolling Plan* 4 (RMK-11 RP4). Dron-dron ini akan ditempatkan di lima (5) zon di seluruh Malaysia iaitu zon Utara, zon Tengah, zon Selatan, Sabah dan Sarawak bagi memastikan *'Response Time'* yang lebih pantas apabila terdapat keperluan operasi yang mendesak dan pengoperasian yang lebih cekap di seluruh negara.

NO SOALAN: 102

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB PUAN HAJAH RAHEMAH BINTI IDRIS**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Puan Hajah Rahemah Binti Idris minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah dapatan terkini kepada Kempen Sayangi Sawitku dan Minum Sesudu Sawitku.

NO SOALAN: 102

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian telah melancarkan Kempen Sayangi Sawitku yang telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri pada 24 Mac 2019 yang lalu. Kempen Sayangi Sawitku ini yang akan diadakan sepanjang tahun 2019 adalah bertujuan untuk memberi kesedaran kepada rakyat Malaysia mengenai kebaikan dan khasiat minyak sawit dan juga cabaran yang dihadapi oleh komoditi sawit. YAB Perdana Menteri semasa perasmian tersebut juga telah menyebut untuk mengambil sesudu minyak sawit untuk menggalakkan rakyat Malaysia terhadap penggunaan minyak sawit negara. Disamping itu, kempen ini juga adalah untuk mempertahankan komoditi sawit dan menjadikan rakyat Malaysia sebagai jurucakap sawit melalui pendekatan dengan izin '*from Malaysia, we speak to the world'.*

Pelbagai aktiviti dan program di peringkat domestik dan antarabangsa telah dijalankan seperti publisiti video dan poster Kempen Sayangi Sawitku di KLIA, publisiti melalui *in-flight magazine* oleh MAS, Air Asia dan Malindo, program tanam semula pokok hutan dan konservasi Orang Utan dan Gajah Pygmy di Sabah, sesi taklimat dan pameran produk sawit di Parlimen, *Student Ambassador Programme,* pertandingan memasak menggunakan minyak sawit, sesi kunjungan dan penerangan kepada Menteri Kabinet dan Ketua Menteri yang berkaitan, pertandingan atas talian dan lain-lain.

Tuan Yang Dipertua,

NO SOALAN: 102

Sebenarnya, masih terlalu awal untuk mengukur prestasi perlaksanaan kempen ini memandangkan ianya masih berjalan sehingga ke akhir tahun ini. Walau bagaimanapun, Kementerian sedang menjalankan pemerhatian dan bancian keberkesanan kempen ini dalam membantu meningkatkan industri sawit negara. Didapati pada masa ini, lebih ramai rakyat Malaysia daripada pelbagai lapisan masyarakat telah tampil untuk menyuarakan sokongan terhadap industri sawit negara termasuk pemimpin utama negara, tokoh korporat, personaliti media, ketua masyarakat, pelajar dan lain-lain. Manakala industri lain seperti penerbangan, pelancongan dan hiburan juga turut bekerjasama menjayakan kempen ini melalui penajaan dan publisiti. Adalah penting bagi seluruh rakyat Malaysia untuk menunjukkan rasa kecintaan kepada produk komoditi negara dan mempertahankannya dari sebarang serangan dari pihak luar.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 103

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK MUSTAPA KAMAL BIN MOHD YUSOFF**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Datuk Mustapa Kamal Bin Mohd Yusoff minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah punca sebenar yang menyebabkan berlakunya kenaikan bil elektrik yang mendadak seperti yang tular baru-baru ini dan adakah terdapat sebarang perancangan oleh pihak Kementerian untuk pemberian rebat pulangan kepada pengguna yang terlibat terutamanya pengguna domestik.

NO SOALAN: 103

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kejadian bil elektrik tinggi yang dialami oleh sebilangan pengguna-pengguna Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam tempoh 15 hingga 20 Mei 2019 adalah disebabkan oleh gangguan teknikal terhadap sistem pengebilan *Billing and Customer Relation Management* (BCRM) TNB. Dalam tempoh tersebut, TNB tidak dapat mengeluarkan bil elektrik dan menyebabkan tempoh pengebilan pengguna adalah lebih panjang daripada biasa.

2. Perkara ini memberi kesan kepada jumlah bil elektrik pengguna bagi bulan tersebut yang menjadi lebih tinggi berbanding jumlah bil elektrik dengan tempoh pengebilan biasa dengan corak penggunaan elektrik yang sama. Selain itu, terdapat juga kenaikan bil yang disebabkan oleh kesilapan bacaan meter yang dibuat secara manual semasa tempoh gangguan sistem tersebut.

3. Dalam hal ini, kesilapan ini telah diselaraskan oleh pihak TNB dan pengguna telah menerima bil dengan bacaan sebenar dan lebihan bayaran telah dikreditkan semula ke dalam bil pengguna berkenaan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 104

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN AKNAN EHTOOK**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Tuan Aknan Ehtook minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah jangka pendek dan jangka panjang yang diambil untuk menangani rungutan majikan mengenai masalah penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan graduan yang memohon kerja. Sejauh manakah pelaksanaan cadangan agar guru Bahasa Inggeris menduduki peperiksaan tertentu bagi meningkatkan kecekapan masing-masing dapat membantu menyelesaikan isu ini.

NO SOALAN: 104

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid sekolah rendah dan menengah di seluruh negara bukan sahaja bagi memastikan kebolehpasaran mereka setelah tamat pengajian tetapi juga kelansungan semasa menyambung pengajian di peringkat pengajian tinggi.

Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh KPM untuk meningtakan penguasaan bahasa Inggerus adalah seperti yang berikut:

a. **Usaha Sama KPM dan Cambridge English (2016-2020)**

Melalui usaha sama ini pelbagai perubahan secara sistematik dan sistemik dilaksanakan terhadap pendidikan bahasa Inggeris. Salah satu daripada usaha ini melibatkan penjajaran kurikulum Bahasa Inggeris, pentaksiran, latihan guru dan bahan sumber dijajarkan kepada piawaian antarabangsa *Common European Framework of Reference for Languages* (CEFR). Usaha sama ini adalah berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Bahasa Inggeris yang dikenali sebagai *The Roadmap for English Language Education in Malaysia* 2015–2025. Pelan ini memperincikan perubahan dalam pendidikan bahasa Inggeris pada peringkat prasekolah sehingga universiti termasuk pendidikan guru.

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Inggeris bagi prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah yang dijajarkan kepada CEFR telah menetapkan sasaran yang perlu dikuasai oleh murid. Berdasarkan sasaran tersebut, guru melaksanakan pengajaran dan

pembelajaran serta pentaksiran bilik darjah yang bersesuaian mengikut kehendak DSKP dan tahap sasaran kurikulum (*curriculum target levels*).

b. **Inisiatif 107: Pengukuhan Pendidikan Bahasa Inggeris di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025:**

Pelbagai program dan aktiviti pengukuhan bahasa Inggeris telah dirancang dan dilaksanakan selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Bahasa Inggeris. Empat (4) program utama di bawah Inisiatif Pengukuhan Pendidikan Bahasa Inggeris termasuk *Highly Immersive Programme* (HIP), *Dual Language Programme* (DLP), Program Peningkatan Kemahiran Bahasa Inggeris di Sekolah (PPKBIS) dan *Profesional Up-skilling of English Language Teachers* (Pro-ELT).

Pada tahun 2019, KPM berusaha memantapkan lagi pelaksanaan HIP di sekolah bagi mengukuhkan penggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid melalui:

1. Program Bimbingan Bahasa Inggeris Sekolah di bawah HIP; dan
2. Program Gerak Jangkau Bahasa Inggeris di bawah HIP

Berkaitan dengan pelaksanaan peperiksaan untuk guru Bahasa Inggeris pula, KPM ingin memaklumkan bahawa sasaran KPM adalah semua guru opsyen bahasa Inggeris perlu berada pada tahap minimum CEFR C1. Oleh itu, semua guru opsyen bahasa Inggeris yang belum mengetahui tahap penguasaan bahasa Inggeris mereka serta belum mencapai tahap minimum CEFR C1 perlu menduduki ujian penguasaan bahasa Inggeris. Guru boleh menduduki ujian yang tersenarai di dalam SPI Bil. 6 Tahun 2017 seperti Aptis, *International English Language Testing System* (IELTS), *Test of English as a Foreign Language* (TOEFL) dan *Malaysian University English Test* (MUET).

KPM yakin dan optimis melalui peperiksaan-peperiksaan tersebut akan dapat meningkatkan tahap kemahiran dan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan guru. Ini kerana, dalam peperiksaan-peperiksaan tersebut terangkum komponen ujian kemahiran *Listening*, *Speaking*, *Reading*, dan *Writing,* di samping pelaporan keputusannya adalah berdasarkan kepada *Band* dan pemeriksaannya pula dibuat secara holistik.

Pemantapan dan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar tidak terhenti di peringkat sekolah sahaja. Bagi meningkatkan kompetensi dan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan graduan, KPM telah melaksanakan program pengukuhan secara formal dan informal. Langkah-langkah formal yang dilaksanakan ke atas pelajar bagi memperkukuh penguasaan Bahasa Inggeris adalah seperti berikut:

1. Penawaran kursus-kursus kemahiran bahasa Inggeris yang sesuai bagi meningkatkan kemahiran pelajar dalam bahasa tersebut. Jumlah jam kredit serta jenis kursus yang ditawarkan kepada setiap pelajar adalah berdasarkan keputusan pelajar tersebut di dalam *Malaysia University English Test* (MUET) yang diambil sebelum memasuki Universiti Awam;
2. Menggalakkan penggunaan Bahasa Inggeris di dalam sesi tutorial, pembentangan kertas kerja serta pembentangan kertas projek tahun akhir dan lain-lain sesi pembelajaran tidak formal;
3. Menawarkan kursus-kursus elektif Bahasa Inggeris sebagai kursus pilihan untuk pelajar;
4. Menggalakkan pelajar lemah untuk mengikuti kursus jangka pendek/klinik bahasa semasa cuti semester; dan
5. Menggalakkan aktiviti ko-kurikulum di dalam bahasa Inggeris seperti melaksanakan minggu/bulan Bahasa Inggeris, *English Language Camp* serta beberapa program lain yang dilaksanakan oleh persatuan-persatuan pelajar dari masa ke semasa.

Di samping itu, KPM turut memperkenalkan *Malaysia English Assessment* (MEA) untuk memperkasakan ekosistem untuk Pembelajaran dan Pentaksiran Bahasa Inggeris di peringkat Pendidikan Tinggi. MEA merupakan satu ekosistem yang unik dan holistik di mana ia akan mengubah lanskap pembelajaran dan pengalaman pelajar dalam menguasai Bahasa Inggeris. Integrasi pembelajaran dan penilaian secara formal dan tidak formal mampu melahirkan graduan yang melalui pengajaran dan pembelajaran mengikut standard antarabangsa iaitu *Common European Framework of Reference* (CEFR) selepas tamat pengajian. Aspirasi ini mampu meningkatkan kebolehpasaran graduan serta dapat memastikan graduan menepati keperluan industri.

Tambahan pula, terdapat Universiti Awam (UA) yang bekerjasama dengan pihak industri dalam pengajaran di dalam kelas serta penganjuran seminar di dalam Bahasa Inggeris. Contohnya:

1. Program Mobiliti Pelajar juga turut diperkenalkan seperti *Global Outreach Program, Study Abroad, Summer School Abroad dan International Invitation Program*. Melalui program ini, pelajar didedahkan dengan budaya dan cara kerja masyarakat Negara lain. Medium utama komunikasi adalah di dalam Bahasa Inggeris.

2. Program Immersion pula dilaksanakan semasa cuti semester selama seminggu bagi memantapkan kemahiran berbahasa Inggeris. Keutamaan penyertaan adalah pelajar yang memperoleh MUET Band 1 dan Band 2.

3. *Finishing School* juga adalah sebahagian daripada program yang dilaksanakan untuk pemantapan penguasaan Bahasa Inggeris yang dilaksanakan oleh UA bagi pelajar tahun akhir. Pelajar akan

didedahkan dengan kemahiran yang diperlukan untuk ke alam pekerjaan seperti permohonan pekerjaan, temu duga dan penampilan diri. Pelajar juga diberi pilihan untuk mengambil kursus pendek tambahan bersijil bagi tujuan meningkatkan kebolehpasaran sendiri.

UA turut memperkenalkan Pakej Pengukuhan Bahasa Inggeris yang seperti *English Language Experience* (ELEx) di UPM, *Competency Based English Test* (CBET) di UKM dan *English Placement Test* (EPT) di Universiti Islam Antarabangsa (UAIM) untuk membantu memantapkan penguasaan Bahasa Inggeris pelajar.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 105

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK MOHAN A/L THANGARASU**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Datuk Mohan a/l Thangarasu minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah anggota masyarakat India yang tidak mempunyai taraf kewarganegaraan yang telah dikenal pasti serta diberi taraf kewarganegaraan dalam tempoh 1 tahun pemerintahan Kerajaan Pakatan Harapan selaras dengan iltizam khas no. 1 Pakatan Harapan untuk masyarakat India.

NO SOALAN: 105

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah melaksanakan tindakan segera selaras dengan pengumuman YAB Perdana Menteri pada 14 Ogos 2018 serta keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 17 Ogos 2018 agar pemegang MyPR berumur 60 tahun dan ke atas yang memenuhi syarat di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, *Citizenship Rules* 1964 [LN.82/1964] serta perundangan berkaitan yang berkuat kuasa seperti peraturan imigresen, keberadaan yang sah dan lain-lain dipertimbangkan untuk dianganugerahkan kewarganegaraan Malaysia. Dalam hal ini, Kementerian ini telah menerima sebanyak 1,667 permohonan daripada pemegang Kad Pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR) berumur 60 tahun dan ke atas berketurunan India. Kesemua permohonan tersebut telah selesai diproses dengan 1,641 permohonan diluluskan manakala baki 26 permohonan ditolak.

NO SOALAN: 106

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN HAJI MUHAMAD BIN MUSTAFA**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Tuan Haji Muhamad Bin Mustafa minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan berapakah jumlah syarikat tempatan yang telah berjaya dibangunkan dalam usaha Kerajaan menjadikan mereka sebagai entiti yang bertaraf dunia melalui Program Pencepatan Transformasi Digital (DTAP).

NO SOALAN: 106

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Program Pencepatan Transformasi Digital atau "*Digital Transformation Acceleration Programme*" (DTAP) telah dilancarkan pada tahun 2018 bagi membantu syarikat-syarikat tempatan meningkatkan daya saing, produktiviti dan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing melalui penerapan teknologi digital dalam proses produksi dan operasi syarikat tempatan.

2. Dalam melaksanakan program ini, Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) dengan kerjasama Malaysian Investment Development Authority (MIDA) telah menggunakan pendekatan berstruktur khususnya melalui Makmal Transformasi Digital atau *Digital Transformation Labs* (DTL). Makmal ini menawarkan khidmat rundingan dan nasihat pakar global dalam bidang digital teknologi untuk syarikat-syarikat tempatan memulakan proses transformasi digital dalam proses produksi dan operasi syarikat tempatan.

3. Sehingga kini, dengan pelaksanaan 13 Makmal Transformasi Digital, l ebih daripada 22 bengkel telah dikendalikan di bawah program DTAP. Sebanyak 335 syarikat tempatan telah mendapat manfaat dan telah m emulakan proses pelaksanaan transformasi digital mereka.

4. Berikut adalah antara kisah kejayaan syarikat-syarikat tempatan yang telah memulakan transformasi digital dengan hasil yang ketara:

NO SOALAN: 106

a) Gamuda telah melaksanakan projek rintis untuk proses pendigit alan pemeriksaan bangunan di pusat membeli-belah mereka. Pr ojek ini bertujuan untuk meningkatkan kecekapan pemeriksaan aset dan ketepatan pengumpulan data secara digital. Melalui ini siatif ini, Gamuda ini telah berjaya mengurangkan sebanyak 70 % dalam jam kerja. Di samping itu, Gamuda juga mampu melak sanakan pemantauan terhadap aset secara jauh dengan pemas angan sensor IoT. Inisiatif ini membolehkan mereka bekerja ke a rah penyenggaraan ramalan masa nyata dalam masa terdekat.

b) Top Glove telah menjalankan proses pendigitalan kawalan mutu untuk ujian kimia di kilang pembuatan sarung tangan mereka, di mana Top Glove telah menyaksikan pengurangan sebanyak 100 % dalam pergantungan pekerja asing untuk ujian kimia dan pen gurangan sebanyak 67% dalam ujian makmal keseluruhan. Di s amping itu, proses manual untuk sistem *chemical topping-up* tid ak lagi diperlukan, berikutan sistem digital yang telah diperkenal kan di kilang-kilangnya. Konsistensi berat sarung tangan juga m eningkat dari 80% hingga 100%.

c) Kumpulan Perubatan Johor (KPJ) dengan bantuan pakar makm al digital transformasi, telah membangunkan projek rintis untuk i nisiatif tele-perubatan. Melalui inisiatif ini, KPJ telah menyediaka n khidmat perundingan dalam talian di antara doktor pakar dan p esakit-pesakit di beberapa hospital KPJ.

NO SOALAN: 107

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB PUAN LIM HUI YING**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Puan Lim Hui Ying minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan status terkini tentang syarikat Lynas dan adakah syarikat tersebut akan terus beroperasi di Malaysia.

NO SOALAN: 107

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Isu operasi kilang Lynas sedang dimuktamadkan di peringkat Jemaah Menteri dan keputusan operasi Lynas akan dimaklumkan secara rasmi pada 15 Ogos 2019.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 108

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK LEE TIAN SING**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Datuk Lee Tian Sing minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah status terkini peruntukan dana Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) yang telah menghadapi masalah kekurangan dana untuk membiayai pelajar kolej Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET), serta apakah inisiatif-inisiatif Kementerian bagi mengelakkan pelajar-pelajar tersebut daripada berkemungkinan terpaksa menghentikan pengajian.

NO SOALAN: 108

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMKe-11), Kerajaan dijangka akan menyalurkan Peruntukan Pembangunan sebanyak RM1 bilion iaitu RM200 juta setiap tahun kepada Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) iaitu dari tahun 2016 hingga 2020 di bawah Dana Pinjaman TVET. Dianggarkan seramai 66,500 orang pelatih sahaja dapat dibiayai dan menerima manfaat melalui Pinjaman Latihan Kemahiran ini untuk melanjutkan pengajian dalam latihan kemahiran di Institut Latihan Awam dan Swasta.

2. Pada tahun 2019, Kerajaan telah memperuntukkan Peruntukan Pembangunan di bawah Dana Pinjaman TVET kepada PTPK sebanyak RM200 juta untuk diberikan pinjaman latihan kemahiran kepada pelatih yang layak. Melalui peruntukan ini, sehingga 30 Jun 2019, PTPK telah meluluskan pinjaman latihan kemahiran kepada 3,477 pelatih dengan peruntukan sebanyak RM43.23 juta. Walau bagaimanapun, PTPK boleh menolak permohonan pinjaman latihan kemahiran daripada mana-mana peminjam sekiranya peruntukan tidak mencukupi berdasarkan kepada Seksyen 49(a), Akta Tabung Pembangunan Kemahiran 2004 (Akta 640).

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, menurut Kajian Pembangunan Pelan Induk Kebangsaan Latihan Teknikal Dan Vokasional (TVET) Ke Arah Negara Maju yang dilakukan oleh PricewaterhouseCoopers (PwC) pada tahun 2018 mendapati bahawa 92% graduan TVET berjaya mendapatkan pekerjaan selepas menamatkan latihan. Oleh yang demikian, strategi agihan peruntukan tahun 2019 adalah berdasarkan kepada *"industry driven funding"* iaitu mengutamakan penempatan pelatih melalui

kerjasama pintar antara Penyedia Latihan (PL) dan pihak industri supaya lambakan pelatih ini akan dapat terus dielakkan.

4. Oleh yang demikian, pihak Kerajaan sangat prihatin ke atas keperluan dan kepentingan untuk membiayai pinjaman latihan kemahiran ini bagi menambahkan bilangan tenaga kerja mahir negara.

5. Kesimpulannya, pihak Kerajaan akan terus menyalurkan Peruntukan Pembangunan kepada PTPK supaya dapat membantu pelatih memperoleh latihan kemahiran bagi meningkatkan taraf hidup diri dan keluarga dengan mendapat pekerjaan yang lebih baik dan menerima gaji yang setimpal. Melalui pinjaman latihan kemahiran ini juga, latihan kemahiran yang diikuti pelatih akan dapat memenuhi keperluan industri dan menambahkan lagi bilangan tenaga kerja mahir negara, sekaligus dapat membantu mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga kerja mahir luar negara.

NO SOALAN: 109

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN SURESH SINGH A/L RASHPAL SINGH**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan dan langkah yang diambil untuk membantu murid-murid lepasan SPM dan STPM yang mendapat kelulusan cemerlang (11 A) tetapi tidak mendapat tempat di universiti tempatan khususnya dari kategori B40 dan statistik jumlah keseluruhan pengambilan/kemasukan pelajar-pelajar ke matrikulasi bagi semua kaum pada tahun 2019 berdasarkan pengumuman oleh Kerajaan baru-baru ini.

NO SOALAN: 109

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengamalkan prinsip meritokrasi yang menggunapakai 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum di dalam pemilihan kemasukan pelajar ke IPTA dan ILKA. Berdasarkan prinsip meritokrasi, semua calon yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira kaum, agama, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal diberi peluang untuk mengikuti pengajian di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA). Calon-calon yang layak dan memenuhi Syarat Am, Syarat Khas program pengajian serta kriteria pemilihan yang telah ditetapkan akan dipertimbangkan berdasarkan kepada pilihan program pengajian yang dipohon oleh calon.

Pada sidang akademik 2018/2019, kesemua 3,800 orang calon STPM yang mendapat keputusan PNGK 4.0 dan 51 orang calon cemerlang SPM yang mendapat 8A+ ke atas yang memohon UPUOnline telah berjaya ditawarkan program pengajian mengikut pilihan.

Bagi sesi 2019/2020, seramai 1,218 orang pelajar lepasan SPM yang mendapat keputusan 11A telah memohon ke Program Matrikulasi KPM dan kesemua pelajar tersebut telah ditawarkan ke Program Matrikulasi KPM. Daripada jumlah tersebut, 34% pelajar adalah merupakan golongan B40.

Seramai 55,324 orang pelajar telah ditawarkan untuk meneruskan pengajian ke Program Matrikulasi KPM bagi sesi 2019/2020.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 110

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB LAKSAMANA PERTAMA (B) HAJI MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan adakah sebarang bentuk kerjasama dengan pihak badan bukan Kerajaan (NGO) dan swasta dalam merangka dan melaksanakan inisiatif untuk mengurangkan beban hidup rakyat.

NO SOALAN: 110

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Pihak Kementerian sentiasa menjalinkan bekerjasama rapat dengan **pihak badan bukan Kerajaan (NGO) dan swasta** antaranya melalui inisiatif seperti berikut:

a. **Program Food Bank** iaitu lebihan makanan yang diterima akan disalurkan kepada kumpulan-kumpulan sasar dan rumah kebajikan yang berdaftar. Program ini sedang diperluaskan kepada institut pengajian tinggi dan akan dikembangkan lagi kepada sektor lain yang sedang dikenalpasti. Pelbagai pasaraya, hotel dan syarikat swasta lain terlibat dalam menjadi penyumbang dan pemudah cara pelaksanaan program ini.

b. Penubuhan Majlis Tindakan Sara Hidup Negara yang berperanan memperkukuh dan **menyelaras pelaksanaan strategi – strategi dan pelan tindakan** berkaitan isu sara hidup dengan berkesan turut melibatkan **kerjasama strategik merentasi sektor awam dan swasta** agar segala inisiatif yang dirancang dapat dilaksanakan secara holistik dan bersepadu. Antara **anggota bukan kerajaan dan swasta** yang turut serta dalam Majlis Tindakan Sara Hidup Negara adalah seperti berikut:

(i) Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS);
(ii) Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA);
(iii) Yayasan Pesara Kerajaan Malaysia (YPKM);
(iv) Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAPS);

(v) Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA);

(vi) Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM);

(vii) Petronas Dagangan Berhad; dan

(viii) Malaysia Retail Chains Association

Majlis Tindakan ini turut mengalu – alukan sebarang bentuk kerjasama daripada NGO dan sektor swasta untuk turut serta menyumbangkan idea serta cadangan inisaiatif dalam mengurangkan bebanan hidup rakyat.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 111

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Dato' Haji Husain Bin Awang minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk melakukan pengolahan sampah sebagai sumber pendapatan negara dan dimanfaatkan sepenuhnya seperti di India yang telah menjadikan sampah plastik sebagai bahan pembangunan jalan raya termasuk membaiki jalan yang berlubang.

NO SOALAN: 111

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sangat menggalakkan sebarang bentuk pengolahan sisa pepejal sebagai sumber pendapatan selaras dengan konsep *circular economy.* Antara langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk menyokong konsep *circular economy* adalah dengan meluaskan pelaksanaan Program Pengasingan Sisa di Punca (separation at source - SAS) yang telah bermula pada 1 September 2016 bagi isi rumah kepada sektor komersial, perindustrian dan institusi (commercial, industry and institution - CII) berkuat kuasa pada 1 Ogos 2018.

2. Melalui pelaksanaan SAS tersebut, sisa yang diasingkan boleh dikitar semula untuk dijadikan bahan baru. Sebagai contoh, sisa plastik diproses dan diubah bentuk menjadi *flakes, pallet* dan *resin* sebagai bahan mentah kepada produk baharu.

3. Selaras dengan konsep *circular economy*, KPKT amat menggalakkan penglibatan industri dalam pengolahan sisa pepejal selain sisa plastik seperti tin aluminium, kotak minuman (tetrapack), kertas, kaca dan sisa makanan. Dalam usaha meneliti konsep *circular economy*, Kementerian telah mengadakan beberapa siri perbincangan bersama pihak-pihak berkepentingan seperti syarikat konsesi, pemilik jenama barang konsumer (owner of consumer goods brand), pemain industri sisa plastik dan persatuan-persatuan berkaitan sisa plastik dan kitar semula bagi mendapatkan maklumat serta membincangkan mekanisme terbaik bagi

memastikan pelaksanaan konsep *circular economy* yang lebih berdaya maju (viable) di Malaysia.

4. KPKT melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) juga akan bekerjasama dengan Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk melaksanakan kajian bagi memproses sisa plastik sebagai bahan bagi pembinaan jalan raya.

5. Berdasarkan inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan, KPKT berharap agar pengolahan sisa pepejal yang boleh dikitar semula sebagai bahan mentah dapat dioptimumkan dan secara tidak langsung dapat menyumbang ke arah penjimatan sumber asli dan meningkatkan pendapatan negara.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 112

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK HAJI ABIDULLAH BIN SALLEH**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Datuk Haji Abidullah Bin Salleh minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan pendirian terkini Kerajaan mengenai langkah memberikan kebenaran untuk beroperasi kepada kilang Lynas untuk menjalankan kegiatannya dan sama ada sisa pemprosesan kilang tersebut akan dihantar semula ke Australia atau sebaliknya.

NO SOALAN: 112

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Isu operasi Lynas termasuk pengurusan sisa radioaktif oleh pihak Lynas sedang dimuktamadkan di peringkat Jemaah Menteri dan keputusan operasi Lynas akan dimaklumkan secara rasmi pada 15 Ogos 2019.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 113

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Tuan Manolan bin Mohamad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah kerjasama yang diambil dengan Kerajaan Negeri khususnya di bawah pemerintahan Pakatan Harapan untuk mewartakan tanah dan kawasan Orang Asli.

NO SOALAN: 113

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini, sebarang urusan kerja-kerja ukur dan permohonan pewartaan tetap dilaksanakan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dengan kerjasama Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri (PBN). Rundingan berkala, penyelarasan data dan semakan berterusan dengan kerjasama JAKOA Negeri dan Kerajaan Negeri diadakan bagi menjamin hak dan kepentingan masyarakat Orang Asli terhadap tanah tetap terpelihara.

JAKOA juga, telah mendaftarkan Akta 134 ke dalam senarai Akta untuk pindaan oleh pihak Kerajaan yang dipantau oleh pihak Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) pada Januari 2019. Pindaan ini bertujuan untuk menambahbaikkan peruntukan perundangan untuk kemajuan serta perlindungan hak masyarakat Orang Asli terhadap tanah. Antara cadangan pindaan Akta 134 adalah dengan mengambil kira hak-hak utama Orang Asli dalam Declaration on the Rights of Indigenous Peoples (UNDRIP), menyediakan mekanisme penyelesaian sekiranya berlaku pencabulan terhadap hak-hak tanah adat Orang Asli, perluasan pewartaan tanah Orang Asli dan kaedah pampasan berdasarkan keputusan-keputusan mahkamah yang telah diputuskan, Konsep Izin Maklum Awal Bebas Telus (IMABT) dalam melaksanakan kerja-kerja pembangunan. Selain itu Jabatan juga akan meneliti isu-isu berbangkit seperti pertindihan kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dengan kawasan penempatan Orang Asli termasuk pegiktirafan tanah adat yang dituntut oleh masyarakat Orang Asli.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 114

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB PROF EMERITUS TAN SRI DATO' SERI DR. IBRAHIM SHAH BIN ABU SHAH**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Prof Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah Bin Abu Shah minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah usaha-usaha pihak Kerajaan untuk menentukan masa hadapan Sistem Kewangan Islam agar mampu memberi impak yang lebih besar kepada pembangunan ekosistem ekonomi Negara sekali gus berupaya untuk memperkasakan sistem ekonomi kewangan Islam ini.

NO SOALAN: 114

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kewangan Islam merupakan komponen penting yang sentiasa menjadi salah satu fokus utama dalam agenda pembangunan sistem kewangan di Malaysia. Kerajaan dan agensi-agensi berkaitan seperti Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Sekuriti Malaysia serta semua institusi kewangan Islam di Malaysia telah berusaha bersama dalam membina sebuah ekosistem kewangan Islam yang kukuh dan berdaya saing dalam memacu kemajuan sektor kewangan Islam di negara ini. Hasil usaha yang berterusan dan tersusun ini telah berjaya mengekalkan kedudukan Malaysia di tempat teratas daripada 56 buah negara dalam pelbagai dimensi indikator kemajuan kewangan Islam di peringkat global, sebagaimana yang dilaporkan pada setiap tahun oleh Laporan Pembangunan Kewangan Islam yang diterbitkan oleh Thomson Reuters sejak tahun 2013.

2. Meskipun sistem kewangan Islam telah mencatat pertumbuhan yang memberangsangkan, Kerajaan sentiasa menambah baik sistem penyampaian kewangan Islam agar ia dapat menjana impak yang positif kepada rakyat. Antara fokus semasa dan langkah-langkah yang telah diambil dalam memastikan kesinambungan sektor kewangan Islam adalah seperti berikut:

    a. Mengukuhkan rangka kerja perundangan, pengawalseliaan dan pematuhan Syariah antaranya melalui pengenalan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 yang bertujuan memastikan kestabilan sistem kewangan Islam dan memastikan aspek Syariah

dipatuhi sepenuhnya oleh institusi kewangan Islam, penerbitan 14 piawaian syariah oleh BNM untuk memberi garispanduan yang jelas dan komprehensif mengenai kontrak-kontrak Syariah dan aplikasi operasinya yang juga dijadikan rujukan bagi pembangunan Piawai Syariah di negara-negara lain seperti di Qatar dan Afghanistan.

b. Pengenalan konsep pengantaraan berasaskan nilai (value-based intermediation, VBI) sejak tahun 2017 bagi menyokong pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals, SDG) oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). VBI merangkumkan wawasan industri supaya bank-bank Islam lebih dipacu oleh impak, lantas mengukuhkan lagi matlamat keseluruhan Syariah iaitu menggalakkan kebaikan dan mencegah kemungkaran.

c. Memperhebat sokongan kewangan Islam ke arah pertumbuhan perniagaan halal melalui Skim Pembiayaan Patuh Syariah Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) melalui pemberian subsidi kadar keuntungan sebanyak 2% ke atas pembiayaan kepada syarikat pengeksport halal serta program perjumpaan bersama usahawan dan institusi kewangan Islam bagi mendedahkan kepelbagaian produk dan perkhidmatan kewangan yang disediakan oleh bank-bank Islam dan syarikat-syarikat takaful.

d. Mempelbagaikan peluang pelaburan menerusi pengenalan Akaun Pelaburan (Investment Account, IA) dan Platform Akaun Pelaburan (Investment Account Platform, IAP). IA menawarkan saluran pelaburan baharu bagi memenuhi pilihan risiko-pulangan yang lebih pelbagai oleh para pelabur, lantas menyumbang kepada

pembiayaan keusahawanan dalam sektor ekonomi yang dikendalikan oleh institusi perbankan Islam. Sejak ditubuhkan pada tahun 2016, IAP yang dikendalikan oleh institusi perbankan Islam telah berjaya menyalurkan dana pelaburan sebanyak RM200 juta untuk membiayai 12 projek, di mana RM80 juta adalah untuk PKS.

e. Memudahcara dan menyebarluas urus niaga kewangan rentas sempadan melalui perkongsian kepakaran dan perkongsian prasarana kewangan Islam dengan pelbagai negara, termasuk United Kingdom, Hong Kong, Turki, Indonesia dan Jepun, menerusi hubungan dua hala yang lebih erat.

f. Membangunkan kapasiti modal insan untuk menyokong pembangunan ekonomi kewangan Islam dan sekali gus ekosistem ekonomi negara melalui institusi-institusi pendidikan kewangan Islam seperti *International Centre for Education in Islamic Finance* (INCEIF) dan *International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance* (ISRA).

g. Penasihat-penasihat Syariah di Malaysia aktif memberikan perkhidmatan perundingan kepada institusi kewangan Islam antarabangsa. Beberapa firma penasihat Syariah Malaysia turut terlibat dan mencapai tahap yang membanggakan dalam bidang perundingan kewangan Islam pada peringkat antarabangsa. Salah satu daripada firma tersebut telah diberikan kepercayaan untuk mengetuai penggubalan piawaian emas Syariah dengan kerjasama "Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Institutions" (AAOIFI).

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 115

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN ISMAIL BIN YUSOP**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Tuan Ismail bin Yusop minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bagaimanakah Kerajaan akan membantu golongan petani dalam menceburi pertanian moden khususnya pengetahuan serta teknologi dan kos awal dalam mempelbagaikan bidang penanaman seperti saranan YAB Perdana Menteri baru-baru ini.

NO SOALAN: 115

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Mempelbagaikan tanaman atau pertanian campuran (*Mix Farming*) seperti yang disarankan oleh YAB Perdana Menteri merupakan amalan menanam dua atau lebih tanaman dalam satu kawasan bagi mengoptimumkan penggunaan tanah, mengurangkan kebergantungan kepada satu sumber hasil tanaman disamping menambah pendapatan petani.

Pertanian campuran ini boleh dilaksanakan menggunakan teknologi pertanian terkini seperti fertigasi, *vertical farming*, akuaponik dan lain-lain mengikut kesesuaian kawasan, ruang yang ada, dan jenis tanaman campuran yang diusahakan. Selain daripada menanam pelbagai jenis tanaman, pertanian campuran juga boleh diintegrasikan dengan aktiviti ekonomi yang lain seperti ternakan, akuakultur dan apikultur bagi meningkatkan lagi aktiviti guna tanah di kawasan tersebut.

Melalui projek-projek ini, petani diberi bantuan berbentuk insentif amalan pakej teknologi seperti pembangunan infrastruktur ladang, pemberian input pertanian dan peralatan kecil pertanian mengikut keperluan. Bagi tahun 2016 hingga 2018, sebanyak RM77.8 juta telah disalurkan kepada 19,504 petani yang terlibat dalam pelbagai projek pertanian tersebut.

Selain daripada pemberian insentif tersebut, Kementerian ini juga telah memperkenalkan pelbagai inisiatif bagi membantu lebih ramai golongan petani untuk menceburi pertanian moden antaranya seperti berikut :

a) Penyediaan peruntukan sebanyak RM120,000 bagi pelaksanaan kursus kilang tanaman oleh MARDI dan disasarkan kepada petani-petani moden yang berminat untuk menjalankan penanaman secara kilang tanaman menggunakan teknologi *Internet of Things* (IoT). Kursus tersebut diberikan secara percuma kepada petani-petani yang berminat;

b) Penyediaan kursus dan latihan khas dalam bidang IoT seperti Program AGORA iaitu Program Latihan *Flagship* Agropreneur Muda MARDI yang dilaksanakan secara bersiri di seluruh negara bermula pada tahun 2016;

c) Penggunaan teknologi digital melalui aplikasi mudah alih yang boleh diakses menggunakan telefon pintar dan peranti mudah alih yang lain. Sebagai contoh, MARDI telah membangunkan 25 aplikasi mudah alih untuk membantu petani dalam penjagaan tanaman seperti cili, cendawan dan madu kelulut. Kesemua aplikasi ini boleh dicapai dan boleh dimuat turun secara percuma melalui Android atau IOS;

d) Pemberian bantuan geran Agropreneur Muda berbentuk barangan (*in-kind contribution*) sehingga RM20,000;

e) Penyediaan Skim Pembiayaan Mekanisasi dan Automasi bagi perolehan peralatan dan sistem mekanisasi dan automasi seperti jentera, traktor dan lain-lain;

f) Memberikan khidmat nasihat teknikal melalui jabatan/agensi berkaitan di bawah Kementerian bagi meningkatkan pengetahuan dan permindahan teknologi terkini kepada para petani; dan

g) Penganjuran program-program penemusuaian antara petani dan syarikat-syarikat teknologi bagi mempercepatkan pemindahan teknologi moden.

Dalam RMKe-12, pertanian moden akan diberikan penekanan bagi menggalakkan penglibatan golongan muda dan mengurangkan penggunaan tenaga kerja asing. Penekanan juga diberikan kepada pelabur-pelabur bagi menggalakkan penggunaan teknologi moden dalam sektor pertanian.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 116

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATIN RAHIMAH BINTI HAJI MAHAMAD**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Datin Rahimah Binti Haji Mahamad minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah kekosongan jawatan Guru Siswazah di semua sekolah harian di seluruh negara dan berapakah penempatan sebenar Guru Lantikan Baru yang diunjurkan pada tahun 2019/2020.

NO SOALAN: 116

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan bahawa seperti data pada 8 Julai 2019 jumlah kekurangan guru adalah seramai 3,937 orang di sekolah menengah harian, 5,810 guru sekolah kebangsaan, 1,145 guru di sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC) dan 46 guru di sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT). Manakala, jumlah pengisian guru siswazah di sekolah menengah harian seperti pada 8 Julai 2019 adalah sebanyak 98.5 peratus iaitu 153,490 orang. Bagi sekolah kebangsaan pula adalah sebanyak 82.9 peratus atau 193,295 orang.

Berkaitan dengan guru lantikan baharu, KPM ingin memaklumkan bahawa urusan pelantikan guru baharu untuk ditempatkan di KPM adalah di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran selaku Pihak Berkuasa Melantik. Dalam konteks pelantikan guru baharu ini, permohonan pengisian adalah berdasarkan kekosongan jawatan dan keperluan opsyen mata pelajaran melalui urusan pengambilan yang dilaksanakan dari masa ke semasa.

Sehingga 30 Jun 2019, sejumlah **3,774** guru baharu telah dilantik pada tahun ini. Jumlah tersebut adalah merangkumi lantikan secara tetap, lantikan kontrak serta secara lantikan interim.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 117

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK ABDUL GHANI BIN MOHAMED YASSIN**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Datuk Abdul Ghani Bin Mohamed Yassin minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan secara terperinci usaha serta program pembangunan keusahawanan 2019 bagi masyarakat luar bandar khususnya di Sabah dan Sarawak.

NO SOALAN: 117

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, KPLB telah merancang program pembangunan keusahawanan bagi tahun 2019 berdasarkan Teras 3 : Memperkasakan Usahawan Luar Bandar dan Mewujudkan Sumber Pendapatan Alternatif sebagaimana di bawah Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar (PHPLB) 2018-2023.

Di bawah Teras 3, Keusahawanan, terdapat sebanyak lima (5) strategi yang merangkumi sebanyak lima belas (15) program/projek yang akan memberikan manfaat kepada para usahawan. Antara lain adalah seperti program *Rural Business Challenge*, perluasan *DesaMall@Online*, Skim Pembiayaan Usahawan Tekno, program Promosi Usahawan dan penyertaan dalam ekspo serta pameran perniagaan.

Bagi tahun 2019, terdapat 29 program pembangunan keusahawanan telah dirancang dengan peruntukan sebanyak RM138.91 juta iaitu jangkaan penerima faedah bagi program-program tahun 2019 adalah seramai 37,396 orang.

Program pembangunan keusahawanan yang telah dirancang ini akan memberi manfaat kepada penduduk di luar bandar di seluruh Malaysia. Pada masa ini, KPLB tidak menetapkan kuota tertentu mengikut negeri dalam pelaksanaan program pembangunan keusahawanan ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator jua, program-program pembangunan keusahawanan ini dilaksanakan oleh KPLB dan Agensi di bawah KPLB seperti MARA dan KEMAS. Antara program yang akan dilaksanakan termasuklah Kursus Keusahawanan Rintis, Kursus Kemahiran

Quick Win, Program Pembangunan Usahawan dan Program Pemantapan Syarikat Usahawan Korporat.

Bagi tujuan bantuan pembiayaan, KPLB turut menyediakan bantuan pembiayaan khas untuk usahawan di luar bandar melalui Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) dan Sokongan Pengukuhan Keusahawanan Luar Bandar (SPKLB).

Bagi membantu dari segi promosi produk, KPLB telah merancang empat siri Karnival Usahawan Desa (KUD) yang akan dilaksanakan pada tahun ini. Empat siri KUD yang dirancang adalah di Zon Utara di Midtown PERDA, Tasik Gelugor pada 29 Mac hingga 1 April 2019, Zon Timur di Kompleks Sukan Negeri Terengganu, Kuala Nerus pada25 hingga 27 April 2019, Zon Sabah di Kota Kinabalu pada 22 hingga 25 Ogos 2019 dan di Putrajaya pada 17 hingga 21 Oktober 2019. Matlamat pelaksanaan KUD adalah untuk membantu usahawan luar bandar untuk meluaskan pasaran, meningkatkan jaringan perniagaan dan mempelbagaikan saluran jualan supaya kurang bergantung kepada kunjungan pelanggan ke premis.

Secara keseluruhannya, berdasarkan program dan projek yang terkandung dalam PHPLB tadi, usahawan luar bandar yang layak dan memenuhi syarat adalah berpeluang untuk menerima insentif atau bantuan daripada KPLB melalui semua jabatan/agensinya dalam semua aspek sokongan perniagaan iaitu Modal Kewangan, Latihan, Sokongan Teknikal & Teknologi, Khidmat Nasihat & Pengembangan Kapasiti, Lokasi & Kemudahan Premis, Pemasaran, Kajian & Pembangunan (R&D) serta Sokongan Maklumat.

NO SOALAN: 118

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK RABIYAH BINTI ALI**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Datuk Rabiyah Binti Ali minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan jumlah empangan yang menjadi sumber bekalan air mentah negara sehingga Jun 2019 serta berapakah projek-projek pembinaan empangan baru agar sumber bekalan air mentah mencukupi untuk populasi rakyat Malaysia.

NO SOALAN: 118

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga **Jun 2019** terdapat 61 buah empangan bekalan air di Malaysia yang mempunyai kapasiti takungan berjumlah 2,545 juta meter padu.

Di samping itu, terdapat juga 11 buah empangan yang dikawal selia oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di mana fungsi utamanya adalah untuk tebatan banjir dan mempunyai fungsi sekunder sebagai empangan bekalan air mentah.

Bagi memastikan sumber bekalan air mentah yang mencukupi untuk rakyat, terdapat sebanyak dua (2) projek pembinaan empangan bekalan air baharu sedang dilaksanakan iaitu Empangan Tawau, Sabah dengan kos RM470.39 juta yang dijangka siap pada tahun 2021 dan Empangan Jernih, Melaka dengan anggaran kos sebanyak RM200 juta yang dijangka siap pada tahun 2023.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 119

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' SRI KHAIRUDIN SAMAD**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Dato' Sri Khairudin Samad minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah-langkah baharu yang telah diambil bagi meningkatkan kualiti hasil pertanian seluruh negara.

NO SOALAN: 119

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian bagi meningkatkan kualiti hasil pertanian seluruh negara adalah seperti berikut:

i. Mengurangkan kerugian hasil lepas tuai melalui pembangunan prosedur operasi standard (SOP), pelaksanaan kawalan operasi jentuai melalui penggubalan akta dan peraturan di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 dan memberikan pendedahan serta maklumat pengurusan hasil lepas tuai dengan teknik penuaian yang berkesan kepada petani;

ii. Memberi khidmat perundingan dan sokongan teknikal mengenai teknik-teknik dan teknologi-teknologi terkini dalam bidang pertanian seperti cantuman dewasa yang dapat mengeluarkan hasil lebih cepat berbanding penanaman benih;

iii. Menggalakkan penggunaan benih tanaman berkualiti dan penanaman varieti-varieti terpilih yang mampu memberikan hasil lebih tinggi berbanding varieti yang biasa;

iv. Menggalakkan amalan pertanian baik melalui pensijilan myGAP yang dapat mengeluarkan hasil yang lebih tinggi dan berkualiti melalui pengurusan ladang yang mampan;

v. Memberi khidmat pengembangan mengenai pengurusan perosak dan penyakit bagi mengurangkan kerugian hasil;

vi. Memberi latihan dalam teknologi pertanian moden, mekanisasi dan automasi pertanian seperti penggunaan *transplanter, combine harvester, tiller* dan sebagainya. Pemodenan mekanisasi dan automasi serta adaptasi teknologi baru melalui penggunaan jentera yang moden, berkeupayaan tinggi dan dapat mengoptimumkan hasil dan meminimakan kehilangan lepas tuai seperti penggunaan dron, jentuai mini dan sebagainya; dan

vii. Mewujudkan kerjasama strategik dan menganjurkan program-program penemusuaan antara petani dan syarikat-syarikat teknologi bagi mempercepatkan pemindahan teknologi.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 120

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' DR. ANANTHAN A/L SOMASUNDARAM**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah S. Suresh yang mencipta sejarah sebagai atlet pertama negara memenangi pingat emas pada Kejohanan Memanah Para Dunia 2019 akan menerima ganjaran-ganjaran lain selain daripada ganjaran melalui Skim Hadiah Kemenangan Sukan (SHAKAM).

NO SOALAN: 120

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan amat berbangga dengan pencapaian atlet memanah Program Para, S. Suresh yang telah mengharumkan nama Malaysia di Kejohanan Memanah Para Dunia 2019 yang telah berlangsung pada 03 hingga 09 Jun 2019 di Hertogenbosch, Belanda.

2. Melalui Skim Hadiah Kemenangan Sukan (SHAKAM), pemanah ini menerima imbuhan sebanyak RM80,000.00 atas kecemerlangan yang diperolehinya pada kejohanan tersebut mengikut kelayakan dan kategori kejohanan yang telah disertainya. Selain itu, Kerajaan Negeri Kedah juga berbesar hati menyumbangkan imbuhan berupa wang tunai berjumlah RM10,000.00 kepada pemanah tersebut.

3. Kerajaan melalui Majlis Sukan Negara berharap kejayaan dan ganjaran yang diperolehi oleh pemanah ini akan menjadi contoh dan pemangkin semangat kepada beliau untuk cemerlang pada kejohanan-kejohanan akan datang.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 121

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK JOHN AMBROSE**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Datuk John Ambrose minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan sumbangan golongan usahawan kepada ekonomi negara dan bagaimana memperbaiki prestasi ini serta adakah pulangan pelaburan (return on investment-ROI) wujud melalui golongan ini.

NO SOALAN: 121

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) melalui agensi-agensi di bawahnya sehingga kini telah berjaya melahirkan lebih dari 25,000 usahawan termasuklah usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Pada tahun 2017, usahawan PKS telah menyumbang 37.1% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) keseluruhan Malaysia, 66.0% kepada guna tenaga keseluruhan dan 17.3% kepada eksport keseluruhan.

2. Berdasarkan pertumbuhan KDNK keseluruhan sebanyak 4.7% pada tahun 2018 dan anggaran rasmi pertumbuhan KDNK keseluruhan antara 4.3 - 4.8% pada tahun 2019 yang diumumkan oleh Bank Negara Malaysia, pertumbuhan KDNK PKS dianggarkan kekal pada 5.8% bagi tahun 2018 dan 2019, sekiranya tiada penglibatan dan rangsangan oleh Kerajaan selain daripada peruntukan pembangunan PKS sedia ada.

3. Justeru, MED mengambil inisiatif memperkenalkan Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) yang telah dilancarkan pada 11 Julai 2019 yang lalu oleh YAB Perdana Menteri dengan menggariskan sasaran sumbangan usahawan PKS kepada negara sehingga tahun 2030 seperti berikut:

Sasaran		Tahun 2025	Tahun 2030
i.	Sumbangan PKS kepada KDNK	45%	50%
ii.	Sumbangan PKS kepada nilai eksport	72%	80%
iii.	Pekerjaan yang dijana oleh PKS	25%	30%

4. Antara strategi yang telah dirancang bagi mencapai sasaran ini adalah:
    a. Memperkukuhkan pelaksanaan Program Pembangunan Vendor (PPV);
    b. Mempertingkatkan kemahiran keusahawanan dan keupayaan di kalangan perusahaan mikro, kecil dan sederhana;
    c. Menyediakan bantuan bersasar bagi akses pasaran terutama kepada perusahaan mikro, kecil dan sederhana Bumiputera; dan
    d. Memperkukuhkan pengurusan rantaian bekalan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 122

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK MOHAN A/L THANGARASU**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Datuk Mohan a/l Thangarasu minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan status proses pembersihan Sungai Kim Kim di Pasir Gudang memandangkan masalah pencemaran akibat pembuangan sisa-sisa toksik secara tidak bertanggungjawab telah membawa kepada gelombang ketiga penyebaran wabak-wabak berkaitan baru-baru ini dan adakah Kerajaan telah memberi sebarang bentuk pampasan khususnya bantuan kewangan kepada keluarga mangsa-mangsa yang terlibat.

NO SOALAN: 122

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kerja-kerja pembersihan di sepanjang 1.5 kilometer Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, Johor telah selesai sepenuhnya dilaksanakan oleh kontraktor berlesen dengan Jabatan Alam Sekitar pada 17 Mac 2019. Pihak Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Johor telah mengistiharkan Penutupan Bencana bagi insiden pelupusan haram buangan terjadual Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, Johor pada 20 Mac 2019;

2. Siasatan bersepadu di antara pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (BOMBA), Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) dan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) sehingga hari ini masih diteruskan bagi mengenalpasti punca gelombang kedua penyebaran wabak-wabak yang menyerupai insiden pelupusan haram buangan terjadual Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, Johor pada Mac 2019 yang lalu;

3. Pihak Kerajaan tidak memberikan pampasan secara langsung kepada mangsa-mangsa yang terlibat, sebaliknya, Kerajaan menyediakan kemudahan bagi mangsa-mangsa yang terlibat seperti hospital, siasatan bagi mengenalpasti punca pencemaran, pemantauan kualiti udara kawasan yang terlibat dan pemakluman kepada awam berkaitan apa-apa tindakan yang perlu dilaksanakan dalam ketika menghadapi bencana pencemaran udara ini.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 123

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN ABDULLAH**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Abdullah minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan langkah-langkah bagi membanteras gejala penipuan jualan barangan melalui "online" yang kian menjadi-jadi yang mengakibatkan kerugian kepada masyarakat yang menggunakan platform e-dagang ini.

NO SOALAN: 123

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Kementerian melalui Bahagian Penguatkuasa giat menjalankan pemeriksaan dan penguatkuasaan terhadap laman perniagaan dalam talian dengan menjalankan naziran dan bekerjasama dengan pengendali pasar dalam talian bagi membanteras gejala penipuan jualan barangan melalui *online.*

2. Kementerian juga mengadakan program libat urus bersama pengendali pasar dalam talian seperti Lazada dan Shopee yang bertujuan untuk memberi penjelasan, khidmat nasihat dan kerjasama dalam memahami dan mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan dan turut mengadakan sesi advokasi bersama pengeluar produk untuk mendapatkan kerjasama dalam pelaksanaan peruntukan undang-undang yang dikuatkuasakan.

3. Selain itu, Kementerian turut bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan CyberSecurity Malaysia bagi menangani pelbagai isu melibatkan transaksi atas talian.

4. Bagi melindungi serta meningkatkan keyakinan pengguna untuk membeli secara atas talian, Kementerian telah menggubal Peraturan-peraturan Perlindungan Pengguna (Urus Niaga Perdagangan Elektronik) 2012 sebagai salah satu langkah bagi melindungi pengguna.

5. Di samping itu, Kementerian telah menerbitkan Buku Panduan Menjalankan Transaksi Elektronik Untuk Pengguna bagi membantu serta mendidik pengguna mengenai tatacara yang betul sebelum membuat pembelian secara atas talian.

6. Kementerian turut menerbitkan Panduan Menjalankan Perniagaan eDagang Kepada Peniaga bukan sahaja sebagai rujukan dan panduan kepada peniaga atas talian tetapi juga boleh dijadikan rujukan kepada pengguna sebagai senarai semak yang perlu ada pada peniaga *online* tersebut.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 124

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' FAHARIYAH BINTI HJ MD NORDIN**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Dato' Fahariyah Binti Hj Md Nordin minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejauh mana MARDI mengupayakan latihan teknikal bagi kluster tanaman makanan agar penyertaan warga tempatan dalam kegiatan tanaman sayuran dan buah-buahan ditingkatkan.

NO SOALAN: 124

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian ini melalui MARDI telah melaksanakan kajian penyelidikan dan turut menumpukan kepada pembangunan modal insan dalam bidang pertanian di kalangan warga tempatan. Melalui Pusat Pemindahan Teknologi dan Pembangunan Usahawan, MARDI menunjangi pembangunan usahawan berasaskan teknologi, melalui latihan dan seminar serta penggunaan *test-bed*, inkubator teknologi dan ladang contoh. MARDI juga telah mengadakan latihan dan seramai 4,500 usahawan telah diberikan latihan termasuklah seminar, bimbingan khidmat nasihat bagi memperkukuhkan keupayaan usahawan dalam sektor pertanian, dan pemprosesan makanan. Daripada bilangan ini, sejumlah 2,367 peserta merupakan usahawatani (tahun 2016-2018) yang terlibat dalam program ladang contoh MARDI.

2. Antara teknologi yang diperkenalkan dan dipindahkan kepada usahawan tani adalah seperti berikut:
    a) Teknologi Penanaman Buah-Buahan (Harumanis),
    b) Teknologi Pengeluaran Tanaman Herba Untuk Minyak Pati,
    c) Teknologi Penanaman Secara Fertigasi (Cili dan Rock Melon),
    d) Teknologi Penanaman Halia,
    e) Fertigasi Sayuran Bertingkat,
    f) Teknologi Penanaman Bunga,
    g) Teknik Penggunaan Hormon Pendebungaan dan Pembangunan Produk Hiliran Mangga,
    h) Teknologi Penanaman Cendawan Kukur dan Tiram; dan
    i) Teknologi Penternakan- Integrasi Biri-biri Dorper Dengan Tanaman Kelapa.

3. Selain daripada itu, pelbagai bentuk geran telah diperkenalkan untuk menarik lebih ramai anak muda untuk menceburi bidang pertanian. Antaranya adalah Geran Agropreneur Muda yang bernilai RM10,000.00 – RM20,000.00 dalam bentuk **bantuan geran *in-kind contribution* (IKC)** yang berbentuk barangan dan servis. Selain dari insentif barangan, peserta agropreneur muda juga diberikan khidmat nasihat teknikal untuk menambah baik dan menyelesaikan isu-isu yang dihadapi oleh mereka termasuklah dalam bidang *Internet of Things* (IoT).

4. **Program AGORA** adalah merupakan program latihan *Flagship* Program Agropreneur Muda MARDI yang dilaksanakan secara bersiri di seluruh negara bermula pada tahun 2016. Pada tahun 2019, AGORA telah memperkenalkan satu modul baru dalam bidang tanaman iaitu penanaman tumbuhan terutamanya sayur-sayuran secara kilang tanaman (*plant factory*). Kilang tanaman merupakan sistem pengeluaran tanaman dalam bangunan di mana semua elemen yang diperlukan tanaman seperti cahaya, suhu, karbon dioksida dan kelembapan dikawal secara buatan (*artificial*). Ia juga disokong oleh sistem tanaman, kawalan pembajaan dan pengairan secara mekanisasi dan automasi (*online)*.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 125

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN ADRIAN BANIE LASIMBANG**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Tuan Adrian Banie Lasimbang minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Kerajaan akan membentangkan semula usul untuk meminda perlembagaan persekutuan untuk mengembalikan status Sabah dan Sarawak sebagai rakan kongsi utama penubuhan persekutuan Malaysia.

NO SOALAN: 125

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat,

Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2019 berhubung pindaan kepada Fasal (2) Perkara 1 Perlembagaan Persekutuan 2019 tidak mendapat persetujuan 2/3 oleh ahli-ahli Parlimen di Dewan Rakyat pada 9 April 2019 yang lalu. Walau bagaimanapun, Kerajaan sedang mempertimbangkan kemungkinan untuk membawa semula cadangan pindaan ini pada masa hadapan sebaik sahaja perkara ini diperhalusi semula dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Untuk menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963.

Jawatankuasa Khas Kabinet Untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 telah meneliti isu-isu yang dibincangkan dan mempertimbangkan cadangan-cadangan yang dikemukakan hasil dari rundingan semua pihak berkepentingan. Satu Laporan terperinci akan disediakan berhubung dengan hasil semakan beserta cadangan hala tuju untuk diangkat kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 126

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' ONG CHONG SWEN**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Dato' Ong Chong Swen minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan bagaimana Kementerian hendak menggalakkan penanaman sawit melaksanakan pensijilan Minyak Sawit Mampan (MSPO) memandangkan peratus yang besar masih belum mendapat pensijilan ini.

NO SOALAN: 126

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Pelbagai langkah sedang dilaksanakan bagi memastikan pensijilan *Malaysian Sustainable Palm Oil* (MSPO) dapat dilaksanakan sepenuhnya seperti yang disasarkan. Kementerian melalui agensi seperti Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (MPOCC) sedang menggiatkan usaha agar para pekebun kecil dapat mematuhi dan memperolehi pensijilan MSPO. Program Jelajah MSPO ke seluruh negara sedang dilaksanakan untuk memberi penerangan dan bantuan teknikal kepada para pekebun kecil ke arah pensijilan. Ini merupakan satu inisiatif turun padang untuk memberi pemahaman dan tunjuk ajar secara langsung kepada para pekebun kecil. Program ini turut dirangka mengikut kesesuaian penduduk setempat bagi memudahkan komunikasi dalam memastikan pemahaman tentang MSPO dan seterusnya diterima pakai oleh pekebun kecil.

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi menggalakkan lebih ramai pekebun kecil mendapatkan pensijilan MSPO dan pada masa yang sama mengurangkan bebanan mereka, Kerajaan telah menyediakan dana yang merangkumi kos yuran pensijilan, pembelian peralatan perlindungan diri (PPE) dan pembinaan rak bahan kimia. Selain itu, Kerajaan juga turut menanggung kos latihan dan taklimat kepada pekebun kecil sawit di seluruh negara. Pengumuman geran MSPO untuk pengusaha sawit oleh Kementerian Kewangan baru-baru ini juga adalah merangkumi bantuan kepada pekebun kecil tersusun bagi menggalakkan lebih ramai penanam sawit mendapat pensijilan MSPO. Selain itu, pegawai TUNAS

MPOB juga bersedia memberi khidmat nasihat teknikal mengenai Amalan Pertanian Baik (GAP) kepada para pekebun kecil.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tetap dengan pendirian untuk terus melaksanakan pensijilan MSPO bagi industri sawit negara dan memandatorikannya bermula 1 Januari 2020. Ini selaras dengan kenyataan oleh YAB Perdana Menteri semasa ucapan beliau dalam Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 29 September 2018 iaitu Malaysia akan pastikan semua minyak sawitnya mematuhi standard MSPO menjelang 2020.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 127

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN AKNAN EHTOOK**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Tuan Aknan Ehtook minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk meningkatkan penggunaan tenaga kerja dalam kalangan warga emas sebagai langkah untuk meningkatkan penglibatan mereka dalam aktiviti kesukarelawanan serta mengurangkan masalah kemurungan.

NO SOALAN: 127

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah merangka aktiviti dalam memastikan warga emas sentiasa aktif dan produktif.

Melalui pengumuman bajet 2019, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa insentif bagi memastikan warga emas mendapat tempat dalam pekerjaan melalui Insentif Pengurangan Kadar Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja bagi ahli berumur 60 tahun ke atas.

Bagi tujuan penggalakan kerja-kerja sukarelawan warga emas, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menyediakan platform berkenaan melalui Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE). Sehubungan itu, warga emas boleh mendaftarkan diri di 88 buah PAWE yang berdekatan bagi tujuan tersebut. Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara (MPPWEN) melalui Jawatankuasa Pekerjaan yang dipengerusikan oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM) juga sedang meneliti penggalakan kerja sukarelawan berkenaan di mana KSM melalui Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA) sedang mengkaji konsep '*Time Bank*' jika bersesuaian untuk dilaksanakan.

Data semasa dari pihak KWSP sehingga Disember 2018 juga merekodkan bahawa seramai **285,567** warga emas masih aktif bekerja dalam sektor swasta.

NO SOALAN: 127

Melalui Pelan Tindakan Warga Emas Negara terdapat beberapa program yang telah dirancang bagi jangka pendek, sederhana dan panjang yang melibatkan pelbagai agensi pelaksana seperti berikut:

a) Mengadakan kempen melalui media cetak dan media elektronik untuk mengubah persepsi negatif terhadap pekerja warga emas.

b) Mengkaji semula Akta Kerja 1955 dan akta lain yang berkaitan peraturan pekerjaan serta pelaksanaannya untuk mengatasi masalah diskriminasi umur dan definisi kerja.

c) Meningkatkan peluang pekerjaan warga emas dalam sektor formal melalui:

- Masa bekerja anjal
- Kerja separuh masa
- Bekerja di rumah
- *Piece Work*

d) Menggalakkan pekerja berumur 40 tahun dan ke atas membuat persediaan penyesuaian diri ke alam kerjaya kedua.

e) Memberi peluang kepada penjawat awam yang mencapai umur wajib bersara untuk terus berkhidmat dalam jawatan berasaskan kepakaran/ kemahiran yang diperlukan.

KPWKM melalui JKM juga telah merancang program PAWE *One Stop Centre* iaitu PAWE sebagai pusat setempat untuk perkembangan dan kesejahteraan warga emas dan juga sebagai pusat sehenti pemadanan pekerjaan atau pemerkasaan ekonomi warga emas. Selain daripada itu

NO SOALAN: 127

Golden Mind Programme juga dirancang supaya kumpulan profesional dari kalangan warga emas menyumbang ilmu, idea dan kepakaran ke arah pembangunan warga emas.

NO SOALAN: 128

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' SRI TI LIAN KER**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Dato' Sri Ti Lian Ker minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah pendirian sebenar Kementerian mengenai pengimportan sisa plastik ke negara ini memandangkan terdapat percanggahan pendapat dari pihak Kerajaan yang melihatnya sebagai sesuatu yang mampu menjana keuntungan kepada industri plastik di Malaysia dan apakah polisi terbaharu yang akan digariskan dalam menangani isu ini.

NO SOALAN: 128

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, dasar Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) berkenaan isu pengimportan skrap plastik HS Code 39.15 adalah sangat jelas iaitu pengimport perlu memiliki Lesen Import (approved permit - AP) skrap plastik terlebih dahulu sebelum membawa masuk skrap tersebut ke Malaysia. Tiada kelulusan AP diberikan kepada kontena yang telah tiba di pelabuhan tanpa kelulusan Lesen Import atau *no AP on arrival*.

2. Kerajaan hanya membenarkan pengimportan skrap plastik yang bernilai tinggi, homogen (*homogeneus*) dan bersih seperti skrap plastik dari sumber perindustrian negara-negara maju seperti Jepun, New Zealand dan United Kingdom memandangkan negara tersebut mempunyai sistem kawalan yang cekap dalam pengurusan skrap plastik.

3. Walau bagaimanapun, KPKT berpandangan pengimportan sekerap plastik perlu dikawal dengan ketat bagi mengelak Malaysia dijadikan lokasi pelupusan sisa pepejal dari luar negara. Berkuat kuasa pada 26 Oktober 2018, Kementerian telah menetapkan polisi baharu iaitu AP skrap plastik hanya diluluskan oleh KPKT setelah pengimport mematuhi kesemua 18 syarat pengimportan skrap plastik yang ditetapkan seperti berikut:

    (i) Mengemukakan gambar sebenar yang jelas dan kategori sisa plastik import;

(ii) Mengemukakan surat pengesyoran operasi kilang daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) yang masih dalam tempoh sah laku;

(iii) Mengemukakan surat kelulusan pengeksport dengan sijil ISO 14000;

(iv) Mengemukakan lesen perniagaan yang sah daripada Pihak Berkuasa Tempatan;

(v) Mengemukakan invois yang dicap dan ditandatangan oleh pengeksport;

(vi) Mengamalkan *good housekeeping* di kilang;

(vii) Mempunyai ruang simpanan yang sesuai seperti berbumbung dan lantai konkrit di kilang;

(viii) Mengemukakan surat kelulusan memasang dan mengoperasi jentera daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP);

(ix) Pengesahan kapasiti sebenar mesin pemprosesan oleh SIRIM;

(x) Menyatakan maklumat lokasi pelupusan sisa yang dijana dari kilang pengimport;

(xi) Mengemukakan senarai pembeli produk akhir;

(xii) Mengemukakan semua senarai kilang di bawah milik syarikat;

(xiii) Menetapkan *ratio* sisa plastik yang mengehadkan 70% sumber import;

(xiv) Mengehadkan pengimportan hanya kepada sisa plastik daripada premis perindustrian/*selected segregrated post-consumer waste;*

(xv) Menyekat pengimportan sisa plastik dari negara membangun;

(xvi) Menetapkan lokasi yang bersesuaian (*zonning*) bagi premis pemprosesan sisa kitar semula;

(xvii) Memperkenalkan bayaran levi kepada pengimport; dan

(xviii) Memperkenalkan Jaminan Bank (*bank guarantee*) kepada pengimport.

4. Bagi mengatasi isu-isu berbangkit daripada aktiviti pengimportan skrap plastik seperti pengistiharan palsu (*false declaration*) dan isu lambakan skrap plastik, KPKT sedang meneliti penyelesaian menyeluruh dari aspek perundangan, penguatkuasaan dan kawalan termasuk cadangan mengguna pakai prosedur *Prior Informed Consent* (PIC) di bawah Perjanjian Ratifikasi Basel Convention bermula tahun 2021 melalui perbincangan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pengurusan Skrap Plastik Import yang dipengerusikan bersama Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC).

5. KPKT juga sedang menyediakan Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Sisa Pepejal Import) (Plastik) dan Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pelesenan) (Pengusahaan atau Penyediaan Perkhidmatan Pengimportan bagi Sisa Pepejal Import) bagi mengawal selia dan menguatkuasakan aktiviti pengimportan sisa pepejal khususnya bagi skrap plastik. Pada masa ini, peraturan-peraturan ini sedang dalam pemurnian dan pemuktamadan oleh Jabatan Peguam Negara.

6. KPKT juga akan menyediakan Kertas Jemaah Menteri berkenaan cadangan penyelesaian menyeluruh berhubung pengimportan skrap plastik di Malaysia untuk pertimbangan dan persetujuan Jemaah Menteri.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 129

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK MUSTAPA KAMAL BIN MOHD YUSOFF**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Datuk Mustapa Kamal Bin Mohd Yusoff minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah strategi yang dirangka oleh pihak Kerajaan bagi mengukuhkan nilai Ringgit Malaysia.

NO SOALAN: 129

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 23 Julai 2019, nilai ringgit telah meningkat sebanyak 0.4 peratus manakala nilai mata wang serantau yang lain telah mencatat di antara -5.8 peratus dan 4.6 peratus berbanding dolar Amerika Syarikat (AS). Volatiliti nilai ringgit disebabkan oleh kemerosotan sentimen pelabur dalam pasaran kewangan dunia berikutan kelemahan prospek pertumbuhan ekonomi global dan ketidaktentuan berkaitan perkembangan geopolitik.

Dalam keadaan pasaran kewangan global yang tidak menentu, kadar pertukaran ringgit yang fleksibel memainkan peranan yang penting sebagai penyerap kejutan luaran tanpa menjejaskan aktiviti ekonomi domestik.

Namun begitu, volatiliti ringgit yang ketara boleh menjejaskan aktiviti ekonomi berikutan kesukaran sektor perniagaan dan perindustrian merancang strategi dan mengambil keputusan yang wajar. Bank Negara Malaysia (BNM) sentiasa memastikan keadaan pasaran kewangan lebih lancar dan mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan langkah untuk memastikan kecairan yang mencukupi, pasaran yang berdaya tahan dan mengurangkan aktiviti spekulasi dalam pasaran. Langkah ini termasuk menetapkan syarat supaya sebahagian besar daripada hasil eksport dalam mata wang asing ditukarkan kepada ringgit bagi meningkatkan mudah tunai wang asing dalam pasaran dalam negeri dan meningkatkan penguatkuasaan ke atas peraturan tukaran asing sedia ada bagi mencegah aktiviti spekulasi mata wang ringgit diniagakan di luar persisir.

NO SOALAN: 129

Pada masa yang sama, BNM telah memperkenalkan instrumen pelindung nilai (hedging instruments) dan menyediakan fleksibiliti agar peserta pasaran kewangan dan sektor perniagaan boleh melaksanakan pengurusan risiko pendedahan mata wang asing dengan lebih baik.

NO SOALAN: 130

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK LIM PAY HEN**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan adakah panduan seperti "buffer zone 500 metres" di bawah "Guidelines for Siting and Zoning of Industries" oleh Jabatan Alam Sekitar disemak semula bersama keperluan Akta Perlindungan Alam Sekitar (EPA) yang menekankan konsep "environmental mainstreaming".

NO SOALAN: 130

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Dokumen *Guidelines for Siting and Zoning of Industry and Residential Areas* (SZIRA) terbitan Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada tahun 2012 menetapkan had minima zon penampan yang bersesuaian untuk digunapakai bagi cadangan pengezonan baru. Kajian perlu dilaksanakan untuk penentuan had yang bersesuaian bagi kes industri berat.

2. Berdasarkan kepada situasi negara sekarang di mana Kerajaan menggalakkan pembangunan industri tetapi pada masa yang sama menghadapi isu ruang tanah yang terhad dan mahal serta seiring dengan perkembangan teknologi terkini alat kawalan pencemaran, JAS telah menerbitkan dokumen *Environmental Essential for Siting of Industries in Malaysia* (EESIM) 2017 sebagai rujukan terkini untuk penempatan industri di kawasan perindustrian sediada. Dokumen EESIM 2017 menekankan kepada pendekatan penilaian kendiri (*self regulation)* semua pihak yang berkepentingan seperti pekilang, PBT, agensi kerajaan dan orang awam. Pemakaian dokumen EESIM ini memberi pilihan kepada industri dalam mematuhi had penampan (*buffer*) yang ditetapkan berdasarkan kepada kaedah *modelling* yang dijalankan dan langkah-langkah mitigasi yang dicadangkan

3. Garis panduan ini akan menjadi rujukan kepada *stakeholder* seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam membuat penilaian kesesuaian tapak cadangan projek oleh industri yang mengambilkira

keperluan alam sekitar serta menjadi input dan ketetapan pembangunan yang dirujuk kepada JAS. Dalam hal ini, JAS melihat keperluan zon penampan berdasarkan daripada penemuan kawalan daripada *modelling analysis* akibat pencemaran yang terhasil dan cadangan alat kawalan pencemaran untuk mengurangkannya.

4. Walau bagaimanapun, JAS akan sentiasa mengemaskini garispanduan berkenaan berdasarkan keperluan semasa bagi memastikan pembangunan tidak menjejaskan kesejahteraan masyarakat.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 131

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN KAMARUDIN BIN ABDUN**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Tuan Kamarudin bin Abdun minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat akan meneliti semula peruntukan makanan kepada rumah anak-anak yatim yang berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat iaitu dari RM8.00 kerana ia tidak mencukupi. Peruntukan sekarang adalah RM8.00 sehari untuk 5 kali makan adalah tidak memadai dan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat perlu mengkaji semula untuk menaikkan kadar tersebut kepada RM16.00 sehari.

NO SOALAN: 131

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melihat NGO atau dikenali sebagai pertubuhan sukarela kebajikan (PSK) sebagai rakan strategik yang melengkapi usaha Kerajaan dalam menyampaikan perkhidmatan sehingga ke peringkat akar umbi.

Sebagai sokongan kepada usaha untuk melengkapi dan memperluaskan perkhidmatan kebajikan dan kemudahan kepada golongan masyarakat yang memerlukan, Kerajaan melalui KPWKM telah menyediakan bantuan kewangan kepada PSK termasuk kos perbelanjaan dan penyediaan makan dan minum kepada penghuni yang tinggal berkediaman atau datang secara harian ke Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK).

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, di bawah peruntukan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), bantuan yang disalurkan masih sebanyak RM8.00 sehari bagi kos perbelanjaan dan penyediaan makan dan minum kepada penghuni di pusat jagaan.

Sebagai menyokong usaha Kerajaan, PSK juga diharap dapat mengambil inisiatif untuk mendapatkan dana lain bagi menampung kos pengurusan pusat jagaan demi kesejahteraan penghuni. Ini adalah selaras dengan prinsip kerjasama strategik yang dijalinkan.

NO SOALAN: 132

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK RABIYAH BINTI ALI**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Datuk Rabiyah Binti Ali minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan mengenai status terkini perlaksanaan mekanisme baru subsidi petrol bersasar yang dijangka akan dilaksanakan mulai Julai 2019.

NO SOALAN: 132

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bersama Kementerian Kewangan (MOF) sedang **diperingkat akhir memuktamadkan cadangan mekanisma penyampaian subsidi petrol bersasar** untuk pertimbangan dan kelulusan Jemaah Menteri. Pengumuman lanjut berkaitan program ini akan dibuat sejurus setelah mendapat kelulusan tersebut.

NO SOALAN: 133

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN HAJI MUHAMAD BIN MUSTAFA**
TARIKH	**:**	**31 JULAI 2019**

Tuan Haji Muhamad Bin Mustafa minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan tahap keselamatan penduduk di Pasir Gudang serta risiko yang bakal dihadapi jika terus terdedah kepada pencemaran.

NO SOALAN: 133

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Pemantauan yang dijalankan sehingga kini menunjukkan bacaan gas yang menurun dan normal dengan keadaan semasa di Pasir Gudang berbanding semasa peringkat awal berlakunya insiden sebelum ini. Seperti semua sedia maklum, berlakunya kehadiran gas methyl mercaptan pada bacaan yang tinggi tetapi kehadiran gas ini tidak boleh dikaitkan secara langsung dengan simptom-simptom gangguan kesihatan yang berlaku. Gangguan kesihatan kepada pelajar-pelajar ini juga disebabkan oleh sebab-sebab lain dan sejarah perubatan pelajar yang terjejas.

2. JAS telah meningkatkan dan melipatgandakan penguatkuasaan sejak dari insiden Kim Kim sebanyak 40% dan telah memulakan tindakan awal sejak dari insiden pertama lagi dengan menjalankan pemantauan kualiti udara ke sekolah-sekolah dan kawasan yang terjejas. Memandangkan punca kali ini adalah dalam bentuk gas yang terapung di udara, JAS juga telah melaksanakan siasatan penguatkuasan ke atas punca-punca kimia (kilang-kilang) yang berpotensi di dalam radius sekolah yang terlibat bagi melaksanakan proses eliminasi iaitu mengeluarkan kilang-kilang ini sebagai bukan punca kepada insiden ini.

Sekian, terima kasih.